

Bil. 37

**Selasa
29 Julai 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 13)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-Undang Pencegahan Rasuah 1997	(Ruangan 13)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 37)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: Budaya Sebagai Benteng Menghindar Masalah Sosial - <i>Y.B. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)</i>	(Ruangan 59)
Permohonan Hakmilik Strata - <i>Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan)</i>	(Ruangan 62)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M.,
S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok,
P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri
Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S.,
S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N.,
P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'
Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P.,
S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin
Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J.,
J.M.N. (Kuala Rajang)

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh,
D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J.,
S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa,
S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi,
D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam,
P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd.
Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka
Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- ” Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S.
(Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin
Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed,
D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin,
P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat
Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd.
Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman,
D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P.,
A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K.,
J.M.N. (Silam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J., (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Sempoma)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: , P.J.K. (Jerantut)

- Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

“ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

“ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

“ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

“ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P.
(Rompin)

“ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

“ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

“ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

“ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

“ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)

“ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa
Maju)

“ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

“ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)

“ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

“ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

“ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

“ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

“ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

“ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

“ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

“ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

Yang Berhormat Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

“ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

“ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah
Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Salamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWANRAKYAT**

Selasa, 29 Julai 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PENGIKLANAN DAN PROMOSI SUKOM
1998 - PERBELANJAAN**

1. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan bagi pengiklanan dan promosi Sukom 1998. Setakat ini berapakah yang telah dibelanjakan. Sila nyatakan juga jumlah belanjawan bagi Sukom menurut emolumen, pentadbiran dan sebagainya. Apakah program-program promosi Sukom di seberang laut dan apakah keberkesanan kosnya (cost effectiveness).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan bagi pengiklanan dan promosi di bawah SUKOM 98 Berhad dianggarkan sebanyak RM12.5 juta. Dari jumlah tersebut, sehingga bulan Mei 1997 sebanyak RM1,246,064.00 telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. SUKOM 98 Berhad menganggarkan perbelanjaan sebanyak RM304.5 juta yang dibahagikan seperti berikut :-

Peruntukan Perbelanjaan RM [Juta]	
1. Kewangan dan Pengurusan	25.3
2. Human Resource	7.9
3. Teknologi	105.9
4. Komunikasi dan Promosi	12.5
5. Operasi	81.7
6. Pemasaran	26.8
7. Projek Khas dan Pejabat Pengerusi Eksekutif	35.3

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai promosi Sukan Komanwel telah dijawab sewaktu menjawab soalan dari Ledang pada 24.7.1997. Terima kasih.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa tujuan kita

mengadakan iklan dan promosi Sukom ini ialah untuk menarik minat peminat-peminat sukan dalam dan juga luar negeri. Sebagaimana yang kita sedia maklum juga, di dalam negeri ini peminat-peminat sukan adalah lebih tertumpu kepada permainan bola sepak tetapi di dalam Sukom ini bola sepak tidak dijadikan satu acara. Jadi, bagaimanakah pihak kementerian boleh menjamin peminat-peminat sukan terutamanya peminat-peminat sukan bola sepak ini tidak akan lari atau tidak tertinggal daripada menonton Sukom yang akan datang ini.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Sukan Komanwel ini boleh dikatakan anjuran Kerajaan Negara Malaysia - satu sukan yang diharapkan paling gemilang di abad ini, maka untuk menjadikan temasya ini satu temasya yang terunggul, maka kita perlukan kerjasama, bukan hanya daripada jabatan-jabatan kerajaan tetapi daripada pihak kerajaan negeri, misalnya dan pihak swasta dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada.

Maka, satu effort yang secara sepadu diperlukan dan di sinilah di mana kita pohon kerjasama daripada pihak-pihak persatuan terutamanya persatuan-persatuan bola yang ada di negara kita ini untuk menentukan bahawa peminat-peminat sukan tidak kiralah sama ada bola sepak atau apa-apa sukan lain datang bersama-sama, beramai-ramai, berduyun-duyun untuk menghadiri temasya ini. Saya harap Yang Berhormat akan membantu juga sebab saya diberitahu bahawa Ahli Yang Berhormat adalah seorang peminat sukan dari Tanjong Karang yang terunggul di negara ini.

Puan Chua Soon Bui: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh LPPM untuk mempromosikan Sukom 1998 dan adakah cadangan peningkatan daripada kementerian untuk menjalankan usaha promosi bersama-sama dengan Malaysia Airport Berhad (MAB), persatuan-persatuan teksi, syarikat pelancongan dan pihak hotel. Sekian.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, memang ada dalam perancangan satu kerjasama yang akan diadakan dengan pihak MAB dan persatuan-persatuan teksi, malah kita akan bekerjasama sepertimana yang saya katakan tadi dengan semua pihak, kalau bolehlah semua kalangan dan lapisan masyarakat di Malaysia ini akan dibabitkan untuk mempromosikan Sukan Komanwel ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LPPM telah pun mewujudkan satu jawatankuasa budaya kesenian dan pelancongan Kuala Lumpur 98 dan mereka telah pun mengadakan satu jawatankuasa kecil penggalakan di bawah pengawasan LPPM dan banyak aktiviti yang telah

dijalankan dan insya-Allah akan dipertingkatkan selepas ini, di antaranya adalah aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, LPPM sendiri telah membelanjakan sebanyak RM3 juta bagi menganjurkan aktiviti-aktiviti melalui pejabat-pejabat mereka di seluruh dunia. Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah pengedaran risalah dan video yang disediakan oleh Sukom 98 Berhad, taklimat kepada wartawan-wartawan, journalist, taklimat kepada pengusaha pelancongan, pameran pelancongan antarabangsa, mungkin di sini, Ahli Yang Berhormat daripada MITI dapat membantu, galakan pelancongan yang menyebarkan risalah serta video Kuala Lumpur 98 dan mengadakan homepage LPPM yang mengandungi maklumat-maklumat Kuala Lumpur 98. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk memberitahu kepada semua Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama erat dengan pihak Sukom 98 Berhad untuk menentukan kegemilangan Sukan Komanwel yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) tidak hadir]

MASALAH PERUMAHAN KAKITANGAN KERAJAAN - LANGKAH-LANGKAH MENGATASI

3. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah perumahan kakitangan kerajaan khususnya mereka yang dipindahkan; dan
- (b) apakah rancangan kerajaan untuk membina lebih banyak unit-unit perumahan untuk memenuhi keperluan-keperluan kakitangan kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut peraturan yang sedia ada, kerajaan tidak bertanggungjawab untuk menyediakan rumah-rumah kediaman bagi pegawai-pegawainya melainkan dengan budi bicara sendiri dan dengan syarat ada rumah-rumah kediaman yang kosong. Kerajaan juga ada

menyediakan rumah kediaman kerajaan kepada pegawai-pegawai tingkatan utama sebagai rumah khas jawatan seperti Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia dan rumah khas jabatan yang dikhaskan kepada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan tentera, polis, bomba, penjara, kastam dan imigresen.

Di samping itu juga kerajaan ada menyediakan kemudahan-kemudahan rumah sewa yang sewanya dibayar oleh kerajaan mengikut kelayakan pegawai berkenaan yang bertukar di antara Wilayah Semenanjung, Wilayah Sarawak dan Wilayah Sabah.

- (b) Bagi memenuhi keperluan-keperluan perumahan kakitangan kerajaan di seluruh negara, kerajaan telah menyediakan peruntukan di bawah rancangan bantuan wang perumahan kerajaan yang dikhaskan kepada kakitangan yang berkelayakan untuk memiliki rumah sendiri secara pinjaman perumahan kerajaan. Kerajaan menggalakkan kakitangan kerajaan memiliki rumah sendiri dan menyediakan peruntukan bagi pinjaman perumahan yang boleh diambil sama ada mengikut kaedah biasa atau mengikut secara Islam dan mengenakan bayaran perkhidmatan yang rendah iaitu 4%. Di samping itu juga, kerajaan telah menubuhkan Syarikat Perumahan Negara bagi mengatasi keperluan perumahan kakitangan kerajaan di seluruh negara.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Menteri soalan pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai rumah yang dibeli dengan pinjaman perumahan kerajaan. Apabila mereka menduduki rumah sendiri, mereka diberi elaun rumah tetapi apabila oleh kerana tahap mereka sudah meningkat ataupun hendak membeli rumah yang lebih besar lagi, mereka menjual rumah tersebut dan laporan terpaksa diberi kepada pihak pinjaman perumahan di Kuala Lumpur dengan sendiri kalau institusi berkenaan, umpamanya Jabatan Polis, banyak rumah-rumah kosong, umpamanya di Kuching, kalau pegawai itu menjual rumahnya dan dengan sendirinya dia bukan sahaja tidak boleh mendapat rumah kediaman tetapi elaunnya juga dipotong dan apakah rasional di sebalik tindakan kerajaan sedemikian? Terima kasih.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, selalunya pegawai tersebut menerima bantuan pinjaman pembelian untuk rumah tersebut daripada kerajaan dan dari itu beliau tidak patut menerima elaun perumahan yang selalunya diberi kepada pangkat pegawai tersebut. Jikalau beliau menjual rumahnya, maka terpaksalah fasiliti tersebut diberhentikan.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, harga rumah memang tinggi, sewa rumah memang tinggi, jadi bagi kebanyakan kakitangan kerajaan yang bergaji rendah memang tidak mampu membeli atau menyewa. Jadi, soalan tambahan saya adakah kerajaan bersedia untuk mewujudkan satu elaun perumahan yang istimewa bagi kakitangan-kakitangan kerajaan yang ditempatkan di bandar-bandar yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat berkenaan dengan pegawai kerajaan awam atau PTD officers, tetapi untuk tentera, mereka menerima peruntukan daripada kerajaan special allowance khususnya tempat-tempat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat di mana sewa perumahan agak tinggi daripada biasa dan untuk mendapatkan perumahan pun susah, misalnya di Kuala Lumpur, Labuan, Kuching dan di Pulau Pinang, kalau tidak silap saya. Selain daripada itu, saya akan memberi jawapan bertulis kepada beliau berkenaan dengan pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang lain.

KAWALAN JANGKITAN - DASAR DAN KAEDAH

4. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Kesihatan menyatakan dasar dan kaedah untuk kontrol infeksyen di negara ini. Bagaimana kakitangan berkeelayakan yang cukup dapat diadakan untuk maksud ini. Apakah cara untuk menjayakan pusat atau pusat-pusat kontrol infeksyen termasuk kawalan ke atas MRSA, Methicillin-Resistant Staphylococcus Aureus atau jenis-jenis infeksyen yang lain.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, dasar dan kaedah kawalan jangkitan bergantung kepada sudut di mana kawalan ini dimaksudkan. Dalam konteks kawalan jangkitan 'noscocomial' iaitu jangkitan yang berpunca dari hospital, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal dan mengurangkan kadar jangkitan noscocomial seperti berikut:

- (a) mengadakan Garis Panduan Kawalan Jangkitan Hospital yang diedarkan ke semua hospital untuk dilaksanakan;
- (b) membentuk Garis Panduan Penggunaan Antibiotik untuk mengawal perkembangan kuman-kuman 'antibiotic resistance';
- (c) membentuk Garis Panduan 'Disinfection and Sterilisation Policy';
- (d) mengamalkan sistem pembuangan sisa-sisa hospital yang sempurna mengikut garis panduan untuk membuang alat-alat suntik, alat-alat tajam dan jarum yang telah digunakan di hospital, klinik dan pusat kesihatan di dalam sektor kerajaan dan swasta. Latihan untuk anggota telah disediakan dalam program latihan sisa-sisa klinikal;
- (e) menjalankan pemeriksaan kebersihan untuk memastikan mereka yang bertugas di tempat-tempat seperti dewan bedah, wad rawatan rapi, wad nurseri (untuk bayi baru lahir) dan dapur bukanlah pembawa kuman;
- (f) mengekalkan tahap amalan perkhidmatan bermutu tinggi yang cemerlang dan berkualiti dalam perawatan dan penjagaan pesakit-pesakit penyakit berjangkit;
- (g) menjalankan 'antibiotic surveillance', dengan izin, dan mengedarkan laporan hasil surveillance untuk perhatian semua hospital;
- (h) mengadakan aktiviti latihan yang berterusan tentang hal kawalan jangkitan hospital;
- (i) mengadakan Jawatankuasa Kawalan Jangkitan Hospital serta menetapkan jururawat khas (Infection Control Nurse) di hospital-hospital untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti kawalan penjagaan.

Bagi soalan bahagian kedua, untuk memastikan hospital-hospital mempunyai kakitangan berkeelayakan yang mencukupi, latihan dalam perkhidmatan diadakan serta kursus-kursus khas diadakan dari masa ke semasa.

Ketiga, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai pusat-pusat kawalan infeksi yang khas. Setiap hospital mengamalkan langkah-langkah kawalan infeksi mengikut garis panduan-garis panduan yang ditetapkan dan sistem 'surveillance' yang wujud seperti memonitor bilangan kes jangkitan hospital serta 'antibiotic resistance surveillance', dengan izin.

Keempat, bagi kawalan infeksi MRSA (Methicillin Resistant Staphylococcus Aureus), prosedur-prosedur khas disediakan dalam Garis Panduan Kawalan Jangkitan Hospital.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jawapan kepada soalan saya hanya separuh sahaja, tersekat kepada hospital nosocomial sahaja. Sebenarnya ini dasar dan kaedah untuk kontrol infeksyen di seluruh negara. Ini bermakna saya hendak mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak kementerian hendak mengadakan pusat kawalan infeksyen di setiap negeri, kerana saya bangkitkan hal seumpama ini disebabkan di Sarawak terdapat 30 bayi (kanak-kanak) yang mati tetapi lebih tiga bulan lepas itu tidak ada punca, kita tidak dapat punca walaupun.....

Beberapa Ahli: Soalan!

Dr. Tan Seng Giaw:.....kita tidak tahu punca yang menyebabkan kematian itu dan tambah pula kita pun tidak tahu yang di hospital mati 30, yang di luar hospital bilangan yang mati kita tidak tahu.

Seorang Ahli: Ya, betul.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita tahu di luar hospital berapa yang sudah meninggal dunia, itulah masalah. Saya di sini hendak bantu juga, kita bukan hendak salahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi hendak bantu, kerana masalah kita termasuk mungkin di daerah itu doktor atau pusat kawalan itu tidak sempurna. Mungkin waktu itu bila berlakunya kes-kes ini yang ada di situ tidak begitu layak, mungkin ada jururawat (nurse) sahaja yang ada di pusat kawalan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaannya ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, banyak lagilah. Sebab itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila tanya.

Dr. Tan Seng Giaw:faktor-faktor yang menyebabkan masalah tidak ada kawalan yang sempurna ialah wujudnya mungkin kakitangan yang ada di situ tidak begitu layak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa soalnya, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalnya saya sudah tanya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah tanya. Sila duduk, ya. [Ketawa] Sila jawab, ya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini membuat tohmahan kepada kementerian kerana ini adalah satu perkara yang serius. Kalau Kementerian Kesihatan tidak mempunyai kelayakan dan kebolehan, tidak mungkin kita boleh kawal penyakit yang ada

sekarang atau mana-mana kes wabak yang ada di negara kita. [Tepuk] Jadi, saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:.....dalam kes berkenaan dengan soal pengawalan infeksi di hospital, kita tidak perlu ada kerana dalam satu kajian yang telah dijalankan di enam buah hospital, iaitu di Johor Bahru, di Kuantan, di Kuala Terengganu, di Melaka, Alor Setar dan Kuching, kita mendapati bahawa purata kejadian infeksi hospital ini adalah sebanyak 1.3%, jadi tidak perlu dan kita mempunyai cukup banyak pakar yang ada, yang berkaitan dengan sebarang usaha untuk mengawal wabak, termasuk penyakit Yang Berhormat kata kita tidak ada kemampuan dan memang kita ada kemampuan, kalau tidak, kita tidak akan boleh kontrol dan situasi itu sekarang telah dianggap sebagai dalam kawalan. Jadi, saya harap Yang Berhormat tidak perlulah membuat satu tuduhan yang tidak berasas terhadap kerajaan.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

INDUSTRI FARMASEUTIKAL UBATAN TEMPATAN-PERKEMBANGAN

5. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah perancangan pihak kementerian untuk membantu perkembangan industri farmaseutikal atau pengeluaran ubat-ubatan secara tempatan bagi memastikan negara tidak bergantung kepada ubat-ubatan yang dihasilkan dari negara luar, terutamanya di waktu-waktu kecemasan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar akan keperluan ubat-ubatan yang berkualiti, berkesan dan selamat untuk menjamin kejayaan program-program penjagaan kesihatan dan perubatan dalam negara ini. Perkembangan industri farmaseutikal dan ubat-ubatan adalah penting untuk memastikan negara kita tidak bergantung kepada pengimportan ubat-ubatan daripada negara asing.

Melalui program pendaftaran ubat-ubatan dan pelesenan pengilang, pengimport dan pemborong, sebanyak 11,268 produk farmaseutikal dan 3,100 produk ubat tradisional telah didaftarkan. Manakala 79 pengilang termasuk 19 pengilang ubat tradisional

telah diberi lesen pengilang. Malaysia mengimport ubat-ubatan dari 44 buah negara asing. Dengan adanya program pendaftaran dan pelesenan ini dan juga perkembangan industri farmaseutikal, kadar import telah dapat dikurangkan daripada purata 70% kepada lebih kurang 60%.

Kementerian Kesihatan telah memberi bantuan dan penggalakan kepada industri farmaseutikal tempatan melalui aktiviti-aktiviti berterusan termasuk:

- (i) membantu industri tempatan mencapai taraf Amalan Perkilangan Baik (APB) yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut piawaian dan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia supaya mereka boleh menembusi pasaran eksport;
- (ii) dengan adanya APB bagi kilang-kilang farmaseutikal tempatan yang bertaraf tinggi, menggalakkan syarikat multinational supaya mengilangkan ubat-ubatan paten di Malaysia. Misalnya, Syarikat Raza (M) Sdn. Bhd. yang telah diberi kontrak mengilang ubat berpaten "minipress" bagi Pfizer, USA;
- (iii) menggalakkan penggunaan ubat-ubatan generik yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan supaya tidak bergantung kepada import ubat jenama. Lebih daripada 90% ubat-ubatan digunakan oleh hospital-hospital dan institusi kesihatan kerajaan adalah ubat generik;
- (iv) memudahkan dan mempercepatkan proses pendaftaran ubat-ubatan tempatan untuk tujuan eksport;
- (v) menggalakkan eksport ke negara-negara jiran dan negara lain melalui lawatan/misi promosi rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan. Misi promosi sambil belajar ke negara Republik Rakyat China dan Indonesia telah diadakan pada bulan April dan Jun tahun ini;
- (vi) berkolaborasi dengan universiti-universiti tempatan dalam penyelidikan dan perkembangan (R&D) dalam kajian 'bioavailability' bagi keluaran-keluaran farmaseutikal;
- (vii) menyertai dalam aktiviti Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) Interest Group in Pharmaceuticals di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk merangkakan strategi kebangsaan bagi industri farmaseutikal; dan
- (viii) menyertai dalam Kumpulan Kerja Kelompok Awam - Swasta Industri Farmaseutikal di

bawah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) yang berfungsi untuk merancang dan menyelaras secara berkesan perakuan-perakuan Pelan Induk Perindustrian Kedua berhubung dengan industri farmaseutikal.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri mengenai soal industri pembuatan perubatan di negara ini. Beberapa tahun yang lepas kita pernah mendengar research dibuat untuk mencari sama ada benar atau tidak, umpamanya kayu bitangor untuk mengubat penyakit AIDS, Tongkat Ali, Hujan Panas, Rumpun Siti Fatimah dan pelbagai lagi rumput dan pokok kayu yang boleh terdapat di negara kita ini untuk mencari apakah ubat yang boleh dan jenis ubat yang boleh kita hasilkan daripada kayu-kayu berkenaan dan bagaimanakah penyelidikan berhubung dengan perkara-perkara tersebut?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:

Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Kesihatan menggalakkan kajian-kajian yang dijalankan khususnya dalam soal ubat-ubatan herba, malah kementerian telah menubuhkan monograf herba untuk tujuan pemiawaian spesis-spesis herba yang digunakan dalam ubatan tradisional. Produk ini dilaksanakan secara kolaboratif di mana universiti-universiti tempatan, institusi-institusi penyelidikan, pihak industri dan KKM mengambil bahagian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang nilai ubat-ubatan dalam Malaysia. Sama ada beliau sedar atau tidak bahawa ubat-ubatan yang dijual di Malaysia harganya adalah lebih tinggi kalau dibandingkan di negara di mana ia dikeluarkan. Sejauh manakah usaha kerajaan untuk menswastakan pengeluaran ubat-ubatan yang dibekalkan oleh hospital-hospital kerana ada ura-ura bahawa pengeluaran ubat-ubatan yang dibekalkan kepada hospital-hospital semua akan diswastakan. Sejauh manakah rancangan ini dan manakah syarikat yang akan mendapat kontrak tersebut?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini usaha untuk menswastakan pengeluaran ubat itu belum lagi dilaksanakan, tetapi kerajaan sentiasa menggalakkan pihak tempatan untuk menghasilkan keluaran ubat-ubatan tempatan. Contohnya, seperti yang kita lihat status pengimportan keluaran yang berdaftar dari segi keluaran bukan racun, bahan keluaran peringkat tempatan telah meningkat sebanyak 52%. Begitu juga di peringkat ubat berjenis keluaran racun, iaitu di tahap 31%. Juga jenis keluaran tradisional,

keluaran bagi pengilang tempatan adalah sebanyak 52%. Jadi, kerajaan sentiasa menggalakkan pengilang tempatan (local) dalam berperanan dengan menggalakkan mereka menghasilkan keluaran ubat generik dalam usaha untuk mengurangkan kos yang dikatakan tadi.

SEKOLAH BESTARI - TERAS PEMILIHAN

6. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing] minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah sekolah-sekolah lain mempunyai peluang menyertai program sekolah bestari di negara ini, selain sekolah berasrama penuh dan Maktab Rendah Sains MARA. Apakah keperluan utama yang menjadi teras pemilihan sebagai sekolah bestari tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian Pendidikan ialah memberi pendidikan yang sama rata kepada rakyat negara ini. Memandangkan sekolah bestari adalah perkara baru dalam sistem pendidikan, kementerian berharap agar ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Justeru itu, kementerian telah menetapkan bahawa sekolah yang terpilih pada peringkat yang pertama ini ialah sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan asas bagi penubuhan sekolah bestari, misalnya sekolah berasrama penuh, MRSM dan beberapa sekolah di luar bandar yang telah dikenal pasti bagi dijadikan sekolah bestari mulai tahun 1999. Walau bagaimanapun, semua sekolah di seluruh negara akan dijadikan sekolah bestari menjelang tahun 2010.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat kepastian dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berapakah bilangan sekolah yang akan menyertai sekolah bestari menjelang tahun 2000, dan dari jumlah ini bagaimana taburannya dari segi sekolah dalam bandar dan luar bandar?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat pertama, Kementerian Pendidikan telah tentukan bahawa di setiap negeri ada 2 atau 3 buah sekolah termasuklah sekolah di luar bandar yang mempunyai cukup kemudahan yang boleh dijadikan sekolah bestari. Seperti yang saya terangkan tadi, bilangan sekolah itu akan dipertingkatkan dari setahun ke setahun hingga menjelang tahun 2010 semua sekolah di negara kita termasuklah sekolah rendah, sekolah menengah, semua aliran akan dijadikan sekolah bestari.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri menjawab mengenai sekolah-

sekolah yang terpilih. Soalan tambahan saya ialah apakah rasional pemilihan sekolah-sekolah yang memang telah baik untuk dijadikan sekolah bestari? Saya ambil contoh Sekolah Aminuddin Baki di Kampung Pandan. Sekolah ini ialah sekolah terbaik di Wilayah Persekutuan. Kalau itu hendak dijadikan contoh, tentulah tidak rasional. Kenapa tidak ambil sekolah yang kurang baik?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebuah sekolah dari beberapa sekolah yang kita tentukan. Sebagai contoh, kita juga tentukan sekolah-sekolah di luar bandar, seperti Sekolah Menengah Durian Tunggal di kawasan saya yang merupakan sebuah sekolah luar bandar yang biasa yang akan dijadikan sebagai sekolah bestari. Jadi, semua sekolah termasuklah sekolah yang terkenal atau sekolah yang belum terkenal, dengan syarat bahawa sekolah-sekolah itu mempunyai kemudahan asas dan mempunyai guru-guru yang terlatih yang boleh bantu Kementerian Pendidikan dalam dasar pertamanya menjadikan dengan jayanya rancangan ini.

PENANAMAN PADI SECARA ESTET/ KOMERSIAL - INSENTIF KEPADA SYARIKAT SWASTA

7. Puan Rohani binti Abd. Karim [Santubong] minta Menteri Pertanian menyatakan mengenai apakah bantuan atau insentif daripada kerajaan bagi syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam projek penanaman padi secara perladangan atau estet dan komersial khususnya penerokaan penanaman padi di luar kawasan-kawasan tanaman utama negara.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi syarikat-syarikat swasta yang ingin terlibat dalam projek penanaman padi secara perladangan atau estet dan komersial khususnya di luar kawasan-kawasan tanaman padi utama negara, mereka boleh memohon bantuan atau insentif di bawah Akta Promosi Pelaburan 1986. Di bawah akta ini syarikat-syarikat swasta mempunyai pilihan untuk memohon mendapatkan sama ada pioneer status, iaitu pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan mereka untuk tempoh 5 tahun atau elaun cukai pelaburan ke atas perbelanjaan modal yang dibenarkan atau yang ditetapkan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan penanaman padi secara ladang atau estet, saya hendak tanya sama ada kerajaan telah menjalankan

satu kajian yang terperinci untuk menentukan tanah-tanah atau kawasan-kawasan yang sesuai untuk penanaman padi secara ini. Satu lagi, langkah untuk memastikan keperluan makanan asas bagi beras yang mencukupi untuk negara kita, saya hendak bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk menghentikan segala permohonan guna tanah daripada penanaman padi ke perumahan atau pembinaan komersial?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Soal kaji tanah ini terpulang kepada syarikat-syarikat yang ingin menceburkan diri dalam bidang pengurusan secara estet. Kementerian saya tidak akan melibatkan diri kerana keperluan itu mesti dijalankan oleh kompeni-kompeni yang berkenaan.

Yang kedua, keperluan beras bagi negara sekarang ini ialah 1.7 juta tan. Kita mengeluarkan 1.2 juta lebih sedikit, dan dijangka tahun 2000 keperluan kita hampir 1.9 hingga 2 juta tan. Jadi, kita import sekarang ini sekitar 30% hingga 35% sahaja. Dengan adanya syarikat-syarikat yang besar, saya yakin pengeluaran padi negara kita akan mencukupi terutama sekali dengan teknologi tinggi. Soal kita hendak hentikan tuan-tuan punya tanah daripada menggunakan tanah sawah kepada tanah-tanah kegunaan yang lain, itu di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Tetapi kementerian saya sedang merayu kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya dapat mengzonkan kawasan-kawasan jelapang padi khususnya di kawasan-kawasan yang telah kita jadikan kawasan jelapang padi seluruh negara sebanyak 14 buah jelapang padi. Kawasan itu kita minta supaya dapat seboleh-bolehnya dikekalkan menjadi kawasan jelapang padi.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah dan berapa luas sekarang ini estet penanaman padi yang ada dalam negara kita?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis kerana tidak ada pada saya. Tetapi cuma ada dua estet padi sekarang. Pertama, ialah yang dijalankan oleh FELCRA, iaitu di Seberang Perak dan satu lagi oleh swasta di Rompin, Pahang. Tetapi keluasannya saya jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan yang mulia ini pada hari semalam. Terima kasih.

PELAJAR PERUBATAN DI UNIVERSITI INDONESIA YANG TIDAK DIKTIRAF

9. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Pendidikan menyatakan polisi kerajaan yang mengatakan bahawa institusi kerajaan tidak boleh menghantar pelajar-pelajar ke universiti-universiti asing yang tidak diiktiraf. Oleh kerana itu, mengapakah segelintir pelajar-pelajar MARA dan pemegang-pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam sedang melanjutkan pelajaran mereka di dalam ijazah perubatan di lapan universiti di Indonesia yang tidak diiktiraf.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kerajaan untuk menaja pelajar-pelajar di universiti-universiti luar negara yang diiktiraf sahaja. Dasar ini juga terpakai untuk universiti-universiti di Indonesia. Oleh itu, pelajar-pelajar tajaan JPA yang mengikuti kursus perubatan adalah kesemuanya meneruskan pengajian di universiti-universiti yang diiktiraf. Kesemua mereka ditaja dalam bentuk biasiswa.

Sehubungan demikian, pada tahun 1990 terdapat 2 orang pelajar persendirian yang sedang belajar di Universiti Islam Sumatera Utara, Medan, Indonesia, iaitu sebuah universiti yang belum diiktiraf, memohon bantuan kerajaan untuk meneruskan pengajian mereka atas ihsan kerajaan/JPA. Kedua-duanya telah dibiayai dalam bentuk pinjaman pelajaran yang mana perlu membayar balik sepenuhnya apabila mereka menamatkan pengajian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelajar-pelajar perubatan dari Universiti Islam Sumatera Utara, Medan, Indonesia, yang menamatkan pengajian dengan jayanya masih berpeluang berkhidmat dengan kerajaan sekiranya mereka menduduki peperiksaan kelayakan atau qualifying exam yang dikenakan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan diiktirafkan sebagai pengamal perubatan oleh Majlis tersebut.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini Malaysia telah ada sekurang-kurangnya 5 buah universiti tempatan yang ada membekalkan Fakulti Perubatan. Oleh itu, tidakkah kerajaan memikirkan lebih murah bagi kerajaan memberikan biasiswa yang lebih banyak untuk membuat pengajian perubatan di Malaysia?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita ada 5 buah universiti tempatan yang menyediakan kemudahan pengajian dalam perubatan, ukuran kita ialah kita perlukan lebih ramai pakar-pakar perubatan, doktor dan sebagainya pada tahun yang akan datang. Jadi, kita bukan sahaja tajakan pelajar kita untuk memasuki universiti tempatan, tetapi untuk universiti-universiti yang kita iktiraf di luar negara.

**PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN
WANITA - PERKONGSIAN KUASA DI
PERINGKAT KERAJAAN TEMPATAN**

10. **Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kementerian menyokong Pelan Tindakan Pembangunan Wanita khususnya mengenai peluangnya wujud perkongsian kuasa antara lelaki dan wanita dan jika ya, bilakah ia bercadang untuk menggubal dasar bagi menjamin kewujudan perkongsian itu tercermin di majlis-majlis tempatan termasuk dewan-dewan bandar raya. Sehubungan itu, apakah matlamatnya bagi tahun 2000, 2005 dan 2020.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sememangnya menyokong Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Bagaimanapun berhubung dengan cadangan supaya digubalkan dasar bagi menjamin kewujudan perkongsian kuasa antara lelaki dan wanita di majlis-majlis kerajaan tempatan, kuasa untuk melantik ahli-ahli majlis itu adalah terletak kepada kerajaan-kerajaan negeri sepertimana termaktub dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Peruntukan di Seksyen 10 akta ini tidak menetapkan perantaraan berdasarkan kepada aspek jantina. Bagaimanapun, inginlah saya memaklumkan bahawa pada masa sekarang ini telah wujud perkongsian kuasa di peringkat kerajaan tempatan. Ini terbukti di mana hampir kesemua pihak berkuasa tempatan di dalam negara ini terdapat ahli-ahli majlisnya yang terdiri daripada kaum wanita.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah pihak kementerian tidak sedar bahawa di majlis-majlis tempatan ini yang dikatakan ada perkongsian kuasa hanya satu atau dua sahaja wanita yang dilantik, dan jumlah biasanya 24 atau 25 orang anggota. Jadi, itu tidak dapat ditakrifkan sebagai perkongsian sebenar.

Yang keduanya, apakah benar pihak DBKL langsung tiada wakil wanita? Kalau tidak silap, pihak Kerajaan Pusat boleh melalui undang-undang menggubalkan subsidiary legislation untuk memastikan perkongsian ini dapat ditentukan mengikut apa yang dikatakan critical match 30% jumlah yang diperlukan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dari segi hendak menggubalkan undang-undang, ini boleh diambil maklum oleh kementerian. Tetapi ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa dasar perantaraan adalah bergantung kepada kebolehan seseorang dan beberapa kriteria yang tidak mengambil kira jantina. Pada masa kini di seluruh negara ada 220 wanita yang menduduki majlis-majlis tempatan. Cuma yang saya mempunyai angka di sini ialah mengenai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Yang Berhormat menyoalkan tadi, jadi pada ketika ini saya rasa amat wajar sekali kalau NGO-NGO wanita membuat rombongan-rombongan melobikan kerajaan-kerajaan negeri agar perjuangan mereka itu diterima tanpa perlu digunakan undang-undang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak saya masuk ke Dewan ini sentiasa bangkitkan masalah ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Soalanlah!

Dr. Tan Seng Giaw: Masalah ini berterusan. Adakah Yang Berhormat akan mempertimbangkan cadangan bahawa pihak kementerian membuat satu kajian menyeluruh mengenai lebih 150 kerajaan tempatan, dan mendapat tahu faktor-faktor yang menghalang wanita menjadi ahli majlis. Itu satu.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw:saya nampak. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Soalan sudah cukup.

Seorang Ahli: Cukuplah!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua patut tunjuk ajar kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan sudah cukup, sudah penuh. [Ketawa]

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada satu kajian bagi menentukan faktor-faktor yang menghalang. Oleh kerana di negara ini kita dapati penglibatan wanita amat menyeluruh

walaupun dalam bidang yang dikatakan 'free fall' yang terjun dari kapal terbang tanpa pakai parachute ataupun payung terjun. Saya khawatir kenapa DAP tidak ada langsung wakil wanita dalam Parlimen.
[Tepuk]

KEPERLUAN RUMAH KOS SEDERHANA DI SABAH - PERUNTUKAN DAN PEMBINAAN

11. **Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah keperluan rumah kos sederhana di Sabah dan berapakah jumlah yang telah diluluskan peruntukan dan pembinaannya; dan
- (b) apakah masih ada projek-projek perumahan yang terbengkalai di Sabah dan bilangannya serta tindakan yang telah diambil terhadap masalah ini.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, jumlah keperluan rumah kos sederhana di Sabah adalah sebanyak 12,000 unit. Sektor swasta memainkan peranan utama untuk menyediakan rumah kos sederhana dan pada masa kini sebanyak 100 unit sedang dilaksanakan di Sabah. Adalah menjadi dasar kerajaan tidak memberi peruntukan bagi pembinaan rumah kos sederhana di dalam negara ini.

Berhubung dengan projek rumah yang terbengkalai di negeri Sabah, kini terdapat lima projek perumahan yang masih menghadapi masalah sedemikian. Bagi mengatasi masalah di atas, tindakan telah diambil oleh pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah dengan mengarah pihak Syarikat KK TNP Sendirian Berhad untuk mengambil alih kerja-kerja yang terbengkalai ini.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masih banyak lagi keperluan rumah kos rendah dan sederhana di Sabah dan setakat ini belum banyak yang diluluskan oleh kerana difahamkan oleh peruntukan kewangan yang terhad, apakah Kerajaan Persekutuan ataupun mana-mana agensi bercadang untuk memberi pinjaman atau bantuan kepada negeri Sabah?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan tadi, pembinaan rumah kos sederhana dibenarkan dan digalakkan sektor swasta

yang membinanya. Memandangkan permintaan ataupun mengikut kajian kementerian, keperluan sebanyak 12,000 unit dalam rangka Rancangan Malaysia Ketujuh maka seharusnya pihak swasta diberi galakan dengan menggunakan pinjaman bank. Kerajaan hanya memberi pertolongan dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedar bahawa kerajaan ada rancangan untuk menubuhkan satu suruhanjaya perumahan nasional. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kedudukan rancangan itu dan bilakah ia akan mula beroperasi untuk mengatasi masalah keperluan rumah kos rendah dan juga kos sederhana.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, badan yang akan ditubuhkan bukanlah suruhanjaya bahkan Syarikat Perumahan Negara dengan bermodal sebanyak RM1 bilion. Setakat ini belum ditentukan bagaimana syarikat berkenaan akan bergerak, kemungkinannya ada unsur-unsur cross subsidy di mana pembinaan rumah-rumah murah akan juga digunakan keuntungan daripada pembinaan rumah-rumah kos yang sederhana dan tinggi. Tetapi dasar yang sebenarnya belum lagi dapat dipastikan.

PENGGORPORATAN BERNAMA - PENANGGUHAN PELAKSANAAN

12. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Penerangan menyatakan kenapakah rancangan pengkorporatan BERNAMA telah banyak kali tertangguh dan sehubungan ini bolehkah beliau mengumumkan tarikh muktamad. Apakah sebab-sebab sebenar rancangan itu telah beberapa kali tertangguh.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, sejak kerajaan membuat keputusan untuk mengkorporatkan BERNAMA, usaha sedang giat diambil untuk melaksanakan keputusan itu. Kerajaan tidak pernah menangguhkan pelaksanaan keputusan tersebut.

Walau bagaimanapun, memang ada berlaku sedikit kelewatan kerana usaha-usaha itu perlu melalui beberapa proses tertentu dan melibatkan beberapa agensi kerajaan. Keputusan kerajaan untuk menamatkan hak eksklusif BERNAMA bagi menerima dan mengedar berita dan bahan berita dari luar negeri akan menjejaskan viabiliti BERNAMA untuk dikorporatkan.

Kerajaan kini sedang mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu diambil untuk menjamin viabiliti BERNAMA selepas ianya dikorporatkan. Oleh itu tarikh sebenar pengkorporatan BERNAMA akan ditentukan oleh kerajaan kelak.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sama ada benar atau tidak keputusan kerajaan untuk menarik balik hak eksklusif untuk mengedarkan berita-berita luar negara kepada BERNAMA itu adalah berpunca daripada lobi kuat daripada agensi-agensi berita asing dan apakah setelah tindakan ini diambil, kerajaan mempunyai satu rancangan alternatif bagi membolehkan agensi berita ini terus viable berikutan dengan penarikan balik hak eksklusif ini.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pertama, tidak ada lobi untuk menarik hak eksklusif daripada agensi berita asing. Walaupun ada, ia tidak pernah mempengaruhi kerajaan untuk membuat keputusan tersebut.

Namun oleh kerana dalam keadaan kemajuan teknologi informasi dan teknologi telekomunikasi ini tentulah fungsi dan peranan BERNAMA akan berbeza dari peranannya sebagai sebuah agensi berita pada hari ini, ia akan lebih luas alternatif untuk beberapa dimensi termasuk radio dan penyiaran TV dan lain-lain yang boleh termaktub dalam multimedia yang sedang dirancang oleh kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah.

[Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh] tidak hadir]

PENGUNDI PILIHAN RAYA - CADANGAN MENURUNKAN HAD UMUR DARI 21 KE 18 TAHUN

14. **Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihanraya akan menurunkan had umur sebagai pengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun sesuai dengan umur dewasa mengikut undang-undang negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini SPR belum lagi bercadang untuk menurunkan had umur dari 21 tahun kepada 18 tahun bagi membolehkan seseorang itu mendaftar sebagai pemilih.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen apakah strategi dan langkah pihak SPR untuk memperhebatkan lagi penambahan bilangan pengundi kerana kita lihat apabila pelancaran pendaftaran pengundi-pengundi baru dibuat dari masa ke semasa, respond yang diterima amatlah membimbangkan dan menyedihkan.

Saya ingin tahu berapakah peratusan mengikut bangsa apabila sesuatu program pendaftaran pengundi-pengundi baru dibuat selama ini.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuat pendaftaran baru pemilih, kita cuba bermacam cara untuk menarik minat supaya sesiapa yang layak untuk menjadi pemilih mendaftar. Di antaranya ialah kita mengadakan tempat mendaftar di kompleks membeli-belah di seluruh negara selain daripada kita mengadakan di balai-balai raya di luar-luar bandar.

Setahu saya, setelah saya membuat tinjauan apabila kita membuat pendaftaran pemilih yang baru mulai 2 Jun 1997 hingga 2 Julai 1997, saya telah singgah ke beberapa tempat, galakan amat baik di kompleks membeli-belah, sebab di sini orang ramai berkunjung dan pada pendaftaran yang baru ini kita telah dapat menerima sebanyak 373,778 pemilih, pemilih baru ialah 96,417. Jadi, usaha memang dibuat oleh kerajaan bukan sahaja menentukan tempat-tempat yang strategik tetapi juga kita telah mengiklan dan juga mengadakan siaran TV supaya ramai orang datang mendaftar.

Jadi, yang pentingnya ialah kita memberi kesedaran kepada mereka yang layak supaya datang mendaftar diri kerana amat penting bagi mereka itu menjadi pemilih bagi menentukan kerajaan pada masa-masa sekarang dan akan datang.

Mengenai pembahagian pendaftar mengikut bangsa, memang kita tidak ada daftar yang tepat, tetapi keseluruhannya selalunya mengikut posisi ataupun kedudukan bangsa di negara kita. Jadi, yang ramai ialah bumiputera, orang Melayu dan sebagainya sebab mereka ini adalah separuh daripada bilangan penduduk maka pendaftar juga yang ramai adalah daripada mereka, lepas itu mengikutlah keadaan bilangan penduduk di negara kita.

**BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA -
USAHA MEMBANTU PROJEK LUAR
BANDAR**

15. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sejauh manakah agensi-agensi di bawah kementerian tersebut khususnya Bank Rakyat membantu rakyat untuk mengusahakan projek-projek di peringkat luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia adalah sebuah koperasi berdaftar yang menjalankan aktiviti mengambil deposit dan memberikan pembiayaan kewangan. Secara langsung Bank Rakyat tidak terlibat dalam pelaksanaan projek-projek luar bandar.

Walau bagaimanapun, Bank Rakyat melibatkan diri dalam urusan pemberian kredit di dalam dan di luar bandar dan dalam kempen-kempen yang dijalankan oleh kerajaan seperti Kempen Penabungan di peringkat sekolah termasuklah sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membantu rakyat mengusahakan projek-projek di luar bandar, agensi-agensi di bawah kementerian saya telah melaksanakan beberapa program yang di antaranya termasuklah:-

- (i) program kemudahan pinjaman mudah ataupun dengan izin, soft loan kepada koperasi-koperasi berdaftar oleh Jabatan Pembangunan Koperasi. Kadar faedah yang dikenakan ialah di antara 0% hingga 6%;
- (ii) program latihan kepada ahli-ahli koperasi dalam pelbagai bidang seperti pengurusan, keusahawanan, kepimpinan, pengurusan kewangan, aplikasi komputer dan lain-lain. Program ini dilaksanakan oleh Maktab Kerjasama Malaysia dan dalam tahun 1996 sebanyak 90 kursus telah diadakan;
- (iii) FELDA terlibat secara langsung dalam program peningkatan pendapatan dan simpanan di kalangan peneroka dengan memberi galakan dan bimbingan dalam bidang ternakan, perniagaan, industri kecil, kraftangan dan koperasi.

Sehingga akhir tahun 1996, seramai 10,246 peneroka telah terlibat dalam ternakan; 9,550 dalam perniagaan, industri kecil dan kraftangan; seramai

106,254 peneroka dalam koperasi dan seramai 137,965 peneroka atau keluarga mereka melabur dalam Koperasi Permodalan FELDA Berhad.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan mengenai Bank Rakyat daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen. Bank Rakyat ini sudah lama ditubuhkan, kita dapati banyak jasa yang dijalankan termasuk pendidikan dan juga aktiviti koperasi.

Memandangkan keadaan sekarang telah berubah, adakah kerajaan bersedia untuk menukarkan corak pendekatan aktiviti Bank Rakyat ini daripada bank koperasi kepada bank komersial. Jadi, kalau ia, bilakah perkara ini mungkin dapat disempurnakan dan kalau tidak, kenapa?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Bank Rakyat adalah didanakan oleh anggota-anggotanya dan Bank Rakyat juga mempunyai lembaga pengarahnya tersendiri dan saya percaya bahawasanya lembaga pengarah Bank Rakyat adalah orang yang profesion dalam bidang urusan perniagaan dan mereka mengetahui apakah yang diperlukan oleh pelabur-pelabur mereka.

Selain daripada ianya merupakan satu bank, ia juga adalah bertanggungjawab untuk membantu mengembangkan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, kerajaan tidak bercadang untuk menunjuk-nunjuk kepada mereka jalan-jalan yang harus mereka lalui tetapi bersedia membimbing Bank Rakyat kiranya mereka mahu membuat perubahan terhadap urusan perniagaan mereka.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita melihat bahawa organisasi-organisasi yang ditubuhkan ataupun pertubuhan koperasi yang telah ditubuhkan di bawah kementerian ini begitu banyak, apa yang jelas berlaku pada hari ini ialah kebanyakan daripada koperasi-koperasi yang ditubuhkan itu adalah lembap dan malap pengurusannya.

Jadi, saya ingin tahu apakah strategi ke arah untuk menghidupkan lagi koperasi-koperasi yang ditubuhkan ini supaya mereka benar-benar dapat menghayati akan isi yang dilahirkan bagi membentuk masyarakat dan bergiat di dalam perniagaan dan adakah cadangan pihak kementerian untuk memberikan latihan yang berganda kepada pengurus-pengurus ataupun pemegang-pemegang jawatan di dalam koperasi yang sedia ada pada hari ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, biasanya koperasi-koperasi ini dianggotai oleh masyarakat yang biasanya, masyarakat yang daif. Mereka yang mempunyai modal yang besar, korporat yang mempunyai modal yang berjuta-juta atau mereka yang mempunyai keusahawanan yang tinggi biasanya mereka tidak menjalankan perniagaan secara berkongsi atau kalau dikongsi pun diperkongsikan dengan golongan yang kecil tetapi golongan koperasi ini ialah datangnya daripada golongan orang yang daif yang dari segi modalnya orang yang kerdil dan kecil tetapi dengan prinsip digabungkan begitu ramai, akhirnya modal kecil menjadi besar dan oleh kerana mereka kedaifan dua perkara, biasanya, yang pertamanya, ialah ilmu pengetahuan, selok-belok perniagaan, opportunities dan sebagainya. Oleh kerana itu perniagaan mereka tidaklah sedinamik yang diperolehi oleh mereka yang mempunyai ilmu dan kekuatan ilmu perniagaan di dalam bidang-bidang korporat.

Namun demikian, kalau kita lihat dari segi harta yang dimiliki oleh badan-badan koperasi, ketika ini saya mengiktiraf, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Jelebu bahawasanya sebahagian daripada koperasi adalah lembab - memang saya bersetuju kerana sepertimana yang saya nyatakan tadi, mereka daif, kekurangan ilmu dan sebagainya. Dari segi kementerian kita menggalakkan latihan. Kita adakan maktab kerjasama, Jabatan Pembangunan Koperasi memberi bimbingan, kita memberi geran dan kita juga mengeluarkan pinjaman-pinjaman mudah untuk membantu mereka tetapi oleh kerana prinsip koperasi ialah bekerjasama dan berkerja sama-sama iaitu berdasarkan semangat "Tuhan tidak akan mengubah nasib kamu, kecuali kamu mengubahkannya" dan semangat ialah bekerjasama di antara satu sama lain, maka saya percaya bahawasanya pencapaian pada hari ini, bagi saya adalah memadai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjaminkan bahawasanya kementerian memang berhasrat untuk memastikan koperasi-koperasi dalam negara kita berjaya kerana ia merupakan satu mekanisme bagi kita menentukan pengagihan kekayaan ekonomi dalam negara ini diberikan kepada masyarakat ramai secara saksama dan koperasi adalah satu daripada senjata kerajaan untuk membantu pengagihan ekonomi yang saksama. Terima kasih.

BAJA MENTAH KELUARAN ASEAN BINTULU FERTILIZER - PASARAN

16. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada baja mentah yang dikeluarkan oleh kilang ASEAN Bintulu Fertilizer boleh ditambah nilai supaya para peladang di Sarawak boleh membeli baja yang lebih murah terus dari kilang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, lazimnya kerajaan tidak campur tangan dalam urusan menentukan jenis keluaran sesuatu syarikat kecuali bagi industri yang berkepentingan strategik negara. Pertimbangan sesuatu syarikat untuk mengeluarkan apa-apa produk adalah berasaskan kemampuan syarikat tersebut, kehendak pasaran, perancangan masa depan syarikat tersebut dan lain-lain faktor yang berkaitan. Tambahan pula, jika dirujuk kepada perjanjian-perjanjian dasar dan tambahan mengenai projek perindustrian ASEAN mahupun dari syarat-syarat kelulusan projek ASEAN Bintulu Fertilizer tidak terdapat sebarang sekatan mengenai jenis keluaran ataupun pasaran yang dikenakan ke atas syarikat tersebut. Ini bermakna syarikat bebas untuk menambah nilai baja mentah keluaran syarikat tersebut untuk pasaran.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah hasil pengeluaran bagi ASEAN Bintulu Fertilizer (ABF) di kalangan negara anggota ASEAN atau di manakah baja ini dibekalkan sebenarnya? Adakah Sarawak diberi keutamaan? Sekian.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam soalan saya tadi iaitu kerajaan tidak campur tangan dalam urusan menentukan jenis keluaran dan pasaran syarikat ini. Jadi, bebas kepada mereka untuk dihantar ke mana yang mereka mahu hantar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

[Soalan No. 17 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]

LAPANGAN TERBANG SULTAN MAHMUD KUALA TERENGGANU - PENGUBAHSUAIAN

18. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu akan diperbesarkan landasannya dan pengubahsuaian semula bangunan terminal dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan peruntukan berjumlah RM30 juta dan sepatutnya disegerakan pembinaannya dalam tahun 1997, apakah halangan-halangan yang menyebabkan pembesaran landasan dan pengubahsuaian semula bangunan terminal tersebut tergendala.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan memang telah bersetuju supaya kemudahan-kemudahan di Lapangan Terbang Terengganu dipertingkatkan. Antara kemudahan-kemudahan yang dikenalpasti ialah bangunan terminal berkenaan. Namun demikian, kerajaan kini dalam proses menetapkan skop kerja berasaskan kepada peruntukan yang telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, pihak JKR telah pun menyediakan reka bentuk konsep bagi projek ini. Peringkat pelaksanaan projek ini akan bermula sebaik sahaja keputusan dibuat mengenai skop projek serta peruntukan yang diperlukan bagi projek ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 13, 17 dan 19 hingga 92 dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE
DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-
PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN
TEMPATAN**

(PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN
RASUAH 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [28 Julai 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong,

3.36 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya memulakan perbahasan saya dengan satu anekdot mengenai rasuah yang berlaku kepada diri saya minggu lalu. Saya berada di sebuah negara jiran minggu lalu, oleh kerana pesawat yang sepatutnya membawa saya balik ke Kuala Lumpur menerusi Medan rosak, saya terpaksa mencari jalan alternatif menerusi Jakarta. Tiket ada dan tempat duduk masih kosong tetapi sewaktu saya berurusan dengan travel agent mereka melengah-lengahkan, apabila ditanya "pelincirnya mana Pak?" [Ketawa] Jadi, "pelincir" yang dimaksudkan adalah satu dari elemen rasuah yang berlaku di sebuah negara jiran. Kita tidak mahu perkara ini berlaku di dalam negara kita.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, syukur Alhamdulillah kerana hari ini wujud keinsafan yang amat mendalam di kalangan kita semua terhadap rasuah. Saya sependapat dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam bahawa rasuah adalah jenayah keji dan merbahaya. Lebih serius lagi, rasuah adalah ancaman bukan ketenteraan, non-military threat, dengan izin yang lahir dari perilaku mungkar manusia tipis iman, rendah asas akhlak, daif akal budi dan enggan menjunjung kedaulatan undang-undang ataupun rule of law, dengan izin. Sebab itulah amalan rasuah yang merebak liar boleh membiakkan ketidakadilan, boleh memudaratkan golongan miskin, boleh mengancam keselamatan negara, menggugat demokrasi, menghuru-harakan kerajaan, meruntuhkan sesebuah tamadun dan membinasakan sesuatu bangsa.

Lantaran itulah saya menyokong penuh dan amat berbangga dengan usaha kerajaan mengetengahkan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 di Dewan yang mulia ini. Moga-moga iltizam politik yang tegas ini akan mendorong kelahiran sebuah negara Malaysia yang sifar rasuah di waktu-waktu mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkukuhkan lagi iltizam politik ini, saya berharap semoga kerajaan mempertimbangkan untuk memberi perspektif baru kepada rasuah. Gejala ini hendaklah dikategorikan sebagai musuh negara yang lebih dahsyat padahnya dari penagihan dadah. Justeru itu, wajarlah kerajaan mempertimbangkan untuk mewujudkan sebuah Majlis Anti Rasuah Negara untuk mengesan, mengkaji serta menganalisa amalan rasuah, kesan dan implikasinya terhadap sosio ekonomi, politik dan keselamatan negara. Majlis tersebut hendaklah

mempunyai jawatankuasanya di peringkat negeri dan daerah serta bergerak seiring dengan Badan Pencegah Rasuah.

Cadangan ini adalah di antara beberapa cadangan yang dicetuskan oleh Muafakat Memerangi Rasuah yang diadakan di Kuala Lumpur 10 hari yang lalu. Saya berpendapat bahawa kewujudan majlis ini akan menambahkan keberkesanan usaha-usaha memerangi rasuah secara perundangan dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, lazimnya apabila isu rasuah disorot dan dikupas, banyak jari yang akan menuding dan terus ditudingkan kepada kakitangan awam dan ahli-ahli politik pemerintah. Jarang-jarang sekali amalan rasuah di sektor korporat atau swasta diberi kupasan yang luas dan prominen. Jarang-jarang sekali isu rasuah di sektor korporat dan swasta digembar-gemburkan. Hakikat ini amat menghairankan kerana saya difahamkan bahawa gejala rasuah di sektor korporat dan swasta dan pihak awam yang berurusan dengan sektor korporat dan swasta adalah serius. Saya mendapat tahu bahawa di antara 45% hingga 50% kes rasuah yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah selama ini adalah yang membabitkan urusan awam dengan sektor korporat dan swasta.

Saya mempunyai ramai sahabat yang mempunyai urusan perniagaan dengan pihak swasta ataupun korporat. Sesetengah mereka mendakwa bahawa mereka terpaksa merasuah individu tertentu di bahagian pembelian, kontrak dan bekalan organisasi swasta atau korporat semata-mata untuk membolehkan usahawan berkenaan membekalkan sesuatu barangan yang diperlukan oleh sektor swasta atau korporat terbabit. Peniaga atau usahawan berkenaan amat insaf bahawa rasuah itu salah. Tetapi, demi perniagaannya, jika beliau tidak memenuhi kehendak pegawai pembelian, kontrak dan bekalan di sektor berkenaan, beliau akan kehilangan business dan sekali gus terus rugi.

Keluhan sahabat-sahabat saya ini bukanlah dongeng. Ini hakikat dan inilah realitinya. Jika tidak dirasuah, mereka tidak akan dapat berurus niaga dengan badan swasta atau sesuatu perbadanan korporat. Bila elemen rasuah dirangkumkan ke dalam kos bekalan barangan yang dikehendaki, maka kos barang yang dibekalkan ke pihak swasta terbabit itu meningkat, juga demi kerana rasuah. Dengan itu, barang atau perkhidmatan sektor swasta terbabit juga akan jadi mahal, juga akibat rasuah. Akhirnya, para pengguna yang akan membeban

kenaikan kos tersebut dalam bentuk harga pasaran swasta atau korporat terbabit. Inilah yang dikatakan ketidakadilan ataupun penindasan kepada pengguna, khususnya kepada golongan berpendapatan rendah.

Keadaan sebeginilah yang menyebabkan amalan rasuah di sektor korporat dan swasta dikatakan sukar untuk dilaporkan. Keadaan inilah juga yang menyukarkan Badan Pencegah Rasuah kerana rasuah dalam konteks segolongan sektor swasta dan korporat wujud dalam situasi kerelaan pihak pemberi dan penerima. Rasuah di sektor ini sukar dibanteras kerana amalan tersebut disifatkan sebagai tatacara yang memudahkan sesuatu urusan perniagaan di sesetengah kalangan korporat dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap semoga pihak Badan Pencegah Rasuah akan menggunakan kuasanya untuk membanteras gejala rasuah ini secara menyeluruh. Bukan sahaja di sektor awam, bukan sahaja di sektor politik malahan juga di sektor swasta dan juga korporat, khususnya badan-badan korporat di mana kerajaan mempunyai kepentingan dan di mana kerajaan memegang "saham keemasannya" atau holding the golden shares, dengan izin.

Saya yakin bahawa rakyat jelata tidak mahu sesetengah pemimpin korporat yang memegang amanah kerajaan untuk mengkhianati amanah tersebut. Saya percaya rakyat jelata juga tidak mahu pemimpin korporat yang memegang amanah pemegang-pemegang saham untuk mengkhianati amanah tersebut dan pada setiap tahun hanya mengisytiharkan dividen keuntungan yang amat minimum.

Saya juga berharap agar Badan Pencegah Rasuah mempunyai kepakaran membanteras rasuah di sektor korporat dan swasta. Tanpa kepakaran, pastinya susah untuk dikesan amalan rasuah di sektor ini yang bijak dengan taktik-taktik menipu menerusi proses "creative accounting" ataupun perakaunan kreatif. Saya difahamkan bahawa taktik perakaunan kreatif ini boleh menyolek ataupun putting cosmetic kepada sesuatu kemungkarannya supaya kelihatan prudent atau berhemah.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semoga BPR menggunakan peruntukan Fasal 8 di dalam rang undang-undang yang kita bincangkan hari ini, khususnya Fasal 8 (c), (d) dan (e), untuk meliputi sektor swasta dan korporat. Menerusi peruntukan ini, saya berharap BPR akan memohon jasa baik pihak swasta dan korporat untuk mewujudkan tatacara etika dan kanun

antirasuah di jabatan-jabatan swasta dan korporat yang kelihatannya terdedah kepada amalan rasuah.

Seterusnya, jika Fasal 8(c) di dalam rang undang-undang ini membolehkan BPR meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah akta ini, maka usaha yang sama juga perlu diperluaskan ke sektor swasta dan korporat.

Jika Fasal 8(d) akta ini membolehkan BPR "mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu", saya harap BPR juga akan memanjangkan khidmat ini kepada pihak swasta dan korporat.

Saya amat prihatin terhadap dakwaan dan keluhan mengenai kalangan swasta dan korporat yang rasuah, kerana in the final analysis, dengan izin, rakyat marhain, rakyat yang rendah akan membeban harga pasaran dan ini boleh menyebabkan kesukaran dan meningkatkan kadar inflasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini rasuah juga digosipkan oleh sesetengah pihak sebagai telah merebak liar ke jabatan-jabatan kerajaan yang mengendalikan projek-projek penswastaan. Saya percaya dakwaan ini tidak benar kerana projek-projek penswastaan dan penganugerahan sesuatu konsesi adalah diluluskan oleh Kabinet yang bertanggungjawab dan berintegriti tinggi.

Namun begitu, desas-desus masih terus kedengaran kononnya wujud di sesetengah jabatan-jabatan terbabit beberapa pegawai awam yang telah pun "dipelihara" oleh sesetengah tauke-tauke tertentu. Saya tidak tahu ini benar ataupun palsu. Tetapi, masih lagi terus kedengaran kisah-kisah di mana seseorang usahawan yang kreatif telah memajukan kertas kerja untuk sesuatu projek penswastaan tetapi akhirnya projek yang dicadangkan itu dianugerahkan kepada pihak lain yang dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan segolongan orang dalaman.

Dongeng dan desas-desus semacam ini sememangnya tidak sihat. Ia boleh menjejaskan integriti kakitangan awam di sesuatu jabatan kerajaan tertentu. Oleh itu, demi meningkatkan lagi kredibiliti dan wibawa jabatan-jabatan dan kakitangan awam yang mengendalikan projek-projek penswastaan atau projek-projek mega (mega project), seluruh perilaku kakitangan awam yang memproses, menganalisa, membuat perakuan (recommendation), mengendali, menyelia dan meluluskan semua projek penswastaan ataupun projek-projek

pembangunan yang besar di peringkat pusat, negeri dan daerah mestilah telus dan bebas dari rasuah. Warga korporat yang berurusan dengan sektor awam mengenai penswastaan dan juga pelaksanaan projek-projek besar di semua peringkat juga perlu dituntut berperilaku telus dan bebas dari rasuah.

Jika terdapat mana-mana pihak di peringkat pusat, negeri dan daerah menggunakan khidmat konsultan untuk menilai sesuatu projek penswastaan dan projek pembangunan yang besar, perkhidmatan itu hendaklah diaudit secara teliti. Hendaklah dipastikan kenapakah jabatan yang bertanggungjawab mengenai penswastaan ataupun pelaksanaan projek-projek besar memerlukan khidmat konsultan sedemikian? Saya membuat cadangan ini kerana takut-takut jabatan yang bertanggungjawab mengenai penswastaan atau pelaksanaan projek-projek mega ini jadi tidak functional, dengan izin, tetapi konsultan swasta pula yang mengaut keuntungan secara tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa segala peruntukan memerangi rasuah yang terkandung di dalam rang undang-undang ini akan berjaya mengurangkan amalan rasuah di negara ini. Tetapi, oleh kerana rasuah berpunca dari sikap, amalan dan perilaku manusia, usaha-usaha pembersihan minda, penjernihan minda juga perlu dilakukan jika rasuah hendak diperangi secara habis-habisan.

Dalam hubungan ini, saya mencadangkan supaya seluruh kakitangan awam, pemimpin politik dan korporat perlu menjalani proses pemanusiaan (humanizing process) ataupun humanisation of the human beings, dengan izin. Saya yakin proses pemanusiaan ini akan menanamkan keinsafan diri terhadap apa yang makruf dan apa yang mungkar. Pastinya proses ini akan mendorong individu terbabit untuk menghayati serta mengamalkan nilai, norma, tradisi dan gaya hidup yang murni selaras dengan tuntutan masyarakat madani dan selaras juga dengan tuntutan Allah S.W.T.

Pada waktu yang sama, saya juga mencadangkan semoga seluruh kakitangan awam, pemimpin politik, pemimpin korporat dan swasta diberikan kesedaran antirasuah secara konsisten. Input-input keagamaan dan ketatanegaraan yang boleh memperkukuhkan lagi ketahanan diri ataupun resilience, dengan izin, menentang rasuah hendaklah ditanamkan ke dalam jiwa semua pihak pada setiap masa. Kurikulum antirasuah juga hendaklah diperkenalkan di setiap institusi latihan awam dan swasta yang melatih kakitangan yang baru diambil bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dua tiga hari yang lalu masyarakat Malaysia digempar dan dikejutkan oleh usaha mensabotaj mata wang ASEAN, termasuk Malaysia, oleh seorang Yahudi yang berpengaruh. Individu berkenaan yang kononnya mahu memperjuangkan masyarakat terbuka, dikatakan telah menggunakan berbilion ringgit untuk melunturkan nilai mata wang negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia. Usahnya terbukti berjaya dan sebilangan negara ASEAN sekarang ini merasai padahnya.

Individu ini amat berbahaya, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu sama ada beliau mempunyai kaitan dengan Pakatan Zionis Antarabangsa yang mempunyai agenda memerangi negara-negara membangun ataupun negara-negara Islam yang kelihatan cergas dan dihormati. Tetapi, semua pihak insaf bahawa individu ini mempunyai rekod yang agak negatif.

Contohnya, majalah Forbes, 7 April 1997 menyiarkan satu artikel bertajuk, dengan izin, "Beware of billionaires bearing gifts" ataupun "Awasilah seorang billionaire yang sering memberi hadiah" kerana individu billionaire terbabit adalah di antara pihak yang telah menjatuhkan Presiden Berisha di Albania. Menerusi sebuah akhbar milik individu berkenaan di Albania, ia telah menyiarkan berita-berita yang mengadu-dombakan rakyat Albania. Usaha tersebut telah mencetuskan huru-hara dan sekali gus menumbangkan pemerintahan Presiden Berisha di Albania.

Individu ini juga dikatakan menggunakan kekayaan untuk menghuru-harakan beberapa negara lain di Eropah, termasuklah Mecadonia, Bulgaria dan juga di Belgrade. Ia juga menggunakan jutaan wang ringgit untuk mempengaruhi siaran-siaran televisyen untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya di Ukraine. Individu ini juga dikatakan telah berjaya membeli beberapa orang Senator dan beberapa orang pemimpin kerajaan dan dikatakan beliau amat berbangga kerana berjaya, dengan izin, "membeli kerajaan-kerajaan di dunia ini".

Jadi, saya berharap pihak kakitangan awam dan seluruh rakyat Malaysia berhati-hatilah terhadap agenda halus orang-orang sebegini yang memang berusaha untuk merasuah orang-orang yang berpengaruh dan peringkat tinggi di dalam mana-mana sesuatu kerajaan semata-mata untuk memenuhi selera individu dan juga untuk memanjangkan agenda yang sinis ataupun cynic thought, dengan izin.

Dalam hubungan ini, saya harap pihak kerajaan sentiasa berhati-hati dengan pertubuhan antirasuah

internasional yang bertindak bebas, contohnya menyediakan indeks rasuah antarabangsa di seluruh dunia. Saya yakin pertubuhan seperti ini ada yang tulen. Tetapi, kemungkinannya amat besar bahawa di kalangan sesetengah mereka yang bertopengkan niat antirasuah ini mempunyai agenda yang jahat. Pasti ada di kalangan pertubuhan yang kononnya memperjuangkan antirasuah mempunyai agenda sinis semata-mata untuk mewujudkan keadaan yang tidak stabil dan sekali gus mensabotaj kemajuan sesebuah kerajaan dan negara yang disifatkan sebagai tidak secocok dengan selera mereka.

Oleh itu, awasilah gerakan pertubuhan seperti ini. Di Malaysia pun sudah ada wakil-wakilnya. Saya tidak mahu mengatakan mereka baik atau tidak baik, tetapi awasilah kerana takut mereka ini menjalankan agenda-agenda yang sebenarnya lebih besar daripada penentangan rasuah. Oleh itu, janganlah di dalam keghairahan rakyat jelata memerangi rasuah, maka golongan ini diizinkan untuk membelenggu kita sehingga kita bertindak secara melulu sehingga boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Janganlah kita dibimbing dan dibelenggu oleh golongan seperti ini sehingga kita melakukan proses 'witch-hunting' dengan semberono dan dengan secara membabi-buta, menuduh dengan terbuka bahawa seseorang individu itu rasuah walhal perkara ini sebenarnya mungkin merupakan fitnah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Mas.

3.57 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian menyertai perbincangan tentang Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai wakil daripada kerajaan betul-betul ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta semua Ahli Kabinet oleh kerana keberanian mereka untuk berdepan bersama-sama Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional dan juga daripada pembangkang membentangkan satu akta yang betul-betul begitu bersejarah bagi pihak saya. Walaupun saya tidak ada pengalaman di dalam bidang peguaman, saya rasa seperti yang dikatakan kelmarin oleh rakan-rakan saudara saya dari Machang dan saudara Presiden Backbencher, kita merasa ini boleh dikatakan satu hadiah yang tidak dapat dinilai dengan mata wang kepada seluruh

rakyat jelata di Malaysia, oleh kerana saya rasa rakyat jelata, rakyat yang miskin, rakyat yang tinggal di kawasan pedalaman, rakyat petani di kawasan pesisiran, di kawasan gunung-ganang seperti kawasan saya, sekiranya kita ada kerajaan yang tidak menghormati undang-undang yang sedia ada, mungkin memang sukar untuk mereka hidup bersama-sama dengan rakan saudara yang ada sekarang mungkin di kawasan bandar. Itulah sebab saya mengatakan tadi, satu hadiah untuk rakyat kita di Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bayangkan sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita serta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kedua-dua pemimpin negara kita sedang membawa Malaysia supaya kita dapat bersama-sama melahirkan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Itulah sebabnya di dalam masa percutian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga bertugas dan bekerja lebih kuat daripada Ahli-ahli Parlimen seperti saya, mungkin. Ini bermakna kedua-dua beliau betul-betul berminat, ada impian cita-cita yang tinggi supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang dihormati dan pemimpin-pemimpinnya betul-betul disegani oleh seluruh negara jiran. Tidak payah kita sebut mana-mana negara, pada masa sekarang pun kita dihormati. Kita berharap sebagai backbencher Ahli Parlimen daripada kerajaan, kita menerima seruan dan saranan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kelmarin di mana kerajaan betul-betul akan melaksanakan apa yang diperkatakan di dalam akta ini.

Kita setuju, saya sebagai wakil kerajaan setuju, dan kita berharap misal kata, banyak projek gergasi yang sedang berjalan dilaksanakan di negara kita sekarang ini yang akan membawa Malaysia ke satu tahap yang sukar ditandingi oleh negara-negara jiran. Misal kata di Sarawak, Projek Hidro Elektrik Bakun, KLIA Sepang, Putrajaya, Cyberjaya, MLNG Bintulu US\$17 bilion, cuba bayangkan. Dan beberapa projek gergasi di beberapa negeri. Misal kata, di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tidak kurang RM70 bilion projek yang dilaksanakan, baik infrastruktur, baik projek-projek misalnya MLNG yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dengan adanya Akta Pencegahan Rasuah 1997 dapat dikuatkuasakan selepas ini, semua projek ini dapat dijalankan, dilaksanakan dengan tidak ada masalah

berkaitan dengan kelulusan daripada pihak kerajaan, agensi-agensi kerajaan ataupun dengan pihak kontraktor-kontraktor tertentu. Oleh kerana itu, kita menyokong usaha kerajaan untuk menguatkuasakan akta undang-undang ini dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berucap panjang lebar kerana perkara ini satu perkara yang boleh diperkatakan oleh semua orang. Tetapi pada pandangan saya sendiri, saya menghormati apa yang telah berlaku dalam masa-masa yang lalu dalam satu-dua bulan, di mana kita sebagai satu negara boleh dikatakan rakyat kita sekarang ini sudah matang. Dengan izin, we are being a civilized and educated society enough. Oleh kerana itu, beberapa pertubuhan sudah mengadakan perundingan konvensyen. Di sini saya akan petikkan daripada Deklarasi Muafakat Memerangi Rasuah ataupun Consensus Against Corruption, di mana kita sebagai ahli Parlimen dibekalkan, mungkin tiap-tiap ahli Parlimen dibekalkan this consensus, dengan izin. Saya rasa, saya petikkan 4 perkara sahaja antara sebanyak 16 perkara yang dimajukan, yang mana saya percaya juga pernah dimajukan kepada kerajaan, Perdana Menteri, kerana pihak-pihak yang terlibat adalah Institusi Kajian Dasar dan ASEAN Strategy and Leadership Institute, Pusat Kajian Kepimpinan dan Pembangunan dan Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan.

Saya berasa megah, Tuan Yang di-Pertua, kerana Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan juga menyertai konvensyen ini.

Pertama, kerajaan hendaklah mengkaji semula kuasa, tugas dan tanggungjawab Badan Pencegah Rasuah supaya mencakupi aspek pendidikan, pencegahan serta penyiasatan yang menyeluruh. Sebagai kerajaan yang educated, matang, kita ingin supaya negara Malaysia, masyarakat Malaysia menjadi satu masyarakat madani. Dengan izin, we have to do a lot of preventive measures. Itulah sebabnya aspek pendidikan pencegahan harus ditingkatkan. Ini akan membolehkan BRR mempelopori gerakan pendidikan antirasuah yang komprehensif di kalangan masyarakat dan melakukan kegiatan pencegahan yang lebih berkesan. Sekiranya kegiatan itu boleh dikesankan oleh seluruh lapisan masyarakat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, we are afraid to do the thing, oleh kerana kita faham akibatnya.

Menjalankan penyiasatan dengan lebih cekap dan adil serta membuat perakuan pindaan yang berwibawa ke atas segala amalan dan prosedur di

sektor awam yang didapati menggalakkan rasuah. Saya berharap perkara ini dapat diambil perhatian, oleh kerana banyak prosedur yang lemah, dengan izin, lebih thirtieth out of death, dan kita ingin maju, prosedur belum dimajukan. Mungkin perkara seperti ini harus diambil perhatian. Dengan izin, something that can allow us easily to bribe or to receive bribe. Ini maksud saya preventive tadi.

Yang kedua, seluruh jentera, sistem, prosedur, peraturan dan undang-undang yang boleh mendorong amalan rasuah dan didapati menyulit dan menghalang atau melambat-lambatkan pembangunan, kemajuan dan modenisasi ekonomi dan perindustrian negara hendaklah dikaji semula dan diperbaiki keberkesannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli Parlimen biasa berminat dengan tugas saya, kerana ini adalah dipertanggungjawabkan oleh rakyat. Saya pernah melawat negeri Melaka, pernah melawat negeri Johor dan bincang secara peribadi dengan rakan saya, mungkin boleh dikatakan can influence the procedures in the government, dengan izin. Tetapi malangnya di dalam sesebuah negeri, mungkin di Malaysia, saya tidak tahu di mana, surat kelulusan projek dari satu jabatan ke satu jabatan selepas diluluskan dalam mesyuarat, mungkin State Planning Committee, dengan izin, memakan masa tiga-empat bulan. Bila saya maksudkan tadi prosedur seperti begini harus dikaji dan diperbaiki, dan oleh kerana sekarang ini kita ingin supaya Putrajaya, Cyberjaya, dengan izin, we want to modernise all the government facilities, kita cuba modenise saluran-saluran, sistem-sistem yang dapat melicinkan segala kelulusan untuk projek-projek.

Yang ketiga, sebuah sistem kawalan dalaman bagi jabatan-jabatan utama kerajaan yang mengendalikan projek-projek penswastan dan projek-projek pembangunan negara yang besar hendaklah dipastikan telus, amanah dan berintegriti dalam mengendalikan maklumat-maklumat penting di setiap lapisan masyarakat Malaysia. Seluruh jentera pembangunan generasi anjuran kerajaan, parti-parti politik, organisation corporate dan badan-badan sukarela di semua peringkat perlu mendukung usaha mewujudkan masyarakat madani menerusi gerakan kesedaran. Ini satu perkara yang saya rasa boleh dikatakan, dengan izin, something in the air at the moment.

Apabila kita mendengar masyarakat madani mungkin saudara saya dari sebelah sana, dari Kepong, selalu memperkatakan masyarakat madani. Di Sarawak jarang kita mendengar, hanya saya dan

mungkin dua-tiga orang lain mendengar. Apakah ertinya masyarakat madani? Sekiranya masyarakat madani ini satu masyarakat yang ingin dilahirkan di Malaysia pada satu masa nanti, itulah tujuannya yang saya katakan tadi semua lapisan masyarakat daripada pemimpin, badan korporat, daripada kerajaan dan daripada lapisan masyarakat di bawah peringkat akar-umbi harus faham tentang apakah ertinya kita ingin masyarakat madani di Malaysia pada sesuatu masa, mungkin ada baiknya oleh kerana itu dan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memperkatakan mengenai sistem kawalan dalaman tadi, oleh kerana saya rasa selalu saya tekankan di dalam ucapan saya pada hari ini dengan preventive measures, dengan izin. Sekiranya sistem dalaman di setiap agensi-agensi kerajaan dan jabatan kerajaan dapat diubahsuaikan mengikut keadaan semasa, saya rasa kita dapat mengurangkan isu-isu mengenai rasuah, menerima itu, memberi itu, saya tidak payah katakan dengan jelas kerana akta ini betul-betul jelas. Itulah sebab saya katakan tadi selepas mesyuarat untuk meluluskan sesuatu projek, surat kelulusan itu berjalan tiga bulan. Itulah maksud saya sistem kawalan mesti ada, memastikan bahawa selepas kelulusan projek ini, dua-tiga hari surat kelulusan harus dihantarkan kepada pihak tertentu. Jangan pula kita mendengar oleh kerana perkara ini sudah dilulus oleh pihak menteri ataupun Jemaah Menteri dan dua-tiga bulan masih orang yang terlibat belum menerima kelulusan. Ini adalah satu contoh bagaimana kita dapat memperbaiki keadaan yang ada sekarang ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu di dalam akta ini saya ingin tanya sahaja seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Machang. Tolong ambil perhatian mengenai 'saudara' Yang Berhormat. Mungkin macam saya dan beberapa ahli Parlimen dari kawasan luar bandar tidak kenamengena. Saya tidak ada saudara dalam kerajaan negeri, dalam Kerajaan Pusat, senang. Tetapi kalau ada betul-betul orang yang ada saudara, tetapi mereka sudah berniaga 10-15 tahun, adakah kita membentuk satu undang-undang untuk menghadkan penglibatan mereka dalam business misal kata. Ataupun seperti yang selalu diperkatakan oleh rakan sebelah sana, dengan izin, just because you are a son of a minister, you cannot do business.

Kita harus kaji dengan teliti dan kita berharap pegawai-pegawai yang melaksanakan atau yang diberi kuasa untuk melaksanakan undang-undang ini nanti betul-betul pegawai yang berintegriti supaya

apa yang dikatakan dalam undang-undang ini kalau boleh tafsiran yang betul, yang adil....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat kata jangan tanya undang-undang. Jadi, saya tidak tanyalah undang-undang. Saya tanya hal kerja, baru-baru ini Perdana Menteri New Guinea berkata, "kita akan perang rasuah, tetapi kita tidak akan membinasakan orang kita sendiri." Jadi, dalam percakapan Yang Berhormat dari 'gunung Mas', sudah besar sekarang, Bukit Mas, tadi soal kalau umpamanya, dengan lulusnya undang-undang ini di Dewan ini nanti, kita mempunyai keluarga, adik-beradik, abang, ibu-bapa umpamanya berniaga dan membuat business dengan kerajaan. Jadi, implikasinya bagaimana kedudukan kita? Adakah kita hendak memberhentikan semua keluarga kita dari berniaga, berhenti daripada usaha mereka yang telah mereka bina selama 10-20 tahun dari buat business oleh kerana kita ini seorang pegawai ataupun orang kerajaan.

Jadi, Ahli Yang Berhormat berkehendakkan ketetapan dari pihak kerajaan yang perkara ini tidak berlaku, jangan oleh kerana saya ini menteri, anak saya tidak boleh business, siapa yang hendak beri makan anak saya? Jadi, soalnya apa yang dikatakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kalau tidak salah saya, ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, undang-undang ini adalah bukan untuk 'witch hunting' tetapi undang-undang ini untuk memerangi jenayah rasuah, bukan untuk memerangi dan menzalimi rakyat Malaysia, adakah itu pandangan ataupun saranan yang dipinta oleh Ahli Yang Berhormat tadi?

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pendek kata, itu yang saya katakan, saya bersetuju. Maksud saya tadi iaitu misal kata ada seorang anak menteri sudah berniaga sepuluh, lima belas tahun dan selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan, dengan izin, then we go witch hunting dan minta maaf Tuan Yang di-Pertua, ini bukan masyarakat madani, itu sebab tak payahlah Ahli Yang Berhormat dari Kepong di sebelah sana, kalau kita betul-betul ingin melahirkan suatu masyarakat madani di Malaysia tak payah kita takut. Itu maksud saya. Kalau there is a witch hunt, dengan izin, then we are not developing masyarakat madani.

Akhir sekali, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita membincangkan hal perkara ini apabila saya mendengar rakan saya daripada Parit Sulong, saya pun rasa malu terus terang, dahulu tiga tahun yang lepas, saya berpeluang membawa segolongan team rombongan daripada jabatan kerajaan melawat ke sebuah negara jiran, malangnya di dalam rombongan enam belas orang, ada satu, dua orang yang betul-betul tidak mengkaji dengan teliti passport mereka, satu bulan tinggal ataupun tiga bulan tinggal, lepas itu mungkin tamat tempohnya. Dua orang yang ditahan tidak dapat masuk dan saya sebagai seorang Wakil Rakyat terpaksa bertindak, runding-runding pun tidak dapatlah.

Akhirnya saya berjalanlah, ada cadangan daripada luar Ahli Yang Berhormat senang sahaja katanya, apa yang dimaksudkan senang sahaja, cari yang senang di dunia ini jangan cari yang susah, dia cakap. Oh, itu, ini, oh, saya tidak dapatlah, you buatlah.

Tuan Yang di-Pertua, bolehlah orang lain buat saya suruhlah, minta maaf, boleh berjalan. [Ketawa] Tetapi sekiranya perkara seperti begini berlaku di negara kita mulai daripada sekarang, kita cubalah mengatasi supaya keadaan ini tidak dapat meruntuhkan masyarakat yang sedia ada ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana keberanian mereka untuk membentangkan rang undang-undang ini sekiranya tidak ada rakan sejawat tidak berpeluang berucap nanti, bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, kita betul-betul menghargai ini dan menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tambun.

4.19 ptg.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sebagaimana rakan-rakan yang lain, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah serta menyokong di atas pembentangan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Dengan pembentangan tersebut, kita nampak signal yang jelas daripada Kerajaan Barisan Nasional untuk menentang rasuah.

Kita berharap dengan rang undang-undang baru ini yang merangkumi undang-undang lama serta dikukuhkan dengan fasal-fasal baru yang memperluaskan kuasa BPR akan menjadikan usaha

untuk membanteras rasuah ini sebagai satu usaha yang efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kerajaan bahawa rasuah mempunyai kesan yang besar. Kita tahu bahawa Empayar Rome jatuh akibat daripada rasuah, ini disentuh dengan panjang lebar dalam buku Dr. Syed Hussein Alatas mengenai rasuah 'Sifat Sebab dan Fungsinya'. Antara lain dalam buku tersebut menyatakan Julius Caesar yang kita kenal sebagai seorang hero dalam sejarah mendapat tempat sebagai ketua negara dengan membayar wang yang bersamaan dengan 250,000 Pound Sterling dan pada peringkat rasuah yang begitu parah dalam Kerajaan Rome, angkatan tentera Rome kalah dalam satu peperangan di Lautan Cyrcus dan dalam siasatan kerajaan didapati 50% daripada tenteranya telah ponteng dan mereka ponteng dengan membayar wang rasuah kepada ketua tentera. Dr. Sidigazalva dalam bukunya pula menyatakan antara sebab jatuhnya Empayar Islam daripada zaman keemasannya adalah kerana penyelewengan dan rasuah. Dan Empayar British yang besar pada abad ke-19 yang meliputi lebih separuh daripada dunia juga jatuh kerana masalah rasuah.

Dalam negara kita, kita masih lagi dapat mengawal rasuah ini. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa kita merasai impak rasuah ke atas negara kita terutama dari segi ekonomi. Kita tahu dengan akibat daripada wang rasuah, cost transaction menjadi begitu tinggi dan ini menghalang kewujudan pasaran yang efisien dalam negara kita. Syarikat-syarikat yang tidak layak kadangkala mendapat kontrak dan dengan itu ia menjejaskan usaha kerajaan untuk membangunkan negara kita.

Wang rasuah juga menjejaskan pengagihan sumber negara secara yang efisien, menjejaskan pengagihan pendapatan dan ekonomi yang saksama melalui penyalahgunaan undang-undang dan peraturan, pelbagai kontrak kerajaan yang tidak efisien serta kontrak yang diberi tidak efisien ini pula ada sebahagiannya yang dilaksanakan oleh kontraktor dengan tidak efisien dan berkualiti. Ini meningkatkan kos pentadbiran kerajaan.

Rasuah juga boleh menjejaskan kedatangan pelaburan asing dalam Far Eastern Economic Review, 60% daripada pegawai-pegawai eksekutif yang di'interview' menyatakan bahawa rasuah merupakan punca utama mengapa pelaburan tidak pergi ke negara China, Vietnam dan Myanmar. Di samping itu, dengan sebab itu, rasuah boleh merosotkan kadar pelaburan dan pertumbuhan negara.

Dengan itu, saya memang bersetuju dengan cita-cita kerajaan untuk memerangi rasuah dan kita tidak menganggap bahawa usaha ini adalah usaha yang bermusim. Ia akan menjadi usaha yang berterusan. Kalau kita melihat kepada statistik pencegahan rasuah yang dikeluarkan oleh BPR, kerajaan telah menjalankan usaha untuk memerangi rasuah daripada tahun ke tahun sejak beberapa abad, beberapa dekad yang lalu dan sekarang telah tiba kepada peringkat bahawa kerajaan akan memerangi rasuah dengan lebih hebat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita mesti memerangi rasuah. Saya ingin mengambil kajian yang dilakukan oleh Michael Johnson, seorang political scientist. Ia menyatakan bahawa perubahan persepsi dan nilai pada masa transisional ataupun transitional period mempunyai impak ke arah meningkatkan amalan rasuah. Ia mengambil contoh kepada Britain pada abad ke-17 merupakan negara yang sedang membangun dari segi perdagangan dan pada abad ke-19 yang sedang meningkat menjadi kuasa industri dan pada masa-masa itu rasuah begitu berleluasa di Britain. Begitu juga beliau membuat kajian ke atas Amerika Syarikat pada abad ke-19 dan abad ke-20 semasa pertumbuhan pesat negara Amerika Syarikat bahawa rasuah berkembang dengan begitu pesat. Maka hubungan antara rasuah dengan pembangunan negara dan kekayaan yang baru, yang diperolehi masa pertumbuhan negara itulah yang membuat kita merasa bimbang bahawa jika tidak kita memerangi rasuah, sekarang kita dalam proses pembangunan negara bahawa amalan-amalan rasuah ini akan berkembang dengan lebih luas lagi.

Samuel Huntington pula mengaitkan rasuah dengan modenisasi negara. Beliau melihat dengan berlakunya modenisasi, rasuah berlaku berasaskan kepada tiga faktor. Pertama, perubahan nilai dalam masyarakat daripada nilai-nilai tradisional yang berpegang kepada nilai-nilai murni masyarakat berpindah kepada fahaman materialisme dan ini dapat kita lihat berlaku dalam negara kita. Masyarakat begitu ghairah untuk mengejar kebendaan sehinggakan nilai-nilai murni yang menjadi asas kepada kekuatan bangsa Malaysia ini makin kita ketepikan.

Faktor kedua menurut Samuel Huntington, modenisasi mencipta kuasa dan kekayaan baru, melahirkan kumpulan baru dengan memiliki kekayaan dan menggunakan kekayaan untuk lebih meningkat. Proses ini dapat kita lihat berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor hartanah umpamanya, terdapat syarikat-syarikat korporat yang begitu besar mencipta kejayaan yang memecah rekod dengan keuntungan-keuntungan yang besar menggunakan kekayaan ini untuk membeli pegawai-pegawai dan pentadbir-pentadbir kita untuk mendapat kelulusan tanah dan sebagainya. Terutama dalam negara kita ada disentuh oleh seorang ahli korporat negara kita dalam satu temubual mengenai dengan kesan ke atas tanah untuk perumahan. Sekiranya satu-satu syarikat memperolehi tanah untuk perumahan, apabila tanah tersebut dibuat conversion untuk dapat kelulusan susunatur dan sebagainya, kos dan harga tanah tersebut telah meningkat, kalau daripada peringkat awal dalam keadaan tapak tanah sahaja, kosnya sebanyak RM10 juta tetapi dengan kelulusan susunatur dan sebagainya, nilai tanah tersebut boleh meningkat kepada lebih daripada itu sehingga lima, enam kali ganda dan tentunya tidak susah bagi satu syarikat besar untuk mengeluarkan wang sebanyak RM1 juta hingga RM3 juta untuk di'suap' kepada pegawai-pegawai untuk mendapat kelulusan tersebut.

Di samping itu, beliau menyatakan juga penglibatan modenisasi menghasilkan penglibatan kerajaan dalam banyak usaha pembangunan, kerajaan mengambil peranan untuk memperkukuhkan ekonomi dan sebagainya dan sekiranya terdapat pegawai-pegawai kerajaan yang rasuah dalam institusi-institusi tersebut maka rasuah akan berkembang dengan lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya adakah kita akan dapat mengatasi rasuah dengan adanya akta yang baru ini. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh satu perkara, siapakah yang mengamalkan rasuah ataupun 'actor' utama yang melakukan rasuah ini. Pertama adalah pegawai-pegawai pentadbir, yang saya maksudkan pegawai pentadbir ini termasuklah kepada pemimpin-pemimpin dalam kerajaan daripada peringkat yang besar kepada peringkat yang kecil.

Kedua, ahli-ahli korporat dan ketiga, ahli-ahli kumpulan sindiket penjenayah iaitu mereka yang terlibat dalam sindiket perjudian haram, pendedaran dadah, pelacuran, pendatang haram, cetak rompak, produk tiruan, pornography dan sebagainya. Ini akan saya sentuh dengan lebih lanjut lagi di dalam perbincangan seterusnya. Mengapakah rasuah ini dilakukan? Sepertimana saya nyatakan tadi bahawa antara sebab rasuah dilakukan adalah kerana mereka mahukan kelulusan-kelulusan ke atas permohonan memihak kepada pihak-pihak yang memberikan rasuah.

Di samping itu, terdapat masalah birokrasi di dalam kerajaan kita, untuk sesuatu permohonan itu naik ke atas ke peringkat untuk ditimbang mendapatkan kelulusan, memakan masa daripada satu agensi ke satu agensi. Umpamanya untuk memohon tanah memakan masa kadangkala sampai dua, tiga tahun tidak dapat sebarang jawapan.

Dan untuk mempercepatkan proses tersebut, individu akan 'menyuap' pegawai agar masalah birokrasi ini akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan-tindakan yang boleh kita lakukan untuk membanteras rasuah ini? Pada pendapat saya, pertama, sepertimana rakan-rakan lain, kita harus menjadikan pencegahan dan membanteras rasuah sebagai priority utama negara kita. Sebagaimana kita mementingkan kepada pembangunan negara, kita hendak berpindah kepada MSC dan sebagainya, kita mestilah meletakkan usaha untuk memerangi rasuah ini sebagai priority kita. Di samping itu rasuah ini tidak harus dilihat sebagai sesuatu yang terasing, bila kita mengadakan kempen untuk mengatasi rasuah, ia mesti dirangkumkan dalam satu usaha untuk meningkatkan akhlak, moral serta amalan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat Malaysia.

Kedua, saya berpendapat bahawa pemimpin yang menggunakan kedudukan jawatan dalam kerajaan untuk mengaut keuntungan mesti diambil tindakan yang keras. Saya menyatakan demikian, kerana pemimpin mempunyai pengaruh. Sekiranya pemimpin yang diletak untuk menerajui sesuatu badan mengamalkan rasuah, ia akan mengakibatkan kepada kesan-kesan multiplier - kesan kepada orang-orang bawahan. Kalau pemimpin mengamalkan rasuah, orang kedua, ketiga, keempat sampai kepada peringkat yang paling bawah sekali tidak akan segan untuk melakukan rasuah.

Oleh yang demikian, pemimpin-pemimpin yang melakukan rasuah ini mesti diambil tindakan yang cukup keras kerana ia akan memberi signal kepada orang-orang bawahan bahawa kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan rasuah tidak diamalkan di dalam agensi-agensi kerajaan.

Yang kedua, saya merasakan bahawa pemimpin-pemimpin - yang saya maksudkan ketua jabatan, D.O. dan sebagainya tidak seharusnya diberikan kuasa yang begitu banyak. Kadangkala saya lihat seorang ketua jabatan ataupun D.O. mempunyai jawatan yang cukup banyak - jawatankuasa A, jawatankuasa B, jawatankuasa C, ahli lembaga pengarah A, B, C dan D yang begitu banyak. Cuba kita andaikan jikalau pegawai berkenaan melakukan

rasuah, tidakkah ia akan meluas kepada badan-badan yang lain di mana beliau mempunyai tanggungjawab di bawahnya?

Ketiga kita mesti mempunyai konsep 'check and balance'. Segala kelulusan yang telah diberi di bawah jabatan-jabatan berkenaan, mesti ada pihak yang kedua atau ketiga untuk membuat audit dan menyasat sama ada kelulusan-kelulusan tersebut mengikut prosedur ataupun tidak. Ia tidak sekadar, umpamanya diluluskan di peringkat jabatan A, hanya di peringkat jabatan A sahaja untuk membuat siasatan. Dia mesti pergi ke jabatan-jabatan lain yang lebih tinggi supaya segala kerja kelulusan dan sebagainya mesti berasaskan kepada konsep ketelusan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya berpendapat bahawa konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan' ini mesti kita ubah. Saya berpegang kepada konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan', dari segi kita sebagai orang Islam, rujukan kita adalah kepada Rasulullah s.a.w., di mana nilai-nilai, contoh-contoh sifat baik yang dibawa oleh Rasulullah, itulah yang menjadi teladan kita. Bukannya kita mengambil teladan daripada pemimpin kerana pemimpin ini manusia biasa, dia tidak maksum, kata Sayyidina Ali. Dia ada kelemahan-kelemahan dan kesilapannya. Kalau dia dijadikan contoh, manakala dia ada kesilapan-kesilapan, dia akan mendatangkan kesan tidak baik kepada pengikut-pengikutnya, apatah lagi dalam sistem negara kita.

Kadangkala saya dapati konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan' ini bukan lagi kita mencontohi pemimpin, malah kita tunggu, mendengar arahan apa yang pemimpin kata, apabila pemimpin 'batuk' dan mengatakan kita menghadapi masalah gejala sosial, maka kita pun ambil tindakan masalah gejala sosial. Bila pemimpin kata kita sekarang ini hendak mewujudkan masyarakat Melayu kelas menengah, baru kita mengambil tindakan. Jadi, konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan' ini sudah disalah erti dan disalah tafsir.

Saya menganggap adalah lebih sesuai kita mengambil konsep 'Kepimpinan Melalui Nilai' - bermakna nilai itu adalah perkara yang tertinggi, makna kita sebagai seorang Islam kita berpegang kepada nilai-nilai Islam. Di bawah nilai tersebut baru duduknya pemimpin dan di bawah pemimpin baru duduk penyokong-penyokong dan pegawai-pegawai yang lain. Jadi, konsep yang kita pegang adalah nilai, kalau nilai yang kita pegang mesti nilai yang profesional, bekerja secara berkesan, efektif,

mesti membawa kebaikan kepada negara, kita tidak perlu lagi untuk pemimpin kita 'batuk' - kata gejala sosial, baru kita hendak mengambil tindakan kerana kita tahu itu sudah menjadi satu tanggungjawab kita. Kita tahu antara tanggungjawab kita sebagai seorang profesional, melahirkan masyarakat bumiputera kelas menengah, kita tidak perlu tunggu pemimpin-pemimpin untuk melaksanakannya kerana nilai yang kita pegang adalah nilai kita mesti melaksanakan amalan-amalan dan kerja-kerja secara profesional.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga tentang tindakan yang boleh kita lakukan tentang institusi. Rasuah berlaku kerana tahap efisiensi institusi yang rendah. Saya mengambil apa yang dikatakan oleh Dr. Syed Hussein Alatas dalam bukunya bahawa rasuah berlaku melalui tiga tahap. Pertama, melalui di peringkat peribadi, yang kedua di peringkat institutional dan ketiga di peringkat situational. Situational sepertimana yang saya katakan tadi, oleh kerana ada masalah birokrasi dan sebagainya, maka perlu menyuap untuk menyegerakan proses. Jadi, masalah berlaku rasuah ini adalah kerana di peringkat institusi tidak terdapatnya pelaksanaan kerja yang efisien. Apabila kita tidak efisien 100%, katalah efisien 30%, umpama kita ambil contoh untuk mendapat satu kelulusan, institusi tidak berpegang kepada prinsip dan prosedur kelulusan, jadi dia tidak efisien kepada peringkat 100%. Oleh kerana tidak efisiennya itulah, boleh memberi peluang kepada seseorang individu untuk melakukan amalan rasuah. Kalau institusi tersebut efisien 100%, prosedur untuk satu kelulusan mesti berdasarkan kepada beberapa kriteria. Ada sepuluh pemohon membuat permohonan dan kelulusan diberi mengikut kepada kriteria yang telah ditetapkan. Saya percaya tidak boleh berlaku amalan rasuah kerana tempat untuk melakukan amalan rasuah kerana tempat untuk melakukan amalan itu tidak boleh kerana kita telah beroperasi pada peringkat yang paling efisien sekali.

Begitu juga kita mesti menghapuskan amalan sistem patronis - hendak mendapat kelulusan minta daripada orang berkuasa tertentu. Tuan Yang di-Pertua, dalam kes permohonan pinjaman, saya tidak mahu sebut agensi yang terlibat. Individu memohon pinjaman, kemudian dapat surat tidak lulus. Bila tidak lulus pergi kepada orang yang ada pengaruh dan orang ada pengaruh pergi telefon sahaja dia orang dan diluluskan. Atas kriteria apa kelulusan tidak diberi dan atas kriteria apa pula kelulusan diberi kemudiannya? Jadi, konsep patronis ini mesti dihapuskan sama sekali untuk kita

melahirkan institusi yang mempunyai efisiensi yang tinggi.

Jadi, untuk melahirkan institusi yang efisien di mana saya nyatakan, yang pertama mesti ada ketelusan dan sistem akauntabiliti yang begitu dinamik, sistem-sistem kelulusan untuk sesuatu permohonan mesti mengikut prosedur, kelulusan ini yang telah dilulus mesti ada laporan dan mesti diaudit oleh pihak tertentu. Kita mesti ada satu sistem di mana setelah diluluskan di pihak lain pula yang membuat audit dan membuat siasatan. Dalam erti kata yang lain kerajaan mesti mengambil tindakan untuk menilai balik sistem di jabatan-jabatan kerajaan. Kita mesti menilai dari segi kelulusan-kelulusan yang telah diberi pada masa lalu, di manakah kelemahan-kelemahannya.

Kita boleh kaji, umpamanya dari segi kontrak, kalau harga kontrak daripada kajian pihak agensi kerajaan harga pada kadar sebanyak RM10 juta, kemudian kelulusan kepada pihak yang ketiga dan keempat rendah dan sebagainya, di situ kita boleh buat siasatan sama ada berlaku atau tidaknya amalan-amalan rasuah dan seterusnya saya berpendapat kita mesti meningkatkan tahap profesionalisme kakitangan kerajaan. Dalam hubungan saya dengan pegawai-pegawai kerajaan baik di peringkat atas mahupun di peringkat rendah, ada di kalangannya yang tidak mempunyai 'morale' yang tinggi, 'morale' ini maksudnya semangat yang tinggi. Mereka datang bekerja bukan dengan niat untuk negara tetapi datang bekerja untuk mendapat gaji semata-mata. Kalau kita buat satu analisis, dalam lapan jam sehari mereka datang ke pejabat, tidak tentu mereka bekerja lapan jam sepertimana yang dikehendaki oleh kerajaan. Ada yang buat direct sale, ada yang belum pukul 10.00 keluar minum dan sebagainya. Jikalau sistem ini masih kita amalkan, efisiensi institusi tidak akan meningkat. Bila efisiensi tidak boleh meningkat sepertimana yang saya katakan, amalan rasuah boleh berlaku.

Seterusnya saya berpendapat, ketua-ketua jabatan tidak boleh dikekalkan dalam satu jabatan dengan begitu lama. Katalah dia sudah jadi D.O. - jaga hal pembangunan tanah dan sebagainya, dia duduk di situ begitu lama. Dia sudah ada kawan yang main golf dan sebagainya, pada peringkat awal mungkin dia ada benteng tetapi orang yang beri rasuah ini dia mempunyai strategi yang hebat. Pada peringkat mula dia tahu kita suka main golf, dia bagi 'parting' dahulu, jadi bila bagi 'parting' kita pukul - betul pula elok masuk - jadi, "ambillah!" Dia kata dan kita kira pather baru berharga RM200, ini bukan rasuah dia kata, dia kawan

saya, dia beri. Peringkat kedua dia beri pula beg - satu set kayu golf dan kemudian dia bawa, ajak pergi main di Australia, perkara ini berlaku, memang betul. [Disampuk] Memang berlaku perkara ini, jadi orang yang masuk kerja ini yang pada peringkat mulanya ada dinding tidak mahu terlibat dengan rasuah tanpa disedari, secara perlahan-lahan orang yang mengamalkan rasuah ini tarik dan akhirnya dia akan mengamalkan rasuah dan apa akan terjadi kalau dia duduk sebagai D.O. sepanjang masa sampai 5, 10 tahun? Cuba kita bayang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya beranggapan bahawa tidak perlu duduk lama - tiga tahun tukar tempat lain, bagi orang lain.

Jadi, kalau kita mempunyai satu sistem kerajaan yang efisien, kita ada manual kerja dan sebagainya, siapa sahaja boleh ambil tempatnya kerana manual kerja kita sudah begitu baik sekali, orang yang mengambil alih boleh menggunakan manual kerja ini untuk menjalankan tugas-tugas seterusnya. Saya juga berpendapat

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat dari Tambun mengenai dengan G.O.L.F. - Golongan Orang Lemah Fizikal - kata Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena - permainan golf. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar pada hari ini kadang-kadang ketua jabatan sebenarnya dia tidak pandai main golf dan dia pun tidak berminat main golf tetapi yang lebih berminat, yang lebih menunjukkan minatnya kepada permainan kelas menengah ini, kelas elit ini di kalangan kerani kanannya, di kalangan penolongnya, di kalangan kerani-kerani biasa, kalau di pejabat-pejabat tanah itu di kalangan S.O. pun, di kalangan kerani yang buat pendaftaran geran ini pun aktif, maknanya cukup masa sahaja, kadang-kadang tidak cukup masa pun sudah hilang di tempat. Kita tengok ada di padang golf.

Jadi, kita melihat kepada tatacara dan juga etika kerja kakitangan. Telah banyak sirkuler yang telah dikeluarkan oleh pihak KSN dan sebagainya. Adakah pihak Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kakitangan bawahan selain daripada ketua-ketua jabatan di halang untuk bermain golf kerana kos untuk bermain golf ini adalah terlalu tinggi dengan setnya, dengan bayaran keahliannya, dengan masa yang dibuang.

Jadi, saya ingat setakat hari ini belum ada satu surat pekeliling rasmi daripada kerajaan yang menyekat kakitangan bawahan, Kumpulan B, C dan

D bermain golf. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini?

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:

Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan bukan saya mengkritik permainan golf, tidak. Saya menceritakan cara bagaimana rasuah boleh berlaku, tetapi saya bersetuju dengan rakan saya dari Jelebu, bukan dari sudut permainan golf ini, daripada sudut yang beliau katakan pegawai-pegawai pejabat tanah, S.O. dan sebagainya yang main golf. Saya rasa kerana mereka duduk lama di situ.

Dalam pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, ada ADO yang masuk bekerja di pejabat tanah dan beliau tidak merasa selesa kerana yang lebih berkuasa dan berpengaruh adalah S.O. dan pegawai-pegawai kerani kanan. Saya rasa ada perkara yang tidak betul di pejabat tersebut. Jadi, dari segi soal sama ada boleh main golf, itu terpulang kepada kerajaan untuk membuat siasatan dari segi kosnya, dari segi masa yang digunakan untuk main golf. Sama ada ia sesuai atau tidak menjadi satu permainan yang patut kerajaan ambil tindakan untuk menghalangnya, itu terpulang kepada kerajaan. Saya tidak berani untuk memberi pendapat saya, kerana pada saya permainan adalah permainan. Hanya permainan-permainan yang menjolok mata dan sebagainya mungkin dari segi undang-undang agama, undang-undang tradisional dan sebagainya tidak patut dijalankan, itu kita ketepikan. Tetapi kalau ia tidak merosakkan moral dan sebagainya, pada saya, tidak menjadi halangan untuk ia diteruskan.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kerajaan harus mengenal pasti kementerian, jabatan dan setiap agensi kerajaan yang berisiko tinggi, maknanya yang berhadapan dengan pelanggan-pelanggan terutama daripada sektor korporat ini yang senang dimasukkan dengan amalan-amalan rasuah ini, kenal pasti kementerian, jabatan serta agensi-agensi berkenaan supaya kita dapat membuat satu tindakan yang lebih baik lagi serta mengadakan kod etika dan sebagainya untuk kita menghalang daripada perbuatan rasuah ini berlaku.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, tentang hubungan dengan pelanggan. Selepas saya tamat pengajian di universiti, saya bekerja di sebuah bank. Perkara pertama yang diberitahu dalam latihan bank tersebut, kata ketua eksekutif bank tersebut adalah jangan terlampau rapat dengan pelanggan, awak akan menjadi buta. Don't be too close with the client, you will be blinded. Sebagai seorang pegawai

yang tidak berpengalaman, beberapa bulan kemudian, saya menyediakan satu kertas kredit untuk mendapat pinjaman sebanyak RM14 juta untuk sebuah syarikat yang mana tuan punya syarikat tersebut begitu rapat dengan saya, kerana saya berpegang kepada konsep kita mesti rapat, erat hubungan dengan semua orang. Kertas saya ditolak di atas beberapa kelemahan. Bila saya kaji, apa yang dikatakan oleh ketua eksekutif saya itu betul, don't be too close with your client, you will be blinded.

Soalnya sekarang, saya dapati di kalangan pegawai-pegawai kerajaan begitu rapat dengan business man. Pegawai kerajaan ini bertanggungjawab untuk menjaga soal tanah, soal hutan, lesen dan sebagainya dan business man ini adalah pemohon. Saya tidak nampak mengapa mereka mesti rapat, pergi makan malam, main golf bersama dan sebagainya. Malahan ada juga saya lihat bukan sahaja di kalangan pegawai-pegawai tersebut, isterinya juga, keluarganya begitu rapat dengan business man itu.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Batang Lupar bangun minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Terima kasih, Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat dalam soal pendekatan atau perhubungan di antara pegawai-pegawai kerajaan dengan business man. Tetapi kalau kita pandang pada masa sekarang dasar kerajaan untuk meng'corporatise'kan jabatan-jabatan kerajaan dan banyak saham kerajaan telah dimasukkan ke dalam syarikat-syarikat swasta. Dalam keadaan yang demikian, kadang-kadang pegawai kerajaan menjadi pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan dalam jabatan-jabatan berkenaan. Dalam keadaan yang sedemikian, dia menjadi pegawai kanan kerajaan, dia juga jadi pengarah syarikat-syarikat besar yang beroperasi sebagai syarikat biasa, banyakkah perhubungan dengan pihak-pihak awam.

Soalan saya di sini, macam manakah pandangan Yang Berhormat dalam soal pegawai kerajaan yang bukan sahaja menjadi pegawai yang boleh menentukan sama ada dapat atau tidak dapatnya sesuatu projek, juga menjadi pengarah dalam satu syarikat swasta dan seterusnya mesti berhubung dengan pihak-pihak syarikat swasta yang lain. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat mengenai soalan sedemikian?

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju ada syarikat-syarikat swasta yang mana kerajaan mempunyai saham di mana pegawai-pegawai kerajaan menjadi ahli lembaga pengarah dan sebagainya. Kita dapati dari segi struktur syarikat, struktur syarikat terbahagi kepada tiga pihak utama, iaitu dari segi ahli lembaga pengarah, dari segi pengurusan atasan dan juga pengurusan bawahan. Jadi, kalau kita sebagai pegawai kerajaan menjadi ahli lembaga pengarah dalam syarikat tersebut, dealing kita adalah sebagai ahli lembaga pengarah, menentukan dasar dan polisi yang akan dijalankan oleh syarikat, sama ada untuk mendapat keuntungan ataupun ia mesti menjalankan perniagaan tersebut untuk tujuan sosial dan sebagainya.

Jadi, kalau kita pegang kepada etik kita, kita duduk di situ sebagai ahli lembaga pengarah, kita menjalankan tugas kita mengikut kuasa-kuasa yang ada sebagai ahli lembaga pengarah. Yang saya maksudkan, kita menjadi pegawai yang menjaga pejabat tanah, katalah DO yang menjaga pejabat tanah, dia tidak ada sebab mesti berbaik dan mempunyai hubungan yang rapat dengan business. Apatah lagi kalau dia jadi pengarah tanah di peringkat negeri, mengapa dia mesti main golf, ada jamuan makan malam dengan kumpulan-kumpulan business man ini pada hal business man ini telah membuat permohonan kepada kerajaan untuk mendapatkan kawasan yang besar untuk mendirikan projek dan sebagainya.

Saya rasa itu sebab kadangkala kita dengar dalam masyarakat awam, orang yang menimbulkan soalan kepada kita, orang ini rasuah. Saya rasa kerana itu, kerana mereka melihat isteri orang besar, adik-beradik, keluarga dan sebagainya makan dengan business man. Dia tidak nampak logik, apakah logiknya mesti makan dengan business man tersebut. Jadi, dengan sebab itu orang mula mereka-reka, ini pasal tanah misalnya lulus, dapatlah berapa juta ringgit dan ada kemungkinan juga berlaku.

Jadi, saya berpendapat mesti ada etikanya. Kita dengan pelanggan-pelanggan ini tidak boleh begitu rapat. Bila kita rapat, we will be blinded, kita akan jadi orang suruhan kepada syarikat korporat, apatah lagi yang melibatkan duit yang banyak dan saya tahu setengah pegawai kerajaan dapat gaji sudah bayar hutang dan tidak cukup duit. Datang duit yang banyak ini, dia akan menjadi orang yang senang.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, tentang soal check and balance ini. Saya ingin menyentuh tentang soal peranan Jabatan Audit Negara. Saya

berpendapat kalau Jabatan Audit Negara menjalankan audit dengan sebaik-baiknya, dia akan dapat cari kelemahan-kelemahan, kesilapan-kesilapan dan berdasarkan kelemahan dan kesilapan ini buat lagi siasatan dengan mengambil tindakan. Saya percaya kalau ini dilakukan, institusi akan menjadi lebih efisien, terutama apabila ia melibatkan kewangan, cara kelulusan akan menjadi lebih baik, mengikut prosedur dan sebagainya. Projek-projek dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

Saya kadangkala bertanya, Tuan Yang di-Pertua, pihak agensi kerajaan memberi kontrak kepada kontraktor A. Kontraktor A tidak siap dan kita tanya mengapa tidak siap? Kita tidak dapat jawapan yang baik mengapa tidak siap? Saya buat satu andaian. Kontraktor A dapat kontrak kerana dia rasuah. Pegawai kerajaan yang meluluskan kontrak tersebut tidak akan mempunyai kuasa lagi. Bagaimana dia hendak mengarahkan projek disiapkan mengikut jadual kalau kontraktor kata, ini cost over-run dan sebagainya, mesti naik harga, dia akan naikkan harga dan Jabatan Audit Negara boleh kesan perkara-perkara semacam ini.

Jadi, saya berharap kerajaan ambil satu tindakan, tidak sekadar kita harapkan BPR.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:.....Kita boleh minta bantuan kepada Jabatan Audit Negara buat siasatan secara yang berkesan, secara efektif dan efisien. Saya percaya baru kita dapat melahirkan institusi yang efisien.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari sahabat saya. Adakah ini juga kadang-kadang yang menyebabkan setengah-setengah projek kerajaan khususnya membabitkan mutu yang substandard, yang rendah. Kalau jalan kampung seharusnya tebal 10 inci, jadi 7 inci; kalau seharusnya tahan 3 tahun, satu tahun telah pecah dan sebagainya. Minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berani untuk menyatakan sama ada ya atau tidak, tetapi kemungkinan itu ada. Kerana sepertimana yang saya katakan, bila kita telah dapat duit rasuah daripada kontraktor, kita tidak ada kuasa lagi untuk mengarahkan kontraktor untuk siap dalam waktu yang tertentu. Kita akan cari jalan dalam laporan

yang kita hendak beri kepada pihak atasan untuk bersetuju projek ini tidak dapat disiapkan kerana hujan, cost over-run, harga naik dan sebagainya, kita akan buat begitu dan ini saya rasa ada kemungkinan berlaku.

Selain daripada itu, menjawab rakan saya dari Parit Sulong. Katalah satu kontrak diberi kepada A dengan spesifikasi longkang 13 inci. Kontraktor ini pergi buat di kampung A, dia buat 9 inci. Siapa yang hendak beri pengesahan yang projek itu betul 13 inci? Dia akan minta ketua kampung untuk sign. Kontraktor dan pejabat kerajaan tidak tunjuk kepada ketua kampung bahawa spesifikasi projek ini 13 inci, ketua kampung tidak tahu. Dia kata, ini dapat selesaikan masalah banjir, dia sign, 9 inci. Jadi, kerja-kerja tersebut telah mencuri sebanyak 4 inci. Saya rasa itu antara perkara yang boleh menjawab apa yang dikatakan oleh rakan saya. Perkara ini saya sendiri nampak berlaku dalam pengalaman saya. Kelulusan untuk dewan RM30,000, beri kepada kontraktor A. Kontraktor A sub kepada kontraktor B. Kontraktor B sub kepada kontraktor C, tetapi kontraktor D buat, berapa harga akhirnya? A ambil RM3,000, B RM3,000, C RM3,000 - untung sudah hilang RM9,000. Kemudian, yang D pula hendak cari kelulusan, RM3,000. Jadi $RM3,000 \times 4 = RM12,000$, tinggal kos sebanyak RM18,000.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada hujah yang telah dipaparkan oleh Yang Berhormat dari Tambun. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di setengah-setengah badan termasuk PKNS, PKENS (SEDC) dan badan yang seumpamanya di Perak juga, kadangkala kita tengok misalnya membuat projek rumah kos rendah, membuat longkang dan sebagainya. Salah satu masalahnya bukan sahaja mutu tidak tinggi, bahkan juga kalau mereka hendak dapat kelulusan, misalnya satu syarikat yang mendapat tender, dia sudah buat kerja, dia hendak dapat kelulusan, satu masalahnya dia mesti dapat tandatangan daripada jurutera dan jurutera ini kadangkala kalau tidak diberi wang pelincir, dia tidak akan tandatangan (sign). Masalah ini berlaku bertahun-tahun, bukan sahaja dengan PKNS bahkan juga dengan badan-badan yang lain.....

Seorang Ahli: Ada buktikah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ini hendak bukti pula sekarang. Siapa hendak bukti sekarang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Soalan itu tak ada!

Dr. Tan Seng Giaw: Soalannya, adakah Yang Berhormat sedar inilah salah satu masalah. Banyak lagi saya boleh cerita, tetapi kerana ramai rakan hendak berucap, saya pendekkan.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya anggap dengan pembentangan akta baru ini sekiranya betul ada berlaku perkara-perkara macam ini akan dapat diatasi. Jadi, saya tidak perlu jawab daripada sahabat saya dari Kepong, kerana saya sebagai seorang Ahli Parlimen, saya tidak secara tepat dan pasti, saya tidak berani bercakap berlakunya penyelewengan ataupun rasuah. Yang kita dapat capak ialah dari segi gambaran yang kita nampak, kita membuat satu analisa serta membuat andaian kita berasaskan kepada perkara tertentu.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena bangun, ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Kepong mengacau, apa yang dibangkitkan oleh Tambun tadi saya hendak minta penjelasan. Kalau kita dok bangkit kisah tentang rasuah, tentang apa yang berlaku, tentang projek di kawasan saya. Saya selalu bangkit dalam Parlimen, semua ahli Parlimen bangkit hal ini. Sebab itulah kita hendak wujudkan akta ini. Sebab rasuah yang kita tidak dapat mengawal, sebab itu kita hendak wujud akta ini. Apa yang kita dok bangkitkan kisah - bila wujudnya akta ini mudah-mudahan segala.....

Tuan Yunof Edward Maringking: Seksyen mana Pokok Sena?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:parit yang sepatutnya buat 10 kaki, kita buat 10 kaki. Itu yang kita hendak buat akta ini, apa yang kacau lagi.

Seorang Ahli: Wah, kacau sahaja Tuaran ini. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini kisah golf dan sebagainya, itulah yang

kita hendak tahan, kita wujud akta ini. [Ketawa] Sama ada dia main golf, dia dapat duit, kayu patahkah, kita hendak wujud akta ini. Apa yang dok sembang kisah rasuah lagi. Saya pun hendak cakap juga. [Ketawa]

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya nampak yang ada pada semua orang main golf. Kalau kita sentuh perkataan 'golf' dia memang sensitif. [Ketawa] Saya nampak ini. Saya bercakap ada seorang rakan saya main golf. Yang dia bising orang kata main golf tinggal sembahyang. Memanglah orang main golf, kalau kita usik sahaja isu golf dia memang marah, itu satu persamaan saya nampak di kalangan pemain-pemain golf.

Jadi, saya hendak balik kepada perkara tadi tentang Jabatan Audit, saya rasa perlu dipertingkatkan dari segi kerja-kerjanya. Saya hendak beralih kepada soal pegawai pentadbiran. Antara sebab berlaku rasuah sepertimana yang dikatakan oleh rakan-rakan kita oleh pentadbiran, kerana mereka berkiblatkan kepada wang dan mementingkan diri, kerana jiwa dan akhlak yang lemah tidak dapat menahan nafsu wang dan kepentingan diri. Di samping itu, mereka terpengaruh dengan cara hidup barat. Sepertimana saya katakan tadi fahaman madiah, fahaman materialisme telah meresap pada diri. Benchmark kita ialah kekayaan, kereta besar. Kalau kalangan yang satu sosial status, seorang ada Volvo, seorang ada Toyota KE 20 dia akan merasa malu kerana sosial status dia rendah. Pada hal gajinya sama. Ini antara sebabnya.

Jadi, saya berpendapat bahawa masalah ini adalah masalah cara fikir, cara persepsi kita dan juga masalah psikologi. Jadi, saya menganggap bahawa untuk salah satu perkara yang harus kita ambil untuk mengatasi rasuah ini, adalah dengan mengubah persepsi dan sikap pegawai-pegawai kita supaya sejajar dengan persepsi dan sikap pegawai kerajaan yang jujur, amanah, tanggungjawab dan kerja keras. Tentang kerja keras, Tuan Yang di-Pertua, ada di kalangan masyarakat kita menganggap hendak kaya tidak payah kerja keras. Mungkin ada komisyen agent, berlaku rasuah dan sebagainya. Saya hendak mengingatkan terutama kepada kita orang-orang Islam. Para nabi pun bekerja. Macam Nabi Adam jadi petani, Nabi Noh jadi pedagang, Nabi Daud tukang besi. Sahabat-sahabat Rasulullah, Saidina Abu Bakar - saudagar kain, Saidina Umar - saudagar jagung, Saidina Usman - saudagar kain. Maknanya, mesti bekerja

keras. Kalau kita pegawai kerajaan kita hendak kaya, kita kerja keras, bukan dengan jalan yang ringkas. Kita sebagai penjaga fail, dengan kita mengangkat fail sudah jadi rasuah.

Sehubungan dengan itu, saya berharap kerajaan dapat meningkatkan perkhidmatan dengan mengadakan kod etika, mengambil tindakan tatatertib, mengadakan latihan supaya ada sense of duty and responsibility di kalangan pegawai-pegawai dan juga mengelakkan daripada, saya panggil sebagai extraneous activity. Aktiviti yang luar daripada tugas kita. Saya ambil contoh KEMAS, tidak ada sebab KEMAS mempunyai hari keluarga tiap-tiap tahun di peringkat negara, kemudian ada pertandingan karaoke di kalangan pegawai-pegawai. Saya tidak nampak lojik dan sebabnya. Sebelum hendak jadi johan karaoke, dia mesti berlatih pergi karaoke dan sebagainya. Pertandingan di peringkat daerah, peringkat negeri, kemudian peringkat nasional. Saya tidak nampak lojik. Ini yang dikata extraneous, yang tidak ada kaitan.

Kadang-kadang jabatan KEMAS, ada pula hendak sambut hari merdeka dia jadi urusetia untuk pertandingan sepak raga bulat. Tidak ada kenamengena. Berilah kepada belia dan sukan. Jadi, dengan sebab itu berlaku banyak kerja yang bukan-bukan. Yang saya anggap bukan-bukan kerana melibatkan kos yang tinggi kepada pegawai. Gaji RM900, pergi mesyuarat di tempat lain, dia tidak cukup duit. Datang pembekal - kadang-kadang buat mesyuarat di tempat yang pelik, buat mesyuarat dekat sempadan Betong, Pangkalan Hulu. [Ketawa] Ini berlaku. Siapa yang membiayai bilik? Kadangkala ada pembekal. Itulah yang saya kata, kita buang amalan yang pelik-pelik ini, yang tidak ada sangkut-paut dengan tugas kita.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati akta kita baik. Saya nampak ada menyentuh soal pegawai kerajaan, korporat, ahli Parlimen, ahli Dewan Undangan Negeri, hakim dan sebagainya. Saya dapati bahawa oleh kerana akta ini baik, tetapi ia begitu meluas. Kita tidak dapat secara pasti mengatakan transaction ini boleh atau tidak. Jadi, saya harap pihak kerajaan dapat mengadakan interpretative guide line. Umpamanya saya Ahli Parlimen, apa yang saya boleh buat atau tidak boleh. Bidang saya luas, saya bukan pegawai kerajaan. Kalau pegawai kerajaan disuruh untuk jaga longkang, dia jaga longkang. Kalau disuruh jaga ekonomi, jaga ekonomi. Bidang saya luas. Bidang saya meliputi segala-galanya. Jadi, bank akaun saya juga luas, bukan untuk saya, tetapi untuk rakyat.

Jadi, kalau tidak ada interpretative guide line, katalah orang beri kepada saya derma. Derma ini untuk beli 10 buah komputer di kampung-kampung. Saya masuk dalam akaun saya, macam mana terjadi.

Begitu juga dengan pegawai-pegawai kerajaan. Boleh atau tidak dia buat A, B, C dan D. Saya berharap ada satu interpretative guide line, secara definite kita sudah tahu apa yang kita boleh buat atau tidak boleh buat. Kalau tidak, kita dalam keadaan yang gelap, bolehkah buat ini atau tidak. Kelulusan ini boleh atau tidak. Jadi, saya berharap perkara ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Sekarang saya ingin menyentuh satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, tentang rasuah dalam sektor swasta. Saya bersetuju dengan Pengerusi Back-bencher, dalam sektor swasta, rasuah begitu hebat. Kita ada dengar sama ada betul atau tidak, tetapi kita dengar, hendak dapat loan persentase mesti dibayar. Jadi, dengan itu kos menjadi besar. Kita kasihan peniaga kecil, pinjaman RM10,000, hendak gunakan sebagai working capital. Minta loan dapat RM2,000, RM2,000 itu beri kepada orang lain. RM8,000 tidak cukup untuk working capital dan sudah tentu gagal. Selain daripada saya kata kos makin meningkat, dia juga akan menggagalkan usahawan-usahawan yang lain disebabkan berlakunya rasuah. Kalau hendak beli simen dalam keadaan pasaran yang susah hendak mendapat simen, dia terpaksa bayar dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, saya bersetuju dengan rakan saya daripada Parit Sulong. Kita mesti memberi perhatian kepada sektor swasta, dia bukan sahaja sebagai pemberi rasuah. Saya percaya berlaku rasuah dalam kerajaan kerana sektor swasta yang memberi rasuah. Bukannya di kalangan pegawai-pegawai kerajaan datang hendak beri kepada DO, tidak semacam itu. Kerana adanya sektor swasta, dengan ekonomi yang sentiasa berkembang, peluang dan opportunity begitu besar, keuntungan hendak buat begitu hebat di kalangan-kalangan syarikat KLSE 500-600 berlumba daripada multi million dollar profit kepada bilion, sekarang kita hendak jadi gergasi dunia dan sebagainya. Jadi, merekalah, syarikat-syarikat swastalah yang memberi rasuah. Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan dengan pihak sektor swasta dan juga badan-badan profesional dan pakar-pakar, kita melihat masalah ini. Dengan kita mengadakan sistem dalam sektor swasta, pertama kita mesti membina nilai dalam sektor swasta kita. Kita tidak boleh biarkan dalam negara kita perniagaan mesti dikaitkan dengan keuntungan yang maksimum, maximization of profit, itu sahaja.

Kerana kalau syarikat tidak ada maximization of profit, itu bukan syarikat. Dalam negara kita, kita hendak wujud masyarakat madani dan sebagainya, kita mesti ada nilai-nilai macam mana hendak buat keuntungan dan sebagainya. Dengan itu, saya berpendapat bahawa sistem dalam sektor swasta ini dikaji semula dari segi sistem book keeping. Mesti ada sistem book keeping yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, ini cerita 10-15 tahun lalu, sekarang saya tidak tahu sama ada berlaku ataupun tidak. Bila pegawai eksekutif pergi ke luar negeri, dia buat perkara-perkara yang sumbang. Bila balik, dia bawa bill invoices, dia claim RM5,000. Dia letak di situ RM5,000 'ayam', macam itu amalan dia. Saya tidak tahu sama ada masih berlaku, tetapi amalan macam itu berlaku. Jadi, kalau kita ada sistem book keeping yang betul, bayaran-bayaran yang dianggap illegal - saya percaya pada masa sekarang kita tengah berbincang di dalam Parlimen ini ada orang-orang dalam korporat yang sedang menyuap orang. Bila duit ini dibayar, macam mana dari segi accounting dalam sesebuah syarikat. Mereka boleh takrif consultancy fee, front fee dan sebagainya. Ini yang harus diteliti dan kita elakkan daripada sistem itu.

Keduanya, kita perkukuhkan dari segi audit luar. Ia bukan sekadar membuat analisa biasa, tetapi analisa secara kritikal. Kalau kata 'ayam' tadi, apakah itu 'ayam'? Mana ada ayam harga RM5,000. [Ketawa] Mesti ada kritikal analisis. Perkara-perkara yang agak grey area, yang pelik, kita analyse dengan lebih mendalam lagi.

Sepertimana yang saya katakan tadi soal konsep nilai, kita mesti melahirkan korporat etik yang betul di kalangan sektor korporat dengan mengadakan program-program pendekatan secara integrasi untuk mencegah rasuah, fraud dan lain-lain dengan menanamkan corporate code of conduct, corporate control system dan sebagainya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya hendak sentuh tentang apa yang saya katakan tadi rasuah dari sindiket haram, organise crime. Ini cukup bahaya kepada negara. Cole, seorang ahli sociologist mengatakan, dengan izin, organise criminal provide goods and services to million of people. Organise crime involve a network of enterprises that range from legitimate businesses to activities that cater for desires for drugs, sex and pornography.

Sasaran kepada sindiket haram ini adalah pegawai Polis, Tentera, Imigresen, Kastam, JPJ serta penguatkuasa yang lain, yang dalam negara

kita, kita kata sindiket haramnya seperti sindiket perjudian haram, video haram, pelacuran, dadah, pendatang haram, penyeludupan, cetak rompak, barang tiruan termasuk fun fair. Saya anggap itu pun 'organised crime', fun fair itu Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan saya dengan pihak berkuasa, dia tidak ada lesen, dia letak dia punya barang-barang fun fair ini tanpa lesen diletak di situ. Ini pun saya anggap sebagai sindiket haram.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap satu perhatian yang serius diberikan kepada masalah ini, fasal kesannya begitu besar kepada negara, terutamanya dari segi dadah, ia tidak akan diatasi kalau sindiket haram ini ia memberi rasuah kepada penguatkuasa. Perkara ini berlaku di seluruh dunia dan saya percaya tidak terkecuali dalam negara kita ini, seperti pelacuran dan perkara-perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit tentang Badan Pencegah Rasuah, saya tahu Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena itu minta saya ceptat ini. Dia kata saya sudah lama bercakap ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit sahaja tentang Badan Pencegah Rasuah ini. Saya dapati masalah tentang Badan Pencegah Rasuah ini, ada beberapa pihak yang mengambil Independent Commission Against Corruption di Hong Kong sebagai satu contoh, satu badan yang telah dapat mengatasi rasuah dan Hong Kong merupakan salah satu tempat yang tidak banyak rasuah. Saya tidak begitu bersetuju kalau kata Hong Kong tidak banyak rasuah kerana budaya di Hong Kong berbeza, memberi hadiah perkara biasa di Hong Kong ini, ia tidak dianggap sebagai satu rasuah, kerana ini budaya masyarakat di situ tetapi bukan budaya di masyarakat di sini.

Jadi, bila kita kata Hong Kong merupakan kawasan yang bersih daripada rasuah, saya ingat - tidak! Tetapi, saya hendak mengambil contoh daripada ICAC ini, untuk kita dapat menilai sejauh mana ada kebaikan atau tidak untuk sistem itu dilaksanakan di dalam negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

Independent Commission Against Corruption (ICAC) ialah sebuah badan yang di atasnya ada beberapa jawatankuasa.

- (i) Jawatankuasa Bebas - meneliti semua tugas yang dijalankan;
- (ii) Jawatankuasa Penasihat - menilai dasar dan polisi;

(iii) Jawatankuasa Penilaian Operasi - menerima laporan, kemajuan, siasatan yang dijalankan, menilai pelaksanaan kuasa, menimbang dan menasihatkan kes-kes yang telah selesai dan dalam siasatan;

(iv) Jawatankuasa Penasihat Pencegahan Rasuah, menimbang laporan disediakan Jabatan Pencegahan Rasuah dan memberi nasihat dan rekomendasi; dan

(v) Jawatankuasa Penasihat Perhubungan Masyarakat.

Jadi, ia ada beberapa jawatankuasa untuk check and balance, ICAC dari segi operasinya, pelaksanaan dan perjalanannya. Saya berpendapat bahawa ada relevan kita melihat dari segi organisasi ICAC ini dan ia boleh diterapkan dalam sistem kita kerana saya percaya satu organisasi yang hendak berjaya, mesti ada orang yang menilai kerjanya, yang mengawal selia, yang membuat kajian dan sebagainya, baru ia boleh menjadi satu organisasi yang efisien.

Keduanya, saya berpendapat BPR ini mesti 'peoples friendly', saya ambil contoh macam saya di Perak, saya tengok pejabatnya pun saya rasa gerun. Lebih daripada balai polis suasananya, kalau kita lihat kita merasa gerun. Bila kita masuk dalam kawasan itu pun kita merasa takut. Pegawai-pegawainya kasar, kadangkala perkara kecil sahaja pun dia akan buat seolah-olah satu siasatan orang itu bersalah, sampai empat jam, pada hal perkara yang kecil.

Jadi, ini akan membuat orang ramai takut dengan dia dan takut untuk menyampaikan maklumat kepada BPR. Pada hal kita bergantung kepada orang awam atau masyarakat awam untuk menyampaikan maklumat kepada BPR.

Saya berpendapat bahawa kita mesti wujudkan satu sistem melapor yang selesa, mengadakan tempat-tempat tertentu termasuklah di kompleks perniagaan dan sebagainya, kita adakan sebuah office yang kecil, yang elok rupanya tidak nampak seperti tentera ataupun polis yang menakutkan orang, yang 'peoples friendly' di merata tempat di negara kita.

Saya juga berpendapat mesti banyakkkan risalah-risalah serta percetakan untuk disebarikan kepada masyarakat supaya wujud satu kesedaran bersama-sama untuk mengatasi masalah kerana kita tahu bahawa untuk mengatasi masalah rasuah, ia mesti melibatkan satu perkongsian tanggungjawab antara

badan politik, kerajaan, swasta dan rakyat. Penglibatan rakyat dengan kerajaan dalam mengatasi rasuah begitu penting. Saya ambil kata-kata veteran De Sperville, dia mengambil contoh di Hong Kong, saya memang tak suka guna Hong Kong, tetapi oleh kerana dia gunakan contoh itu, saya baca apa yang dia kata, dengan izin, 'the community of Hong Kong has come to realise that plain hardwork, business acument and risk taking have produced to this standard of living and materials benefit, equally it has come to realise that its achievement could not have accrued without arresting the cancer of corruption. It is this realisation which reflects the success of ICAC. The community has become a driving force against corruption by taking proactive and sustained action to raise the social morality standard and improve business management systems to prevent corruption.'

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya berpendapat bahawa mesti ada hubungan erat antara semua pihak terutama antara BPR dengan rakyat, baru kita dapat mengatasi masalah rasuah. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit. [*Ketawa*]

5.22 ptg.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan tahniah di atas usaha dan komitmen kerajaan untuk memerangi rasuah melalui Akta Pencegahan Rasuah 1997 ini.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam akta ini memang mempamerkan satu kesungguhan di pihak kerajaan untuk memastikan apa jua jenis rasuah dan mana-mana jua peringkat dan strata masyarakat diliputi oleh akta tersebut. Saya menyokong penuh akta ini tetapi dalam pada itu ada sedikit sebanyak bicara yang ingin saya utarakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya akta ini, kerajaan memberi seluas-luas ruang kepada Badan Pencegah Rasuah untuk bertindak membanteras rasuah dan memartabatkan negara. Semangat akta ini yang tersirat dan tersurat melalui objektif penggubalannya harus sentiasa dihayati oleh pihak-pihak pentadbir dan penguatkuasa. Harus dipastikan bahawa usaha untuk memastikan bahawa pesalah-pesalah dibawa ke muka pengadilan tidak digalangi oleh pihak-pihak yang tidak faham atau sengaja tidak mahu faham akan semangat akta ini digubal.

Akta ini adalah alat untuk

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak menyatakan point of order 35(7) atas permintaan kawan-kawan. Sebab ramai sangat yang bangun hendak bercakap, jadi, saya mewakili kawan-kawan merayulah Yang Berhormat gunakanlah kuasa 35(7) mengehendkan masa, sekurang-kurangnya 30 minit. Kalau tidak nanti, at the last nanti, tinggal 10 minit atau 5 minit sahaja yang akhir itu boleh bercakap, preparation kita sama, hak kita bercakap sama, jadi, biarlah dihadkan daripada mula, saya ini mewakili Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Point of order 35(7).

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat, saya rasa kuasa untuk mengehendkan masa itu terletak kepada kerusi, lagi pun pada masa yang lampau,

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu. Pada masa yang lampau setiap kali bila kerusi buat keputusan hendak mengehendkan masa, saya dengar banyak rungutan di kalangan Ahli Parlimen, tetapi kali ini saya tidak mengehendkan masa takkan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak puas hati. Tetapi Yang Berhormat yang ingin berucap, walaupun tidak ada had masa, tetapi cuba hadkanlah masa atas daya usaha diri sendiri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, point of order 35(7).

Saya menyokong Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, bukan Tanjong Karang memutuskan untuk mengehend, cuma mencadangkan, merayu kerusi mempertimbangkan

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat salah faham.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tanjong Karang mencadangkan, saya rasa tidak salah Tanjong Karang atau Rompin mencadangkan kerusi untuk mempertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dengar!

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini apa sibuk ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebab tadi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang bangun atas Peraturan Mesyuarat, bukan hendak buat cadangan. Tetapi, saya terima cadangan yang dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Tetapi, saya cuba nasihatkanlah Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, kalau ada butir-butir yang sudah dibuat, sudah dicakap, disentuh oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, janganlah ulangi sekali lagi.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada banyak yang saya hendak cakapkan, bukan fasal saya gerun, tetapi memang tidak ada banyak pun. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menjelaskan lagi akta ini adalah alat untuk menyiasat secara amanah sesuatu perlakuan kesalahan. Tetapi sekiranya usaha dan pertimbangan yang sama tidak diamalkan dalam proses pelaksanaan dan pendakwaan, kehendak dan aspirasi kerajaan dan rakyat tidak dipenuhi.

Justeru itu, setiap pihak yang terlibat dalam proses membawa pesalah ke muka pengadilan perlu bekerjasama dan saling lengkap melengkapi. Sekiranya ini terlaksana, maka tercapailah matlamat dan hasrat kerajaan untuk menjamin keadilan bagi semua pihak di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sayogia diingat, dengan wujudnya akta ini, kita memberi lebih ruang dan lebih kuasa untuk pelaksana undang-undang bertindak. Pelaksana-pelaksana ini menjalankan tugas dan kewajipan yang cukup baik pada masa lampau dan kita harapkan komitmen yang sama akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala berlaku putus rantaian ataupun, dengan izin, missing link, di antara pihak penggubal dasar dengan pihak pelaksana semata-mata kerana peringkat menengah dan peringkat bawahan pengurusan dan pentadbiran bertindak jauh menyimpan daripada hasrat, aspirasi dan semangat kepimpinan kerajaan.

Sekiranya ini berlaku, maka kekeliruan akan berlaku dan kestabilan politik negara itu sendiri akan tergugat. Tugas pelaksana hendak dijalankan mengikut semangat akta ini diwujudkan, jangan sekali-kali kita lupa akan hakikat itu. Ikutlah amalan yang mencerminkan keadilan dan kesaksamaan bagi semua pihak, tidak kira lelaki atau perempuan,

miskin atau kaya. Elakkan keterlanjuran yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS), apabila anggota JAIS beli tiket dan dengan ghairahnya duduk dua jam menonton gadis-gadis Malaysia beraksi di pentas, kemudian ditangkap tiga orang gadis Islam di khalayak ramai dengan tidak mengambil kira langsung perasaan dan maruah gadis-gadis ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempertikaikan hukum dan pandangan agama Islam dalam soal ratu cantik. Tetapi saya mempersoal dan merakamkan rasa kesal saya terhadap cara dan kaedah pelaksanaan penguat-penguatkuasa ini dalam menjalankan tugas, seolah-olah mereka sengaja mahu mengkhianati wanita. Apa tidaknya, wanita ini ditangkap di khalayak ramai, sedangkan keterlaluan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Parit.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hendak bela wanita?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya bukan hendak bela wanita, saya hendak menseimbangkan. Tadi Ahli Yang Berhormat di satu sudut mengatakan tidak menjaga maruah wanita, tetapi di satu sudut adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa dengan memakai pakaian sedemikian juga merosakkan maruah wanita itu sendiri. Jadi, macam mana 'stand' Ahli Yang Berhormat tentang isu ini?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, maksud saya maruah kena tangkap itu lebih dahsyat lagi kesannya daripada maruah dia naik di atas pentas itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan tadi penguat-penguatkuasa ini menjalankan tugas seolah-olah mereka sengaja mahu menganiayai wanita. Apa tidaknya, wanita ini ditangkap di khalayak ramai, sedangkan keterlaluan ataupun, dengan izin, overzealousness yang sama tidak ditunjukkan oleh penguatkuasa kepada puluhan ribu kes-kes isteri tidak diberi nafkah, digantung tidak bertali dan anak-anak yang merempat dan mendahagakan nafkah dan kasih ayah.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakseimbangan pelaksanaan tugas yang ditunjukkan oleh JAIS harus dijadikan teladan oleh Pegawai-pegawai Pencegah Rasuah dan pihak pendakwa. Jangan sekali-kali mendiskriminasikan di antara lelaki dan perempuan, pegawai dan orang kebanyakan di mana Pegawai-pegawai JAIS dengan pantas laksana 'kilat menyambar' memberkas gadis-gadis Islam yang mengikut ukuran Perlembagaan kita masih belum mencapai umur layak mengundi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, kalau tak tangkap di tempat ramai, hendak suruh tangkap di tempat mana, adakah di tempat yang sunyi, nanti orang tuduh berkhawat pula! *[Ketawa]* Minta tolong beri contoh, bagaimana cara hendak tangkap supaya mudah bagi pihak pegawai agama hendak bertindak di masa akan datang.

Seorang Ahli: Gapo dia?

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, ini yang melewati ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya kata, kalau hendak tangkap, gunakan discretion, sebab itu dikatakan kita ini pegawai. Kalau hendak suruh tangkap ikut buku sahaja, peon boleh jadi pegawai! Kalau hendak ditangkap, di belakang pentas boleh tangkap sebelum dia naik itu. Nasihatkan dan saya percaya, tidak ada gadis-gadis yang telah diberi nasihat akan mengingkari nasihat itu. Tetapi cara pelaksanaan ini, Tuan Yang di-Pertua!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya hendak teruskan, nanti saya tidak dapat hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teruskan!

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Penangkapan dibuat dengan cara dan kaedah yang jelas menunjukkan ketidakadilan tindakan. Manakala Pegawai JAIS yang menyelewengkan wang zakat harta dan fitrah sebanyak RM100,000, hanya diambil tindakan setelah ditimbang-timbang selama dua tahun.

Kemudian, sebagai hukumannya hanya dipecat dan disuruh bayar balik wang yang sudah digelapkan. Tindakan diambil selambat langkah kura-kura. Nama dan gambar sipenjenayah tidak langsung diumumkan, disorok daripada pengetahuan awam sedangkan wang yang digelapkan adalah hak anak-anak yatim dan orang-orang yang daif. Banyak lagi contoh yang boleh saya sebutkan tetapi cukuplah setakat itu. Kepincangan dalam cara dan kaedah menjalankan tugas seperti ini jangan sekali-kali dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah. Hormatilah amanah dan kepercayaan yang diberi oleh rakyat dan jalankanlah tugas dengan penuh kebijaksanaan dengan fikiran dan hati yang terbuka dan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 40 di dalam akta ini mengenai kuasa untuk memintas perhubungan merupakan satu perkara yang sensitif dan delicate, dengan izin, bukan kerana kita hendak melindungi orang awam tetapi kita perlu menghormati hak seseorang rakyat ke atas 'privacy'nya. Saya mohon agar pihak berkuasa menjalankan keistimewaan ini, dengan izin, privilege ini secara bijaksana dan betul. Perlu sentiasa diingat bahawa kuasa memintas perhubungan ini adalah 'privilege' dan bukannya satu hak. Kuasa ini hendaklah dianggap sebagai suatu amanah dan justeru itu hendaklah dilaksanakan secara betul dan saksama. Ingatlah bahawa kita rakyat jelata memberi kuasa kepada pihak pelaksana dengan penuh keyakinan dan kepercayaan bahawa kuasa ini akan dilaksanakan secara ikhlas dan penuh amanah.

Ingatan ini, Tuan Yang di-Pertua, perlu dilaungkan kerana pernah berlaku di Amerika Syarikat pada tahun 60-an di mana J. Edgar Hoover - Director of the Federal Bureau Investigation (FBI) mempunyai kuasa yang amat luas sekali dan beliau telah bertindak memintas perhubungan tokoh-tokoh politik, bukan kerana perbuatan tokoh-tokoh politik itu menggugat kestabilan dan keselamatan negara tetapi semata-mata kerana tokoh-tokoh ini tidak mahu menyumbang kepada tabung kebajikan FBI. Jadi, hendaklah peristiwa ini dijadikan panduan dan teladan agar Badan Pencegah Rasuah tidak terlibat dalam tindakan-tindakan kasar dan tidak bermaruah tetapi sebaliknya sentiasa meletakkan kepentingan negara dan rakyat di tahap yang amat tinggi sekali.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Buntar bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pendapat Yang Berhormat tadi tentang perbandingan yang dibuat antara tindakan JAIS dengan ingatan kepada BPR supaya mengambil 'enforcement' secara berhati-hati. Dalam hubungan ini, saya ingin mengingat semula tentang apa yang disebut oleh JAIS berhubung dengan tindakan terhadap peserta ratu cantik itu. Menurut mereka undang-undang yang dikuatkuasakan itu telah lama wujud tetapi tidak dilaksanakan dan timbul polemik mengatakan walaupun undang-undang itu ada tetapi masyarakat tidak mengetahui akibat tidak adanya publisiti yang meluas mengenai undang-undang yang diluluskan.

Jadi, berbalik kepada Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini, kita percaya dan kita bersetuju bahawa ini merupakan satu 'legislation' yang agak keras, very tough piece of legislation, dengan izin, jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya undang-undang ini khususnya oleh media-media tempatan diberikan publisiti yang paling meluas supaya rakyat sedar tentang wujudnya undang-undang ini dan dengan demikian, ia dapat dijadikan sebagai satu 'deterrent'. Jadi maknanya tujuan rang undang-undang ini bukanlah semata-mata untuk menghukum tetapi untuk mencegah daripada pelakuan-pelakuan rasuah tadi sebab kita lihat walaupun sekarang kita lihat banyak publisiti tetapi banyak publisiti yang disiarkan itu merupakan ulasan-ulasan yang 'cynical' terhadap kejujuran kerajaan dalam usaha memerangi rasuah ini. Tidak banyak saya perhatikan yang ditulis mengenai betapa kerasnya undang-undang ini dan betapa rakyat harus waspada tentang peruntukan ini.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar. Sebenarnya itulah kes saya seterusnya. Saya percaya bahawa kempen dan promosi mencegah rasuah harus lebih dipertingkatkan. Kita perlu, dengan izin, menghighlightkan masalah ini, kita tidak perlu segan dan silu. Bagaimana kita berkempen mencegah penyalahgunaan dadah dan mencegah merebaknya virus HIV - AIDS daripada merebak begitu meluas sekali, kita sepatutnya juga mengadakan kempen-kempen terhadap pencegahan rasuah ini. Saya sentiasa menyokong apa juga usaha untuk mempertingkatkan kesedaran rakyat terhadap rasuah di kalangan rakyat jelata di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya akta ini, dengan meletakkan kewajipan sipenuduh atau pelapor seperti dalam Fasal 20 untuk memberi hujah

dan bukti atas pertuduhan yang dibuat, maka kerajaan terjamin mendapat laporan yang tepat dan bukan fitnah. Kita bukan menakut-nakutkan sipemberi maklumat tetapi kita hanya perlu pastikan bahawa tiap-tiap tuduhan berasas dan serius bukannya berasaskan sakit hati ataupun rasa dendam seperti tuduhan yang dibuat oleh rakan saya yang amat saya hormati, Yang Berhormat wakil dari Tumpat semalam. Semalam, Yang Berhormat wakil dari Tumpat ada mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan kempen 'rethoric' sahaja dan tidak bersungguh memerangi rasuah, Tuan Yang di-Pertua dan bila saya mohon penjelasan serta definisi rethoric, saya telah tidak diberi penjelasan 'rethoric' daripada Ahli Yang Berhormat yang membaca teks, saya tidak tahu teks siapa yang dibaca oleh beliau tetapi dipusing oleh beliau dengan mengatakan bahawa sekiranya saya tidak tahu tentang erti 'rethoric' saya tidak harus menjadi Ahli Parlimen. Ini tidak berkaitan, tidak relevan sama sekali walaupun pada hakikatnya saya - lupakan sahajalah bahawa saya ini pernah menjadi Pensyarah dan Ketua Jabatan di Jabatan Interpretasi dan Penterjemahan Fakulti Bahasa dan Sastera Univerisiti Malaya. Lupakan sahaja!

Yang sebenarnya saya hendakkan Yang Berhormat dari Tumpat semalam untuk memberikan definisi atas tuduhan dan fitnah yang telah dilancarkan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi saya tidak mendapat jawapan daripada Yang Berhormat dari Tumpat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, akta ini amat penting di mana pelaksanaan dan penyelidikan dijalankan dengan cara yang paling cekap. Syak sahaja tidak cukup, kata sahaja tidak cukup dan fitnah memanglah tidak cukup sama sekali. Tiap-tiap tuduhan dan laporan harus didampingi bukti, saya amat menyokong keperluan ini seperti yang dinyatakan dalam akta ini. Pihak penguatkuasa tidak boleh dibebankan untuk menyiasat dan menyelidik setiap laporan yang diberi tanpa ada bukti yang nyata dan kukuh tentang laporan yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini ialah menyambung apa yang dikatakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Tambun tadi berkenaan dengan 'interpretative guide lines'. Saya kadang-kadang agak rasa kurang senang kerana sebagai wakil rakyat saya juga ingin tahu tentang ketepatan garisan pemisah di antara surat sokongan wakil rakyat di atas sesuatu permohonan yang diajukan oleh pengundinya dan juga perbuatan yang berunsur rasuah seperti dalam

Fasal 10 hingga 16. Walaupun pihak yang memberi keputusan ialah pihak lain dan bukan wakil rakyat. Ini juga meliputi sokongan bagi projek-projek yang hendak dijalankan di kawasan wakil-wakil rakyat itu sendiri.

Jadi, pihak lain yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan tetapi sesuatu permohonan itu diajukan oleh wakil rakyat dan sekiranya permohonan itu berjaya, adakah wakil rakyat ini dilibatkan di dalam perbuatan rasuah kerana kadangkala pemohon-pemohon yang berjaya itu ingin menunjukkan rasa kesyukurannya, mungkin dengan mengajak wakil rakyat makan durian ataupun ajak makan pulut kuning di rumahnya, adakah ini juga dikatakan rasuah. Jadi, rasa saya perlu ada satu guide-line yang jelas sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun tadi, apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dibuat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja. Tidak tentu hendak boleh cakap, jadi saya tanya sedikit. Minta penjelasan dari Parit kerana Yang Berhormat biasa menjadi pensyarah. Di antara rasuah dengan budi bahasa, tadi bila Yang Berhormat cakap jamu durian, makan kenduri - makan kenduri itu tidak apalah tetapi macam jamu durian, kemudian musim buah dia bawa ke rumah kita sedikit, saya ingat itu mungkin pihak BPR boleh definisikan sebagai berbudi bahasa. Rasuah ini hak yang terlibat dengan Agong - duit, gambar Agong di duit itu, durian ini saya ingat tidak tetapi kalau beri dusun durian itu saya ingat rasuah. Buah durian tidak apa! Terima kasih.

Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, itu hanya sebagai contoh sahaja sebab rasa saya memang banyak lagilah tanda kesyukuran dan tanda terima kasih yang diberi oleh sipemohon tadi dan perlu ada satu garis panduan supaya jangan ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti, mungkin kawan saya wakil dari Tumpat semalam yang mempersoalkan tentang pemberian cenderahati yang juga dianggap oleh beliau sebagai rasuah. Jadi, bila ada garis panduan ini senang wakil-wakil rakyat ataupun orang-orang yang terlibat hendak memperjelaskan keadaan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, amanah dan keyakinan yang tinggi diletakkan oleh rakyat dalam

penwujudan akta ini. Selama ini Badan Pencegah Rasuah telah menjalankan tugas dengan cekap sekali tetapi sejarah menunjukkan bahawa terdapat niat dan hasrat murni kecundang oleh kelemahan manusia. Rasuah perlu diperangi secara habis-habisan demi memelihara kedaulatan dan maruah negara. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan di atas kuasa dan amanah yang diberikan kepada BPR dan saya yakin bahawa BPR akan mendukung tanggungjawab ini dengan penuh amanah.

Dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Senai.

5.29 petang.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rasuah perlu dianggap sebagai musuh negara yang lebih bahaya daripada penagihan dadah. Rasuah boleh dianggap sebagai najis yang merbahaya. Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah satu rang undang-undang yang akan digunakan bagi menggantikan Akta Pencegahan Rasuah 1961, Akta Badan Pencegah Rasuah 1992 dan Ordinan Darurat Kuasa-kuasa Perlu 1970.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan telah membuktikan kerajaan benar-benar mengambil perhatian bagi menentang segala kegiatan rasuah yang berlaku dalam negara kita. Hasrat dan komitmen kerajaan tidak boleh dipertikaikan. Prihatinan kerajaan terhadap pencegahan rasuah perlu dialu-alukan dan disokong dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada ramai Ahli Yang Berhormat akan berucap dan banyak teguran dan cadangan telah diutarakan oleh Yang Berhormat yang lain, jadi saya cuba memendekkan ucapan saya pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada keazaman kerajaan untuk memastikan amalan rasuah, kejayaan usaha pencegahan rasuah juga banyak bergantung kepada sokongan daripada orang awam. Kesedaran terhadap pencegahan rasuah di kalangan orang awam adalah amat mustahak. Usaha kita bagi membanteras amalan rasuah selain daripada perundangan dan peraturan, saya rasa pendidikan juga akan memainkan peranan yang penting. Aktiviti-aktiviti seperti seminar dan road show, dengan izin, perlu kerap dianjurkan untuk

menyedarkan orang awam bahawa rasuah adalah satu jenis masalah sosial. Penyertaan rakyat jelata sektor awam, sektor swasta, pertubuhan politik dan pertubuhan sukarela dalam kempen pencegahan rasuah di semua peringkat perlu digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya ajaran pencegahan rasuah dimasukkan ke dalam sistem pendidikan di negara kita. Saya mengalu-alukan usaha kerajaan bagi menambahkan bilangan kakitangan bagi memenuhi keperluan pihak BPR. Pihak BPR hanya dapat menambahkan jumlah kakitangan dan sumber-sumber yang diperlukan untuk menentang amalan rasuah sekiranya diberi peruntukan kewangan yang mencukupi.

Ingin saya merujuk kepada Fasal 20 mengenai pembuatan pernyataan yang palsu kepada pihak BPR adalah melakukan suatu kesalahan. Saya yakin tujuan mengadakan undang-undang ini adalah untuk menggalakkan mereka yang ingin membuat laporan supaya menghilangkan niat membuat aduan palsu, bertujuan menganiaya orang lain dan memastikan pemberi maklumat tidak berniat melindungi seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, maka sesiapa ada bukti jangan takut, boleh memberi maklumat kepada pihak BPR. Saya menyokong cadangan ini, akan tetapi saya memohon supaya penjelasan dan keterangan yang lebih lanjut terhadap hukuman berkenaan dapat diberikan supaya masyarakat benar-benar faham dan mudah membuat aduan. Kepada rakyat yang bertanggungjawab, yang sanggup memberi bantuan dan kerjasama kepada pihak BPR, saya rasa perlu digalakkan. Saya ingin mencadangkan bahawa hadiah-hadiah yang tertentu dapat diberikan kepada mereka yang sanggup memberi maklumat yang tepat dan benar kepada pihak BPR.

Tuan Yang di-Pertua, pada beberapa tahun kebelakangan ini kita dapati satu budaya yang saya rasa tidak sihat, iaitu kita memang dapati satu golongan kecil rakyat di negara kita suka membuat aduan kepada pihak BPR untuk mendapatkan political mileage. Mereka buat laporan kepada BPR kerana mereka suka membuat aduan kepada BPR. Golongan rakyat ini sebelum melaporkan aduan, mereka biasanya akan memaklumkan perkara ini kepada sedunia satu atau dua hari sebelum laporan itu dibuat. Pada ketika masa aduan itu dibuat, rakyat golongan ini akan diiringi oleh para pemberita dan selepas itu sidang akhbar akan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, keikhlasan dan kejujuran pihak ini dipersoalkan. Jadi, saya rasa mereka telah

salahgunakan peluang ini. Perkara seumpama ini perlu diberhentikan kerana tindakan yang tidak bertanggungjawab ini adalah demi kepentingan diri sendiri amat bahaya. Kemungkinan besar pada akhirnya seseorang yang tidak ada buat apa-apa kesalahan telah menjejaskan imejnya. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan rang undang-undang ini supaya sesuatu aduan yang dibuat hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pengurangan pertimbangan dan peraturan yang keterlaluan di jabatan-jabatan kerajaan, sebagaimana yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat dari Tambun, terlalu banyak red-tape akan membuka jalan kepada kegiatan rasuah. Jadi, saya sangat berharap supaya masalah ini dapat dikaji oleh jabatan-jabatan dari masa ke semasa kerana semua peraturan dan polisi perlu bersih dan terang serta diumumkan secara meluas kepada orang ramai.

Saya menyokong rang undang-undang ini yang saya anggap bersesuaian dengan keadaan masa kini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kubang Kerian.

5.52 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diucapkan oleh rakan-rakan yang lain, daripada Ketua Pembangkang, dari Parit Sulong, dari Tambun dan yang lain-lain, saya banyak bersetuju dengan pandangan-pandangan mereka terhadap rasuah dan perlu kita perangi rasuah ini habis-habisan.

Semua kita akui, daripada bangsa apa, agama apa sekalipun melihat rasuah satu perbuatan yang cukup jijik dan kita mengakui ianya jijik, maka perlu kita perangi bersama. Sayidina Ali qaramallahu wajha pernah mengatakan bahawa adalah terlalu sedih kalau kita boleh hidup dalam suasana ketidakadilan berlaku di keliling kita. Memerangi rasuah ianya mesti bersepadu di sudut komitmen kehendak pemimpin, undang-undang dan masyarakat itu sendiri, kalau tidak, kita buat undang-undang yang begini kuat, yang begitu hebat sekalipun, keras sekalipun, kalau ianya tidak bersepadu dengan masyarakat dan nilai-nilai di sekeliling, maka ianya tidak boleh berjaya.

Semasa membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini, kita nampak wajah

Timbalan Perdana Menteri memang bersungguh-sungguh untuk membanteras rasuah. Cakapnya, gayanya, kita nampak tidak banyak berlawak, lebih serius dalam masalah ini dan beliau juga mahu supaya mereka yang bertepuk tangan ketika hal rasuah ini diperbincangkan, maka mereka hendaklah menyokong dengan kuat Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini.

Rasuah memang kita lihat lebih berlaku kepada mereka yang memerintah, sebab kita sebut yang memerintah ini kalau di Malaysia termasuklah Barisan Nasional dan PAS di negeri Kelantan. Oleh itu, bila kita memerangi rasuah, kita jangan bercakap di atas dasar parti. Tendency berlaku rasuah lebih hebat kepada mereka yang berkuasa, sama ada ahli-ahli politik daripada parti yang berkuasa ataupun daripada pegawai-pegawai kerajaan kerana merekalah yang selalunya terdedah kepada amalan rasuah. Sebab itu memerangnya kita harap ia bukan menjadi suatu agenda politik. Bukanlah bila pembangkang bercakap semata-mata kita hendak bangkang.

Sebenarnya kalau kita lihat dalam Parlimen ini rang undang-undang yang kami bangkang adalah terlalu sedikit, di antaranya akta tanah, akta untuk menambahkan judi dan akta pendidikan. 7 tahun saya berada dalam Parlimen ini, baru 4 akta yang kami bangkang dan kebanyakannya beratus yang lain, kami menyokong. Tidak adillah kalau ada di pihak kerajaan, pihak backbencher mengatakan kerja pembangkang ini adalah membangkang - tidak sama sekali.

Tambahan pula dalam meminda akta yang begini hebat untuk meletakkan masa depan Malaysia, sudah tentu pandangan-pandangan orang yang berjasa, rekod servisnya baik, dikenali terhadap komitmennya, mestilah diambil kira pandangan mereka. Misalnya, pandangan Tan Sri Harun Hashim yang kita tahu rekod kerjanya, pengarah pertama dalam ACA dan juga hakim yang berani, setelah bersara menjadi pensyarah di UIA, pensyarah undang-undang; pandangan Tun Sufian, seorang Ketua Hakim yang berwibawa, Lord President; pandangan Raja Aziz; pandangan bekas Presiden Peguam; pandangan Param Cumaraswamy yang menjadi wakil Bangsa-bangsa Bersatu; pandangan Tan Sri Ahmad Nordin; pandangan Syed Husein Alatas, Professor Jomo dan lain-lain lagi. Pandangan-pandangan mereka ini mesti diambil kira. Andai kata pandangan kami tidak diambil kira kerana kami ini pembangkang, semata-mata dicop sebagai pembangkang. Kalau pandangan Yang Berhormat

dari Tanjong, ini pembangkang, maka boleh ditolak kerana kerja dia membangkang. Tetapi pandangan yang saya sebutkan tadi, orang-orang yang dianggap berjasa, mengetahui bidang yang mereka bercakap, mestilah kita ambil kira terhadap pandangan-pandangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti dua kali sidang Meja Bulat yang dianjurkan oleh DAP, dihadiri oleh orang-orang yang saya sebutkan tadi. Saya tidak nampak DAP memberi pengaruh apa-apa kepada mereka dan mereka datang berucap tanpa teks, memberi pandangan-pandangan yang direct. Misalnya, Tan Sri Harun Hashim bila membincangkan hal rasuah, beliau mengatakan, bila beliau dilantik dahulu oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman menjadi Pengarah ACA, sebab Tunku Abdul Rahman pada waktu itu memanggil beliau ke pejabatnya mengatakan, negara di keliling Malaya rasuah begitu kuat terutamanya negara sebelah jiran kita, Thailand, Indonesia, Filipina dan lain-lain. Oleh itu, Tunku mahu supaya kamu membersihkan perasuah daripada Malaya ini. Lalu dilantiklah Harun Hashim menjadi ketua dengan 50 orang staf. Tan Sri Harun Hashim mengatakan kerjanya bukan susah, easy job.

Sekarang ini kita fikir hal rasuah, pening kepala. Tan Sri Harun Hashim mengatakan easy job, kerana dia kata, sepanjang dia kerja, orang atas tidak kacau. Ini bererti, sekarang ini ada tendency orang atas kacau, mengganggu, yang menyebabkan Pengarah ACA tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna. Ini yang penting yang disebut oleh Tan Sri Harun Hashim, bukan seorang yang bercakap di kedai kopi, beliau seorang bekas Pengarah yang kita lihat di zamannya itu dipuji, diakui oleh parti lawan dan parti pemerintah bagaimana ACA menjalankan tugas pada waktu itu.

Kita akui Tunku Abdul Rahman ada kelemahan-kelemahan peribadi yang tidak perlu kita sebut, tetapi satu perkara di zaman beliau, Pengarah ACA sendiri mengaku tidak ada gangguan daripada eksekutif, sebab itu beliau bebas untuk menyasat, bebas untuk bertindak. Sepatah kata lagi, dalam sidang yang kedua beliau mengatakan, 'Saya kadang-kadang menyasat hanya sambil jogging. Bila saya berjoging, saya lihat rumah yang besar. Saya tanya, ini rumah siapa?' Barangkali dia tanya tukang kebun atau siapa yang duduk di tepi rumah itu, dia jawab, rumah ini rumah C.C. - Chief Clerk. Bagaimana seorang chief clerk di waktu itu barangkali gaji RM400-RM500 boleh memiliki sebuah banglo, misalnya di Seksyen 17, Petaling Jaya. Tan Sri Harun Hashim terus

menghantar pegawai menemui pegawai kerajaan itu tolong terangkan 'mana wang kamu dapat boleh beli rumah sebesar itu?'

Selepas itu tindakan diambil, sama ada tindakan diambil secara membawa ke mahkamah atau menasihatkan dia berhenti daripada kerja. Jadi, kata Tan Sri Harun Hashim, easy job, sambil jogging pun boleh buat kerja. Jadi, yang dia letakkan kepayahan sekali ialah gangguan daripada orang atas.

Kemudian, Tan Sri Harun Hashim juga mengatakan, ikan kalau busuk bermula di kepala. Sebab itulah kalau kepalanya busuk, maka ikan itu akan cepat busuknya sampai ke ekor. Ini satu perkataan sinis daripada seorang berpengalaman dalam menghadapi perkara-perkara seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.01 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam, dan selepas itu Ucapan Penangguhan akan dibuat."

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.
Diputuskan,

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam, dan selepas itu Ucapan Penangguhan akan dibuat."

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah kita lihat rasuah ini adalah budaya, culture, moral. Ia bukan sangat masalah gaji tidak cukup atau sebagainya. Sebab itu ianya kita lihat berlaku daripada pangkat yang paling bawah sampailah golongan yang paling teratas. Kita lihat kebelakangan ini dikatakan bahawa undang-undang tidak cukup, bagus pinda untuk mengetatkannya. Tetapi sepetah kata Tan Sri Harun Hashim, dengan undang-undang yang ada pun boleh tangkap yang besar.

Mutakhir ini kita lihat jerung-jerung, shark hanya ditangkap di perairan antarabangsa. Misalnya, bekas Menteri Besar Selangor ditangkap di Australia, George Tan di Hong Kong, bekas Presiden MCA di Singapura, MP Batu di Singapura. Jadi, yang boleh tangkap oleh pukat Malaysia hanya ikan temenung dan ikan bilis. [Ketawa] Apa jadi dengan pukat kita, sedangkan pukat yang sama, undang-undang yang sama. Di zaman Tan Sri Harun Hashim, shark boleh ditangkap. Di antaranya bekas MB Selangor, MB Perak dan lain-lain lagi. Salah pukat atau salah nelayan? Ini yang menjadi persoalan.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Alor Gajah bangun.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya menarik ucapan dari Kubang Kerian ini. Dia mengatakan ikan yang besar-besar ditangkap di luar negeri. Kita mempersoalkan di sini berkaitan dengan rasuah. Adakah kes-kes yang ditangkap oleh kerajaan-kerajaan di luar negeri, orang-orang yang disebut itu ada berkaitan dengan rasuah?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini ucapan peringkat dasar, memang adalah. Kalau dengan gaji, macam mana kita dapat tahu sekarang ini boleh beli harta RM7 juta di Australia, dapat daripada gaji atau elaun. Semua ini kita hendak tahu. Mengenai spekulasi saham, adakah salah di Singapura, tidak salah di Malaysia yang dibuat oleh Tan Koon Swan. Jadi, di Malaysia inside trading tidak mengapakah? Ini persoalan-persoalan yang kita kena lihat. Sebab ada seorang katanya Wakil Rakyat dari Kapit terlibat dalam inside trading, yang sekarang ini barangkali belum lagi disiasat oleh BPR.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Alor Gajah bangun lagi.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi ialah satu anggapan sahaja. Jadi, satu tohmahan yang melulu. Adakah Yang Berhormat dari Kubang Kerian bersetuju?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Mahkamah telah memutuskan, tuduhan melulu apa. [Ketawa] Terima kasihlah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jangan banyak sangat ganggu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini tidak ganggu, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya membuat pembedulan. Kalau kata Kapit, rakan saya dari parti saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:orang kata Kapit yang buat....Buatlah pembedulan yang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat hanya boleh soal, bukannya hendak buat pembedulan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak. Saya tidak buat tuduhan. Saya tanya betulkah atau tidak Kapit. Kalau hendak sebut Kapit, buat di luar. Yang Berhormat buat pembedulan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Speaker tidak beri saya jawab.

Dr. Patau Rubis: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Mas Gading.

Dr. Patau Rubis: Bagaimana Yang Berhormat dari Kapit boleh buat inside trading

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, mikrophone itu belum pasang lagi.

Dr. Patau Rubis: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Kubang Kerian, bagaimana seorang Ahli Yang Berhormat boleh membuat insided trading jikalau dia tidak melabur dalam KLSE. Mungkin Yang Berhormat dari tempat lain. Tetapi Yang Berhormat dari Kapit saya tahu, bagaimana dia dapat buat, Yang Berhormat atau salah anggap.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak ada maklumat yang mendalam, saya harap BPR siasatlah. Itu tugas BPR.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
[Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, mikrophone itu belum dipasang lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya sudah tekan, tiga kali sudah tekan, lampu merah sudah menyala. Yang Berhormat kata Kapit, minta pembedulan. Saya tidak hendak katakan, oleh kerana dia tidak ada di sini. Orang kata dia insider trading. Yang saya tahu, rakan saya tidak pernah pun main syer di KLSE.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik. Saya akan beri keputusan, Yang Berhormat. Saya rasa, Yang Berhormat dari Kubang Kerian, pada ketika ini sekiranya ini belum jadi satu kes lagi, Yang Berhormat tidak wajarlah buat tuduhan seberat macam ini terhadap seorang ahli yang lain.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tarik balik, silap, Julau. Kapit bersih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan. Jadi, kita lihat ini bukan komen daripada saya sendiri. Komen termasuklah daripada orang yang jadi bekas Pengarah ACA sendiri mengatakan undang-undang yang ada boleh tangkap jerung. Kenapa jerung hanya ditangkap di perairan antarabangsa? Bukan hanya menjadi persoalan kita rakyat biasa, bahkan menjadi persoalan di luar negeri. Bila ditangkap di luar negara barulah kita tahu perbuatan mereka misalnya bekas Presiden MCA, bekas MB Selangor, pemilikan harta dan sebagainya, setelah didedahkan di luar negeri. Sebab itu dikatakan bahawa pukut kita adalah pukut yang perlu diperkemasikan ataupun semangat bekerja pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah hendaklah dipertingkatkan supaya mereka ini sentiasa berada dalam keadaan semangat yang cukup tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Persidangan Meja Bulat itu juga, perkara yang amat dipertikaikan ialah dua perkara, iaitu dalam Seksyen 33 dan Seksyen 20. Walaupun undang-undang ini begitu keras menghukum orang yang terlibat dalam rasuah dan pemberi rasuah, tetapi menurut ahli-ahli fikir undang-undang ini dengan adanya Seksyen 33 ia boleh disalahgunakan. Kita boleh lihat bagaimana apa yang berlaku di Malaysia ini, bagaimana kita lihat dalam Parlimen ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab jaga hal undang-undang mengaku ada pertemuan antara bekas Ketua Hakim Negara dengan Tan Sri Loy, semasa kes sedang dibicarakan terhadap Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada waktu itu. Berikutan dengan itu, kita lihat bagaimana 6 report polis dibuat oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sekali pun pihak

ACA tidak panggil untuk buat rakaman, tidak buat temubual dengan bekas Ketua Hakim Negara dengan Tan Sri Loy. Kita nampak kenapa mereka ini terlalu berkuasa sehingga kita lihat pula sekarang ini Tan Sri Loy menyaman Param dengan menuntut lebih RM60 juta setelah dia berjaya menuntut RM10 juta. RM10 juta itu telah pun menjadi rekod, kerana Lee Kuan Yew sendiri diputuskan oleh mahkamah RM100,000. Tetapi kita lihat, untuk Tan Sri Loy 10 juta, dan sekarang ia menuntut sehingga RM60 juta. Saman kedua, lagi RM60 juta. Kita dengar khabar mungkin pula dia akan buat saman yang lain untuk RM100 juta.

Jadi, kita lihat kenapa, ada kuasa apa yang menyebabkan mereka ini tidak boleh dirakam statement. Pertama sekali kita lihat orang-orang yang terlibat dalam kehakiman, setelah mereka bersara, kita lihat taraf hidup mereka. Kasihan kita melihat misalnya, Tan Sri Harun Hashim, hidup dalam keadaan cukup sederhana. Beliau tidak boleh mengekalkan gaya hidup semasa menjadi hakim selepas pencen. Tun Salleh Abas, hidupnya sekarang ini dok fikir hendak jual rumah untuk balik bermastautin di Besut atau di pedalaman, kerana tidak mampu menyaingi hidup gayanya semasa menjadi Ketua Hakim dahulu. Begitulah juga Tun Suffian dan dan lain-lain lagi.

Tetapi ada hakim setelah bersara menjadi Pengerusi FACB, memiliki bungalow yang berharga RM2 juta, RM3 juta, memiliki dua rumah di Selesa Hill Home. Adakah hubungan perniagaan itu dibuat semasa orang itu menjadi hakim. Anak-anaknya memiliki saham yang hebat-hebat. Hubungan bekas Ketua Hakim Negara dengan Tan Sri Loy diketahui umum. Ini menyebabkan boleh memberi kesan kepada keputusan-keputusan yang besar-besar mahkamah. Tetapi perkara ini kita lihat tidak ada satu perbincangan umum perkara ini. Sebab kita lihat ada hakim yang hidupnya agak melarat selepas bersara, tidaklah melarat sampai minta sedekah. Tetapi hendak mengekalkan life style semasa dia bekerja tidak mampu. Hidupnya terpaksa membuat kerja-kerja yang lain, tidak cukup pencennya untuk hidup di Kuala Lumpur ini. Sebab hakim tidak biasa minum macam kita, minum teh tarik mamak di bawah pokok. Mereka biasa minum di kelab dan sebagainya. Hendak maintain hidup itu pun ada di antara mereka tidak berupaya. Tetapi ada yang menjadi jutawan, yang menjadi Chairman FACB dan anak beranaknya begitu hebat menjadi jutawan dengan anugerah-anugerah saham dibuat semasa mereka masih lagi menjawat Ketua Hakim Negara.

Perkara-perkara ini tidak perlu undang-undang baru untuk check. Tetapi kita lihat komitmen sebelum ini begitu lemah sekali, sehinggalah perundangan kita dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sehinggalah kita lihat berlaku pula seorang hakim membuat keluhan terhadap penyelewengan yang berlaku ataupun tidak betul dalam sistem kehakiman menyebabkan terpaksa menulis surat layang. Orang yang menulis surat layang itu diketahui Syed Ahmad Iddid. Kalaulah 2% sahaja benar apa yang ditulis itu, cukup berat masalah keadilan undang-undang di Malaysia sekarang ini. Hakim yang berkenaan sekarang telah balik ke Malaysia. Kita mendapat khabar beliau selalu didatangi oleh SB, dan dia hidup dalam keadaan yang cukup menderita. Mana syarikat pun tidak mahu menerima dia bekerja, sedangkan dia tidak didakwa di mahkamah. Pernah dia menyatakan bahawa kalau boleh dia hendak beli satu tanah di hutan Grik untuk memencilkan diri di sana, barangkali 'betapa' untuk meneruskan hidup sampai akhir hayatnya. Ini seorang hakim yang menulis surat layang, kenapa beliau tidak didakwa di mahkamah, kenapa membiarkan dia hidup keadaan begitu seolah-olah negara kita ini ada unsur-unsur Mafia untuk mengugut orang yang berani membuat kenyataan begitu. Kalau dia dihadap ke mahkamah dan didapati salah, kena jail tiga tahun - bila kita kena jail, kita tahu bila kita hendak keluar, tidak mengapa, kita boleh set time. Macam ISA kita tidak tahu set time. Duduk, tunggu hari-hari. Tetapi kalau jail, kita boleh set time kita. Kalau 3 tahun, kita tolak cuti keampunan Yang di-Pertuan Agung dan sebagainya, maka bolehlah bebas mengikut time.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti ini bila kita sebut komitmen, kita melihat orang itu misalnya kita lihat, saya sebut tadi Al-marhum Tunku Abdul Rahman, memang dalam masalah mengganggu pentadbiran ACA, beliau tak ganggu, begitulah juga kita lihat Perdana Menteri Tun Hussein Onn, anaknya tidak ada hari ini, kita akui beliau di sudut menjaga kewibawaan beliau di sudut hendak mengelak tuduhan-tuduhan, sehingga anaknya sendiri kalau hendak memohon kerja, kalau boleh dia suruh buang perkataan 'Onn' di belakang. Tetapi sekarang kita lihat anak Perdana Menteri sekarang kalau memohon satu-satu projek amat gemar mengguna Seri Perdana.

Jadi, kita lihat satu komitmen hendak menentang rasuah - bagus. Pada masa yang sama kita lihat keadaan itu yang menyebabkan kita menjadi kurang yakin. Misalnya dalam kes Dato' Harun, memang

Tun Hussein Onn menghadapi suasana yang cukup genting kerana kita tahu Dato' Harun seorang pemimpin yang cukup hebat, tetapi Tun Hussein Onn menegaskan kalau tak cukup polis, tentera akan digunakan untuk mendaulatkan undang-undang dan ternyata sehingga akhir hayatnya, anak-anaknya membesar dan mencari makan dengan keupayaan sendiri, keupayaan sijil, keupayaan bekerja.

Saya lihat dua Perdana Menteri yang lalu, bila bercakap soal memberi rasuah, kita lebih confident, tetapi yang sekarang ini confident juga tetapi ragu. [Ketawa] Ragunya itu ada kerana bila ada dalam beratus syarikat, tender mudah dapat, kemudian adik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri walaupun barangkali dia tidak terlibat, tetapi adik-adiknya begitu hebat di Pulau Pinang, kekayaan yang begitu hebat, barangkali dia tidak terlibat dalam memberi kelulusan dan sebagainya, tetapi kita lihat beza di antara dua Perdana Menteri dahulu ada bezanya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, saya lihat Ahli Yang Berhormat selalu membuat kenyataan yang melulu mengatakan beratus syarikat anak Perdana Menteri kita menjadi pengarah. Betul atau tidak yang beratus syarikat ini, bolehkah Ahli Yang Berhormat buktikan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya minta notis! [Ketawa]

Dato' Azmi bin Khalid: Saya beri notis.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, saya bawa nanti semua anak beraknyalah, insya-Allah.

Dato' Azmi bin Khalid: Dengan syarat saya hendak tahu berapa ratus syarikat?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, baik. Tidak, saya tidak sebut angkanya berapa.

Jadi, saya menyebut ini confident orang ramai, saya kata tadi kemungkinan misalnya saya sebut tadi di peringkat awal Timbalan Perdana Menteri barangkali nampak sungguh-sungguh dan saya yakin dia bersungguh, sebab selepas itu kita lihat bila ada anugerah kawasan balak di Sabah kepada keluarganya, beliau telah cuba melarang dan menolak, sudah ada kesungguhan di pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Cuma keyakinan itu saya kata perlu dibina lagi, sebab kalau disebut dalam Islam memang banyak contoh, salah satunya Saiyidina Umar, bila anaknya membeli lembu, harga lembu itu disebut harga yang begitu rendah, dibawa balik lembu itu ke rumah, Saiyidina Umar bertanya: "Berapa harga kamu beli lembu ini?" Dia sebutlah, lebih kurang 20 Dirham. Sedangkan harga pada waktu itu bukan 20 Dirham, 30 hingga 40 Dirham. Saiyidina Umar suruh hantar balik lembu itu atau membayar harga mengikut pasaran. Memang pada waktu itu pun orang hendak jual kepada anak-anak pemimpin dengan harga yang tidak ikut pasaran. Sebab itu pemimpin sendiri mesti ada komitmen untuk bertindak di atas perkara itu, sebab memanglah syarikat-syarikat besar, dia cukup suka mendampingi orang-orang yang berkuasa. Kalau di Kelantan dengan kepimpinan PAS.

Ertinya rasuah boleh berlaku di mana-mana yang saya sebut tadi, bukan kita hendak menuding jari kepada parti-parti politik - tidak. Sebenarnya, komitmen dibuat oleh pemimpin itu yang menambahkan keyakinan kita seperti yang kita lihat dibuat oleh Tun Hussein Onn dan Al-marhum Tunku Abdul Rahman dahulu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya, Ahli Yang Berhormat rujuk tadi tidak kira sama ada pembangkang ataupun kerajaan. Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, selepas kemenangan dalam tahun 1990 di Kelantan, ada Wakil Rakyat PAS yang menjadi Exco, kemudian membina rumah sampai tidak mengikut kemampuan dia, saya percaya kalau dengan gaji dia memang tak cukup.

Adakah ini juga bermakna bahawa dalam Kerajaan PAS di Kelantan juga ada unsur-unsur keyakinan rakyat itu. Ahli Yang Berhormat sebut tadi, keyakinan rakyat ya, kalau rakyat melihat benda-benda semacam itu, bukan sahaja di peringkat pemimpin kerajaan tetapi di peringkat pemimpin Kerajaan PAS Kelantan pun, rakyat Kelantan ragu-ragu tidak yakin bagaimana dia boleh mengumpul kekayaan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya kata tadi dia boleh berlaku tendency untuk melakukan penyelewengan kepada mereka yang memerintah, tak kira daripada mana-mana parti politik. Sebab itu kita lihat, bila ada unsur begitu tidak lagi

dibuktikan, maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita telah mengarahkan dia tidak lagi diletakkan bertanding dalam pilihanraya. Dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan berkali-kali mempelawa BPR untuk menyiasat tanpa dipelawa datang dan kalau ada yang menyeleweng, jangan segan silu untuk mendakwa di mahkamah. Jangan pula kerajaan berasa takut hendak dakwa pembangkang. Ha! Sebab ada juga kadang-kadang itu tahu pembangkang nanti dituduh kami aniaya undang-undang ini - tidak, dakwa, kalau ada kes. Ini satu sifat terbuka yang ditunjuk oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan.

Sebab itu, kalau ada yang lain-lain, kalau Machang dengar dan sekarang kita tidak mahu dengar pula lagi tidak bertindak kerana tidak ada laporan, BPR boleh terus bertindak. Nampak agak-agak hendak menyeleweng segeralah bertindak, siasat dan kita mahu berlaku pendakwaan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya mahu bertanya satu soalan lagi secara khusus. Ahli Yang Berhormat nampak bentuk penyelewengan rasuah ini luas, bukan sahaja dalam bentuk soal terima wang, beri wang, macam baru ini saya sebut kelmarin dalam ucapan saya, sebelum kempen pilihan raya berlangsung di Semerak, seorang pemimpin besar Kerajaan Negeri Kelantan, Timbalan Menteri Besar secara terbuka menawarkan 600 lebih lot tanah untuk dibahagikan kepada pengundi-pengundi di Kampung Kulim dekat Semerak. Ini juga adakah Ahli Yang Berhormat menganggap ini adalah satu rasuah pengundi, rasuah yang juga harus ditentang dan tidak patut diamalkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih di atas ingatan itu. Dan saya 'no comment' dalam perkara ini.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ertinya kalau ada kes yang terlibat dalam rasuah, bawa, dan kita tidak mahu melindungi sesiapa. Dan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Haah! Ganggu ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat

dari Kubang Kerian. Bercakap fasal penyelewengan, saya bersetuju Ahli Yang Berhormat pun tegas tentang perkara ini - bagus. Cuma saya hendak satu perkara berkenaan penyelewengan ini, bila kita pergi berceramah kutip duit orang kampung, kemudian tidak ada penyata kira-kira, hak itu dia kira macam mana? [Ketawa]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini kadang-kadang itu kita dialun ombak. Bila dianjur oleh PAS kawasan Yan, kawasan Yanlah yang pegang duit itu dan wang itu di 'declare' dalam mesyuarat agung. Kita bukan boleh 'declare' wang setiap kutipan ceramah atau di mana kepada Parlimen, kita bertanggungjawab kepada Pendaftar Pertubuhan. Kalau kami tidak boleh tunjuk akaun yang betul, lama sudah PAS kena haram. Akaun itu ditunjuk setiap tahun oleh misalnya, pendapatan RM3,000, sewa speaker berapa, jamu teh berapa, kemudian tolak itu, tolak ini, ha, itu duit masuk ke PAS kawasan, itulah tabung kami, tidak adalah tauke mana beri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Cukuplah kot!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dak! Hendak tanya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Satu sahaja, yang last one ya!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya! Saya difahamkan akaun ini tidak ada kerana dia 'bedak' sama-sama. Hak yang ceramah sejam, dia tambah beri banyak, macam Ahli Yang Berhormat pergi dapat lagi banyak. Jadi, dia faraid macam itu, adakah betul? Ini orang katalah, saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat. Jadi, pandangan Ahli Yang Berhormat macam mana, adakah setiap tempat Ahli Yang Berhormat pergi yang kutip, ada yang beri gelang, ada yang beri rantai semua ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih, saya ceramah setiap malam, sebab itu saya kaya, saya naik kereta 'corwn teksi'. Itu jawapan dia!

Seorang Ahli: Tidak pakai Mercedes.
[Ketawa]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Hendak beli Mercedes juga tetapi tidak mampu lagi, insya-Allah, belum mampu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Hai, sedikit sahaja sudahlah.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya hendak bertanya tadi, sebab Ahli Yang Berhormat menyebut 'no comment' apabila persoalan ditimbulkan mengenai apa yang dibawah Ahli Yang Berhormat dari Machang tadi. Nampaknya apabila 'timpa hidung sendiri' - 'no comment'! Tetapi bila kena kepada orang lain macam-macam, sampai membawa perkara yang melulu, apakah prinsip Islam membenarkan perbuatan seperti ini? Apakah prinsip yang dipegang oleh PAS yang berlandaskan Islam yang membawa kepada cara jawapan yang diberi?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya sebut 'no comment' itu, no comment di sudut pihak BPR boleh bertindak, kalau ianya unsur rasuah. Bukan maksud saya 'no comment' kami buat tidak apa-tidak! Ertinya ada kes bertindak dan kalau ianya bertentangan dan kita harap bila bertindak 'consistent' semua parti politik tidak buat begitu dan kita cukup gembira.

Dato' Azmi bin Khalid: [Bangun]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Last, lastlah, tolonglah! Saya hendak perhabiskan ini!

Dato' Azmi bin Khalid: Soalannya spesifik, tawaran tanah kalau pengundi mengundi PAS. Soalannya sama ada itu rasuah atau tidak? Soalan! Bukan jawapannya 'no comment'. Kena jawab soalan ya ataupun tidak.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Oleh kerana saya tidak hadir dalam ceramah itu, saya tidak dengar dengan teliti. [Ketawa] Ini perkataan dari musuh politik kena jagalah. Kalau perkataan itu tepat seperti Yang Berhormat katakan tadi, saya kata itu rasuah. Tetapi kalau ia perkataan yang lain, saya kena study dahulu, sebab kita tidak mahu tolak ansur sekarang. Saya sebut daripada mukaddimah awal tadi, bukan masalah UMNO/PAS di sini. Sebab saya kata potensi rasuah berlaku kepada mereka yang memerintah. Kalau di Kelantan PASlah, kalau di sini BN, kalau di Sabah satu hari PBS memerintah balik PBS.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Cukuplah kot. Allah! Saya tak dan masuk point apa lagi ini. [Ketawa]

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kita sambung sampai pukul 8.00 malam.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sedikit sudahlah! Last, lastlah!

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi, sebab pertama sekali dia kata, Tan Sri Harun Hashim mengatakan bahawa undang-undang kita cukup tetapi kalau dahulu hendak buat pun boleh, kalau pemerintah tidak campur tangan.

Jadi, saya hendak tahu macam di Kelantan, pemerintah PAS itu tidak pernahkah campur tangan walau mahkamah biasakah, Mahkamah Syariahkah, dia tidak pernahkah masuk campur hal ini? [Ketawa] Yang itu soalan pertama.

Yang keduanya, Ahli Yang Berhormat kata tadi, anak Perdana Menteri ada banyak syarikat, jadi, saya hendak bertanya adakah berdosa jadi anak Perdana Menteri tidak boleh kerja apa, kena pakai baju merah pergi duduk dekat Globe Silk Store, main muzik. Dia lulus apa pun, dia tidak boleh buat kerja kerana anak Perdana Menteri - ini tidak adil! Sebab kalau dia jadi lembaga pengarah, apa salahnya, kalau dia pergi melalui saluran-saluran yang tertentu yang BPR hendak tangkap tidak boleh. Kalau BPR hendak tangkap tidak boleh, sekarang inilah kita hendak buat undang-undang hendak beri tangkap ini. Sebab Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri buat undang-undang ini dia tidak kira siapa, dia tidak tulis 'kecuali anak Perdana Menteri, kecuali adik Timbalan Perdana Menteri', [Ketawa] dia tidak tulis.

Dan sekali ini dia tidak peduli apa, kita tidak peduli mahkamah, Mahkamah Syariah pun ada kena hukum. Tetapi, di Kelantan saya biasa ada satu kes, saya ingat-ingat lupa, ada kes [Ketawa] seorang hamba Allah itu, dia kena tangkap, Menteri Besar dia masuk campur, 'clear', ha ini yang saya hendak tahu. [Ketawa]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama itu saya tidak mahu jawab lagi kerana saya sedang saman kes di Mahkamah Tinggi. Jadi, perkara itu selepas kes di Mahkamah Tinggi nanti,

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tahulah itu, bukan aku bodoh! [Ketawa]

Seorang Ahli: Bilik 121.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya ingat yang itu too much. Saya kata kes ini saya sedang dakwa di Mahkamah Tinggi dan defirmation act berlaku terhadap seseorang dan sebuah akhbar, maka saya tidak mahu mengulas apa-apa. Jadi, standardlah sedikit. Itu sahajalah, perkara mahkamah. *[Ketawa]* Sudah lepas daripada kes mahkamah itu, saya akan bercakap sebab sekarang saya sedang fail dan sedang menunggu tarikh dan dalam perbincaraan itu kita boleh lihatlah nanti.

Beberapa Ahli: Yang kedua, yang kedua!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang kedua? Saya kata tadi, bukan masalah saya tuduh rasuah atau tidak - tendency! Bila zaman Tunku Abdul Rahman, orang tanya dia tidak berikah apa-apa kepada Tunku Ahmad Nerang? Dia kata saya jadi Perdana Menteri bukan hendak beri kaya adik beradik, begitu juga zaman Tun Hussien Onn. Tendency ini sama ada dia berdiam diri, dia membenarkan ataupun buat tidak ambil tahu tetapi dua Perdana Menteri ini ada larangan daripada beliau sendiri supaya beliau tidak dituduh sebagai orang yang boleh ditafsirkan menggalakkan rasuah. Saya tidak sebut pun anak Perdana Menteri boleh dilibatkan dengan rasuah. Tidak ada! Itu saya tidak sebut. Saya sebut tadi komitmen Timbalan Perdana Menteri, walaupun adiknya saya kata agak mewah di Pulau Pinang tetapi sekarang komitmennya untuk memerangi rasuah saya nampak jelas. Itu satu perkara yang baik perubahan itu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong bangun Yang Berhormat, hendak beri jalankah atau tidak?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Dok jawab hak orang sahajalah ini! *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kawan saya dari Kubang Kerian cuba menimbulkan satu keadaan untuk memperlagakan di antara dua pemimpin tertinggi negara dengan kenyataan-kenyataannya. Saya harap ini tidak benar dan setiap perkara yang dibuat oleh salah seorang anggota Kabinet adalah dengan restu semua anggota Kabinet di bawah prinsip 'collective responsibility'. Jadi, jangan cuba mengelirukan perbincangan ini untuk menimbulkan satu situasi yang cuba menggambarkan bahawa ada pergeseran di antara Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri. Jadi, perkara ini tidak sihat, saya harap Yang Berhormat ambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih atas teguran. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat begitu, saya sebut tadi bila kita hendak memberi rasuah mesti ada dalam pemikiran, tindakan, rakyat mesti disediakan supaya kita benar-benar memerangi rasuah.

Dato' Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Cukuplah, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak - orang lain banyak hendak bercakap.

Dato' Azmi bin Khalid: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat membawa satu kisah yang berbeza dari segi sejarah 'economic growth' kita. Zaman Tunku zaman kita miskin, Malaysia masih di dalam keadaan kemiskinan berbanding dengan negara lain. Zaman Tun Hussien pun begitu juga tetapi sekarang keadaan ekonomi kita begitu melonjak dari segi pembangunan dan dari segi 'economic growth' ataupun pertumbuhan ekonomi. Sesiapa sahaja bumiputera yang mampu dan boleh berniaga, bukan sahaja anak Perdana Menteri, beratus lagi anak bumiputera yang menyertai bidang perniagaan maju pada hari ini.

Jadi, dalam zaman 60-an, 70-an anak Tunku Abdul Rahman berniaga juga, kita tahu! Yang Berhormat diminta jangan nafikan bahawa anak Tunku Abdul Rahman pun berniaga pada masa itu tetapi pada masa itu anak Melayu tidak begitu pandai berniaga, zaman pertumbuhannya tidak seperti sekarang, maka dia tidak maju. Bukan kerana Perdana Menteri itu tidak membenarkan dia berniaga tetapi zaman berlainan. Apa kata Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih. Rasuah bukan kerana miskin, saya kata tadi. Memanglah yang bawah diambil - kalau dululah kita kata, ini anggota polis bukan semuanya tidak baik. Kalau dulu kita dia stop apa-apa, bagi 50 sen; sekarang RM5 sebab rasuah itu amaun itu yang pentingnya tendency.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta dia jawab soalan saya, saya tidak mahu dia bawa dari segi polis dan sebagainya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak, rasuah bukan kerana ekonomi, bukan kerana kenaikan ekonomi, misalnya kita orang Islam tidak minum arak bukan kerana orang lihat. Kita naik kapal terbang ke luar negeri, dihidang arak di depan kita pun kita tidak minum kerana ianya haram. Ini yang perlu ditanam, rasuah.....

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan kerana dulunya miskin sekarang kaya, maka sekarang rasuah. Miskin dulu yang rasuah 50 sen sekarang RM5, dulu.....

Dato' Azmi bin Khalid: Bermakna - Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat, minta jalan. Bermakna anak Perdana Menteri itu berjaya kerana rasuah bukan kerana ekonomi? Itu nak tahu, tolong jawab ya atau tidak.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini belit saya yang tidak kena. Tidak kena langsung dengan 'maudhuk' yang saya cakap tadi. [Ketawa] Saya kata rasuah bukan kerana status ekonomi kita meningkat, mesti meningkat rasuah. Tidak! Bukan kerana miskin dulu maka tidak ada rasuah sebab rasuah itu berlaku mengikut kategori. Kalau dulu cukup disuap 50 sen, sekarang kena RM5. Yang pentingnya kita lihat berleluasa atau tidak, under control atau tidak.

Misalnya negeri yang kita anggap negeri yang banyak rasuah, kita pergi ke India, kita sampai di imigresen itu kita sudah tahu. Walaupun, kita tidaklah membaca laporan bahananya, 'crime'nya, rasuahnya tetapi di pintu masuk kita sudah boleh rasai. Begitu juga kita pergi di Pakistan, kita boleh rasai masa pintu masuk, bila kita pergi Singapura, kita boleh rasai juga di pintu masuknya, bagaimana negeri mereka rasuah di tahap yang - hendak kata tidak ada seratus peratus kita tidak beranilah - di tahap yang cukup minimum. Ini yang perlu kita perjuangkan di negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, memang.....

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak, tidak panjang dah. Saya tidak beri ganggu dah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sekarang ini pula kita lihat pandangan yang diberi juga oleh seorang profesor ekonomi - Profesor Jomo Sundram, meningkatnya penyelewengan salah guna dan sebagainya ini adalah kerana program penswastaaan dan mereka boleh membuat wang dengan begitu cepat. Saya mengambil satu contoh - Keretapi Tanah Melayu - rugi daripada sebelum mendeke sehingga selepas merdeka. Orang tidak mahu Keretapi Tanah Melayu tetapi sekarang KTM Berhad menjadi rebutan. Syarikat-syarikat besar hendak beli termasuk, saya dengar khabar Renong pun kalau boleh hendak beli KTM. Adakah tujuan

mereka hendak memajukan KTM? Kita nampak tujuan utamanya bukan hendak memaju Keretapi Tanah Melayu tetapi melihat tanah yang begitu luas. Tanah KTM dari Tanjong Pagar, Singapura sampailah ke Padang Besar, dari Gemas sampailah ke Tumpat - memiliki tanah yang luas dan di dalam bandar dan mereka nampak kalau ambil KTM ini servis KTM itu barangkali tidak dipedulikan sangat tetapi yang dilihat tanah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:yang bernilai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap itu seolah-olah mana-mana kompeni hendak ambil KTM itu rasuah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak, saya tidak sebut rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, mengapa Yang Berhormat sebut-sebutkan itu?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak sebut satu rasuah pun.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian apa?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya sebut tendency hendak ambil itu lebih merupakan unsur perniagaan dan mengaut keuntungan segera.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu bukannya rasuah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan rasuah, saya tidak sebut rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, jadi apa sebab yang disebut-sebutkan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, saya tidak sebut rasuah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya sebut.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa sebabnya disebutkan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:kenapa rebutan hendak ambil, sebutannya itu hendak ambil kerana hendak meningkatkan khidmat KTM atau hendak memiliki tanah. Jadi, di sini pihak kerajaan kena berhati-hati dari segi hendak meluluskan sesuatu tender. Ini yang saya sebut.....

Tuan Yang di-Pertua: Kepada mana-mana kompeni pun sebegitulah juga, jika tidak Renong yang lain-lain lagi pun serupalah juga. Jangan hendak libatkan.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya sebut salah satu.

Tuan Yang di-Pertua: Ha! Tetapi soal pokoknya yang kita hendak bincangkan sekarang sama ada perbuatan itu rasuah atau tidak.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, saya tidak sebut kata rasuah tetapi saya kata ini tendency yang kita lihat kalau hendak rebut tender itu, kita bimbang ada unsur-unsur yang tidak baik berlaku. Ini yang saya hendak sebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Fasal 20 yang ini dipercakapkan juga dalam seminar tersebut oleh ahli undang-undang iaitu Fasal 20 ini yang dikatakan kalau kita buat report palsu ataupun boleh disifatkan sebagai palsu, orang yang membuat report itu boleh diambil tindakan. Saya ingin bertanya mana ada rasuah kita boleh beri bukti sebab kerja pembuktian ini adalah kerja ACA - kerja Badan Pencegah Rasuah, kerja polis. Kita hanya boleh syaki sahaja orang rasuah. Mana boleh kita ada bukti?

Misalnya seorang konduktor bas, gajinya lebih kurang RM500, bagaimana dia boleh pakai kasut Clark, misalnya baju Arrow dengan gaya hidupnya yang kita nampak bukan daripada pendapatan konduktor bas itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, terima kasih Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri jalankah atau tidak?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Beri.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak berikah atau tidak?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak berilah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Last sungguh ini, last sungguh-sungguh! *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tentang mengesyaki, adakah Yang Berhormat sedar dalam Islam ini kita tidak boleh mengesyaki antara satu sama lain? Bermakna, kita syak jahat kepada seseorang, malah kita kena, walaupun kawan itu begitu, kita kena doa bagi dia jadi elok tetapi kerana kita syak kawan itu kadang-kadang kawan itu bawa balik durian, dia ini tauke bagilah. Jadi, kerana kita syak macam itu kerana kita tidak beli durian, jadi, adakah ini bercanggah dengan kitalah sebagai umat Islam ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, saya kata syak tadi, dia seorang konduktor bas, jadi hidupnya kita lihat bukan pendapatan konduktor bas dan kita tahu ibu bapanya di sebelah rumah kita orang miskin. Maka, sudah tentulah anggapan kita, kita anggap dia dapat pendapatan yang tidak betul iaitu barangkali dia ambil duit tidak beri tiket tetapi kita hendak tunggu dia buat begitu, misalnya, dia ambil duit tidak beri tiket bila kita boleh dapat bukti itu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
[Bangun]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ragu itu berdasarkan kepada 'life-style' dia.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini dia Seksyen 20 ini yang kita lihat hendak tunggu bukti. Ini payahlah.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Kubang Kerian ini mengelirukan Dewan ini, baca baik-baik Seksyen 20 itu. Itu cukup keliru statementnya, saya terpaksa memperbetulkan ataupun baca Seksyen 20 itu. Seksyen 20 itu bukan hendak menghukum dia buat laporan, tidak apa boleh buat! Dan bukan tugas dia memberi bukti, itu BPR yang akan mencari bukti tetapi kalau laporan yang dia buat itu palsu baru jadi salah dan Seksyen 20 pula baca betul-betul, Seksyen 20 itu bukan sahaja kepada pengadu - dirujuk kepada mana-mana orang termasuklah saksi yang memberi keterangan palsu, itu pun tidak betul juga, boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 20. Itu jangan dikelirukan, baca baik-baik Seksyen 20. Seksyen 20 itu bukan rujuk kepada pengadu sahaja tetapi mana-mana orang: "Seksyen 20(1): - Jika mana-mana orang membuat atau menyebabkan mana-mana orang membuat kepada seseorang pegawai Badan atau Pendakwa Raya menjalankan mana-mana kuasanya.....", termasuklah orang yang mengadu, orang yang membuat statement, membuat kenyataan, kemudian kenyataan itu didapati tidak betul. Yang Berhormat hendak sokongkah orang yang membuat kenyataan yang tidak betul ini? saya hendak tanya - yang memfitnah orang lain?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak sokong, cuma saya kata Seksyen 20 ini boleh disalahguna. Ini bukan pandangan saya sendiri, termasuk pandangan yang saya kata tadi orang undang-undang yang terlibat begitu lama. Kalau saya sendiri apalah saya faham sangat mendalam hal ini, sebab itu saya mengaji. *[Ketawa]* Saya ambil

pandangan Tan Sri Harun Hashim, saya ambil pandangan Tun Salleh Abas, saya ambil pandangan orang yang terlibat dalam law dan mereka kata ruang ini boleh disalahgunakan. Ini yang kita sebut tadi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
[Bangun]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya janji akhir dah tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, kita tentukan masalah. [Pembesar suara tidak dihidupkan].....adakah mungkin Tun Salleh Abas?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan, kita ini belajar, Timbalan Perdana Menteri bukan seorang ahli undang-undang. Sudah tentulah dia mengambil penasihat undang-undang di kelilingnya untuk dia bercakap. Ini perkara biasa. Perdana Menteri seorang doktor, dia jadi Perdana Menteri yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, jadi kita haraplah kita lihat pula di sini. Pihak kerajaan mengemukakan beberapa pindaan dalam Bacaan Kali Ketiga. Ketua Pembangkang juga mengemukakan beberapa pindaan dalam Bacaan Kali Ketiga. Jadi, daripada sini kita nampak bahawa pihak kerajaan sendiri mengemukakan pindaan pada 29 clause, Ketua Pembangkang mengemukakan pindaan kepada 20. Ini bermakna rang undang-undang ini dibentangkan dalam bentuk yang agak tergesa-gesa dan bila Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib ketika merasmikan Sidang Muafakat Menentang Rasuah membuat kenyataan yang berlainan daripada yang ada dalam rang undang-undang ini. Jadi, kita harap supaya rang undang-undang ini dirujuk kepada 'select committee' supaya mereka teliti lagi sekali. Ini kalau kita hendak bahas yang ini, 29 clause daripada kerajaan yang daripada Ketua Pembangkang 20....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:mana hendak cukup tiga hari lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Kebanyakan pindaan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri itu ialah hendak mengubahkan bilangan daripada 14 jadi 13; 15 jadi 14; sebab itu yang banyak itu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, walau bagaimanapun, saya tengok banyaklah! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi benda itu.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ertinya dibuat dalam keadaan yang tidak teliti sebab itu kita rujuk kepada 'select committee', biar mereka ini berbincang dan perkara ini perkara besar dan menentang rasuah semuanya sepakat dan juga perkara-perkara yang orang ragu dalam Fasal 33 yang kita lihat boleh lagi disalahgunakan akan berlaku, boleh berlaku pilih kasih untuk didakwa dan sekarang kita boleh juga lihat ada yang didakwa, ada yang tidak didakwa, yang selalu kita sebut sudah berulang-ulang, saya tidak mahu sebutlah di sini dan saya kasihan kepada Timbalan Menteri dari Tebrau, sudah tidak ada di sini, dia kena tetapi Menteri tidak kena, itu pun menjadi kehairanan juga kepada saya. Tidak apalah, itu hal lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu dirujuk kepada 'select committee' supaya mereka dapat bincang dengan lebih masak sebab ini cukup penting - satu momentum baru kita buat menjelang tahun 2000 dan bila pergi ke select committee nanti, mereka bincang dan bawa kembali kepada kita sebab kalau tidak, kita akan lihat pindaan-pindaan yang begitu banyak kerana barangkali rang undang-undang ini dibuat tergesa-gesa, dipinda di situ di sini, maka pindaan begitu banyak dibuat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pokok Sena. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat dari Pokok Sena berucap, saya mintalah dalam perbahasan ini kita akan mendapat lebih faedah jikalau sekiranya ahli-ahli berucap di atas cara-cara hendak mengatasi jenayah rasuah seperti yang ada di dalam undang-undang ini, bukannya jenis-jenis rasuah, siapa dahulu yang patut kita bawa aduan dan sebagainya. Tugas kita sekarang ini supaya undang-undang yang kita dapat ini, selepas kita berbahas, mendapat undang-undang yang lebih elok dan lebih baik. Itulah pada fikiran saya. Jikalau sekiranya kita hendak bincangkan kontraktor beri duit kepada engineer, itulah benda yang kita hendak mengadakan undang-undang ini supaya boleh kita tangkap mereka itu. Itulah patutnya kita bincangkan atau perbahaskan sekarang, bukan di atas perbuatan-perbuatan rasuah pada masa yang lepas itu. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berucap selama 20 minit.

6.48 ptg.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju, memang saya hendak bercakap macam Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Sebab kita ada

peruntukan dalam undang-undang ini untuk hendak menjauhi rasuah daripada office boy sampai ke hakim, kita tidak mahu sembang macam mana rasuah itu wujud. Kita wujudkan akta ini hendak membersihkan negara ini daripada rasuah. Ini dok keluar kes jalan tar, ini sudah tidak timbul.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini supaya undang-undang ini wujud dengan niat yang baik, supaya semua orang adil. Tidak adalah datang daripada seorang yang dengki, macam pepatah Cina kata, orang yang jahat itu dia selalu fikir orang lain jahat. Ini Lau Dak Kee, bekas Yang Berhormat dari Ipoh tidak ada, dia selalu marah kepada saya sebab orang jahat ini dia selalu fikir orang lain jahat. Orang yang perut kecil, hati kecil ini, dia selalu hendak ukur perut dia itu dengan perut besar, itu direct translation, macam Yang Berhormat dari Kepong.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini supaya akta ini benar-benar wujud daripada kerajaan yang cukup berani. Mana ada kerajaan macam ini? Saya ingat kalau DAP memerintah, taubat dia tidak bawa keluar akta ini. Sebab, dia jadi Ketua Pembangkang, anak dia jadi timbalannya. Kalau dia jadi Perdana Menteri, anak dia jadi Timbalan Perdana Menteri, tetap dah. *[Ketawa]* Itu lagi teruk. Kita tidak ada, anak Perdana Menteri tidak beri masuk politik langsung, tahukah Yang Berhormat dari Kepong? Ini yang saya hendak bincang. Kita hendak supaya niat baik datang daripada Timbalan Perdana Menteri dengan niat yang baik supaya dengan akta ini tidak ada rasuah. Kalau macam mana yang disebutkan rasuah macam itu, macam ini, akta ini, insya-Allah. Kalau dahulu tangkap ikan kecil, sekarang kita tangkap ikan besar dan jangan fikir ikan besar itu pemerintah sahaja.

Saya setuju kalau *[Yang Berhormat dari Kepong menunjukkan naskhah rang undang-undang]* apa yang dok tunjuk akta? Memanglah saya dok tunjuk. Yang Berhormat Kepong ini dok tunjuk apa? Ini memang perut kecil, dia selalu fikir orang lain pun perut kecil macam dia juga, jahat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sabar, sabar.

Tuan Haji Wan Hanafiah binti Wan Mat Saman: Orang yang jahat macam dia ini sentiasa memikirkan orang lain jahat, orang lain tidak betul, niat tidak betul. Tetapi saya mengatakan di sini bahawa pada hari ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Machang. Selama saya jadi wakil rakyat, ini adalah satu akta yang cukup berani oleh kerajaan - cukup berani *[Tepuk]* boleh menjerut

tengkuk sendiri, tahu? Sebab itu saya hendak kata di sini supaya akta ini jangan datang daripada niat yang sakit hati, dengki macam DAP itu, sebab niat kita buat akta ini bukan hendak tangkap kawan, kita bukan buat akta ini hendak tangkap lawan, kita bukan buat akta ini hendak tangkap seseorang yang jadi kaya.

Kita buat akta ini untuk hendak membersihkan rasuah supaya dalam negara kita ini tidak ada rasuah. Negara kita bukan teruk sangat dengan rasuah. Kalau turun kapal terbang, belum turun dia minta duit, sampai imigresen minta duit, kastam minta duit, polis minta duit, naik teksi minta duit, itu baru teruk. Tetapi kita, tidak ada. Ada negara bila kita pergi, dia tahan passport, kita transit sahaja. Kita transit hendak pergi negeri lain, dia minta, dia tahan passport, kena beri duit pelincir, dia kena bubuh minyak diesel, gris, beri licin sedikit, kita belum sampai ke tahap itu. Bukan semua polis kita terima duit. Cuba tengok, Yang Berhormat Kepong beri duit, kalau tak kena polis, gup - dia tangkap. *[Ketawa]* Imigresen pun macam itu. Kita belum sampai ke tahap itu, tetapi kita hendak menjauhi. Kita tidak kata kita tidak ada rasuah, hakim pun rasuah.

Hari itu saya ada bangkitkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Hakim pun kita kena bersihkan betul-betul, bukan setakat pandang bersih. Kalau hakim itu, dengar pun kena bersih. Kalau hakim itu dengar tidak bersih, maknanya adalah surat terbang, mesti ada sedikit yang tidak bersih. Sebab itu kita wujudkan akta ini hendak tangkap jerung yang besar itu. Saya tidak takut. Kalau hendak ikut takut saya, ahli politik lagi takut. Takut Perdana Menteri kena tangkap kalau kita beri kuasa kepada BPR, BPR cekup Perdana Menteri, seperti Perdana Menteri Korea macam mana? Dia bubuh masuk dalam guni putih itu, berjalanlah bekas Perdana Menteri yang telah berjasa. Ini kita tidak mahu.

Saya bersyukur kerana akta ini wujud dengan adanya check and balance. Kalau seseorang itu di bawah akta ini berhubung dengan beberapa perkara, seseorang itu bila ada banyak harta, berlebihan, gaji dia RM5,000 - RM10,000, harta dia ada bermilion-milion, kita check dahulu. Mula-mula dia kena terangkan kepada BPR mana dia dapat duit itu. Kalau clear BPR tidak berapa hendak sah, BPR bawa kepada AG. AG tidak berapa hendak sah, AG bawa kepada hakim. Ini check and balance. Kalau kita beri rumusan macam ini hendak pinda, *[sambil menunjukkan kertas pindaan]* ini dengan niat yang dengki, sebab DAP berkelahi dengan AG,

hendak beri kuasa kepada BPR, datang dua tahun pula dia berkelahi dengan BPR, dia hendak beri kuasa kepada AG pula. Macam mana buat undang-undang? Kita buat undang-undang bukan untuk peribadi. Kita buat undang-undang untuk 50 tahun lagi.

Saya tanya Timbalan Perdana Menteri, kita buat undang-undang ini bukan untuk masa sekarang. Saya mahu check and balance. Kita tidak mahu AG dengan BPR kawan, tangkap Perdana Menteri. Ini kalau kita tidak betul, sebab itu kita ada check and balance, daripada BPR kepada AG, AG kepada hakim, selepas itu Agong pun ada lagi, Parlimen kita pun ada, kita check and balance, sebab itu kita wujudkan akta ini supaya langkah kita, niat kita yang baik itu akan dapat menyelesaikan masalah rasuah kita sungguhpun tidak berapa teruk. Kita biasa tengok negara yang teruk. Kalau di negara-negara jiran kita cukup teruk, tetapi kita hendak mempertahankan negara kita jangan jadi teruk. Ini yang DAP dok buat segala warna [sambil menunjukkan kertas pindaan warna hijau dan merah jambu], macam-macam ini apa? Niat tidak baik, dengki, bukan niat yang betul. Saya tengok mula-mula sekali yang Ketua Pembangkang buat, dia hendak ubah 'Pendakwa Raya' kepada 'Ketua Pengarah', sebab dia berkelahi dengan Pendakwa Raya. Tidak lama lagi dia berkelahi dengan BPR, dia tukar pula 'BPR' kepada 'Pendakwa Raya'. Ini mana boleh, niat tidak baik. Niat kena beri baik, be! [Ketawa]

Ini setengah daripada Yang Berhormat dari pembangkang dok bawa keluar kata zaman Harun Hashim dahulu, saya tengok perundingan Meja Bulat, Persatuan Sepakat Antirasuah, saya tengok semua pembangkang, cuma silap Ketua BBC kita pergi hadir, yang lain semua pembangkang, semua yang mempunyai niat yang cukup buruk. Kita buat dengan niat yang baik. Kalau ikut Timbalan Perdana Menteri hendak buat mengenangkan tangkap orang itu, tangkap orang ini, dia tidak bawa keluar akta ini. Tetapi mengeluarkan akta ini dengan tidak peduli; siapa buat jahat, orang itu kena tangkap. Siapa betul, benar, jangan takut. Kalau hendak lapor, lapor, jangan takut. Kalau takut hendak lapor, mari beritahu kepada Ahli Parlimen Pokok Sena ini, beri tolong lapor.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bincang kisah rasuah-rasuah yang telah lepas tetapi saya berani mengatakan bahawa negara kita masih belum teruk lagi. Ada setengahnya bangkit mengatakan main golf pun rasuah, selepas itu hendak suruh yang

tua-tua ini main tenis, beri mampus terus. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua hari itu, kita main bola di padang, Menteri lawan dengan Wakil Rakyat, Tuan Yang di-Pertua beritahu kepada saya, 'Wan, tolong jangan dok main bola, nanti mati di tengah padang'. [Ketawa] Suruhlah dia main golf, dia pukul sekali, dia jalan 40 kali. Pukul sekali, jalan 50 kali, bolehlah tahan sedikit. Ini hendak suruh dia main tenis, skuasy, beri 'pi' terus. Yang sakit jantung, jatuh luruh jantung itu. [Ketawa] Kisah golf inilah. Janganlah BPR sampai orang gerun, takut. BPR pun kena beri peluang juga.

Tadi Yang Berhormat dari Parit mengatakan bahawa BPR jangan ada kuasa, dia banding dengan akta ini. Ini kes BPR, dia tidak boleh macam itu. Kalau bolehlah dia sama-sama pergi main golf. Orang BPR ini kasihan, hendak main golf tidak boleh, hendak berkawan tidak boleh, hendak pergi makan kenduri pun tidak boleh. Ini kita kena memperbaiki juga dalam akta ini. Sampai hendak buat apa pun tidak boleh. Jadi BPR ini.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya tidak beri jalan, Kepong tidak ada standard.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya tidak beri jalan, saya tidak ada masa, Yang Berhormat, 20 minit sahaja Tuan Yang di-Pertua beri kepada saya.

Jadi saya haraplah perkara-perkara ini, saya pun dok tunggu daripada pukul 4.00 petang tadi, Tuan Yang di-Pertua, sampai lupa habis apa hendak bercakap, [Ketawa] dok geram kepada DAP ini sampai lupa habis. Jadi saya haraplah akta ini tidak usah dok pertikai, jangan dok ada dalam hati kita kata kerajaan buat ini untuk sesuatu niat yang tidak baik, ini saya hendak beri warning kepada parti-parti pembangkang ini. Kita mestilah berfikiran baik sedikit. Kalau orang buat yang elok, janganlah bangkang. Ini bangkang sampai bermacam-macam warna bawa keluar ini apa? Sampai panggil daripada Hong Kong. Hong Kong itu ingat bersih sangatkah? Barangkali dia tidak ada yang menerima, yang memberi itu banyak.

Jadi saya harap dengan akta ini, cuma saya hendak minta satu sahaja supaya ia benar-benar diimplementasikan, supaya negara kita benar-benar akan jauh daripada rasuah ini dan saya tidak hendak

sebut apa. Tetapi saya haraplah, untuk hendak mewujudkan dan melaksanakan akta ini, kita terpaksa melantik beberapa pegawai. Yang ini saya hendak minta kepada BPR, untuk keselamatan tuan-tuan yang mana ada di sini, supaya pegawai-pegawai BPR ini janganlah ada yang bersifat macam DAP, belum jadi pegawai, awak jaga, aku nak cekup awak. Ini yang tidak mahu. Pegawai-pegawai mesti mempunyai sifat yang beriman, yang takut kepada Allah S.W.T., sebab dia bayar cash, zaman dahulu barangkali dia ada installment sedikit, sekarang ini dia bayar cash. Di dunia lagi kita boleh tengok balasannya. Anak cucu kita dibalas.

Jadi saya harap pemilihan untuk pegawai-pegawai yang kita akan lantik itu biarlah benar-benar pegawai-pegawai, bukan kita hendak ahli UMNO untuk menjaga kepentingan UMNO dan kita tidak mahu ahli politik yang mempunyai berat sebelah. Kita mahu orang yang benar-benar memainkan peranan BPR untuk menjauhi dadah ini - dadah pula dah [Ketawa] - untuk menjauhi rasuah ini. Inilah Tuan Yang di-Pertua punya salah juga, dia suruh saya perderas. Saya dok kejar time, mana malam ini hendak pergi makan kenduri pula. Dadah dengan rasuah ini sama.

Jadi kalau kita hukum - ini Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang - hukum sampai RM1 juta, dadah itu hukum gantung pun orang buat juga. Hukum dadah dengan hukum bawa pistol, hukumnya gantung tetapi orang buat juga. Bukan makna orang takut tentang hukum, tetapi kita buat hendak cari jalan, macam Yang Berhormat dari Parit kata tadi, kalau boleh kita hendak elak kalau BPR dapat mengawal daripada awal supaya perkara ini jangan berlaku. Itu yang kita hendak.

Jadi, saya haraplah parti pembangkang jangan dok tentang semualah. Tak usah dok pindalah, orang buat ini sudah elok. Kalau dok panggil segala Harun Hashim, Nordin, Tun dan sebagainya, semua itu antikerajaan dok nasihat, tak usah dok dengar. Dengar pemimpin kita sudah bijak. Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak pass undang-undang, saya pun tidak pass undang-undang, part one sahaja, [Ketawa] 'lawyer buruk' sahaja. Tetapi kita ahli Parlimen. Lawyer bukan pandai semua, 50% sahaja macam Yang Berhormat dari Tanjong itu. Sebab selalu saya tengok, kalau dua orang masuk court 100%, 50% sahaja yang menang, 50% lagi kalah. Satu sahaja yang menang. Kita ahli Parlimen setaraf sahaja, tunjuk apa. [Ketawa] Inilah salah Tuan Yang di-Pertua dok cepatkan saya.

Jadi, saya harap pemilihan, perlantikan pegawai-pegawai baru ini mestilah daripada orang yang benar-benar beriman supaya tidak ada fitnah-memfitnah, laporan buruk dan sebagainya. Kita beri penerangan. Saya minta pegawai BPR beri penerangan di sekolah-sekolah supaya masa depan - saya setuju dengan Yang Berhormat dari Machang, penerangan, pendidikan dari segi rasuah ini. Sekarang pun rasuah orang takut. Kalau pak kena tangkap rasuah, anak pergi sekolah pun susah. Anak-anak di sekolah, adik-beradik dia semua dihina. Perasuah telah dihina, tetapi masih orang belum gerun. Sebab itu saya harap, pegawai BPR yang hendak dilantik supaya diberi penerangan dan pendidikan di sekolah-sekolah, bukan kerana takut tetapi kerana menghormati negara supaya negara kita bersih daripada rasuah.

Di samping itu, saya juga minta Timbalan Perdana Menteri selain daripada AG check BPR - kadang-kadang kita tanya juga BPR siapa yang check? Jadi, kita hendaklah polis, special branch dan masyarakat juga akan men'check' supaya BPR juga tidak terpengaruh dengan kuasanya yang besar yang boleh melakukan fitnah, niat jahat, kadang-kadang kita tidak dapat hendak elak. Jadi, supaya check and balance kita banyakkkan. Saya harap pihak BPR jangan mempunyai any political motive, sebab kita tidak mahu orang teraniaya. Kalau dia korup, dia perasuah, kita ambil tindakan supaya negara kita akan terselamat dan tahun 2020 negara kita akan menjadi satu negara yang maju yang dihormati yang free daripada rasuah. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kuat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Pilah.

7.04 mlm.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dibentangkan untuk kelulusan di Dewan yang mulia ini. Pertama sekali, saya ingin juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang menampakkan kesungguhan yang begitu serius dan komited untuk memerangi gejala rasuah masa kini. Kerajaan yang kuat dan stabil sekarang ini mestilah mempunyai political will dan komitmen yang bersungguh-sungguh, kerana rasuah dianggap sebagai kuman yang amat merbahaya yang boleh menghancurkan individu, masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen dan pendirian tegas kedua pemimpin agung negara kita masa kini dalam usaha memerangi gejala rasuah amat memberangsangkan kami, kerana segala usaha banyak bergantung kepada sikap dan komitmen pucuk pimpinan. Apa-apa agensi termasuk BPR sekali pun, tentu sekali tidak akan dapat berfungsi dengan cekap dan efisien andainya tiada sokongan kuat daripada pihak atasan yang betul-betul sanggup menerima segala risikonya. Dalam satu kes melibatkan rasuah, Hakim Besar Malaya, Tan Sri Raja Azlan Shah dalam satu kesnya telah mengupas cara definisi rasuah sebagai berikut: "Rasuahlah yang melebihi segala-galanya, yang melemahkan perjuangan menuntut keadilan yang luhur dan bersih, yang menggagalkan program pembangunan, yang mendorong pemimpin untuk mengkhianati kepercayaan yang diberikan oleh rakyat, yang memusnahkan kuasa moral pemegang kuasa, yang menimbulkan rasa kecewa dan hampa di kalangan rakyat, yang akhirnya membawa kepada kehancuran dan kemusnahan masyarakat."

Tuan Yang di-Pertua, semasa negara kita sedang begitu rancak membangun dalam semua bidang, khususnya dalam sosio-ekonomi, tentu sekali tiada seorang pun yang sayangkan bangsa, agama dan negaranya ingin melihat segala kejayaan dan keharmonian yang kita perolehi hancur lebur disebabkan oleh gejala rasuah. Kita telah berjaya memerangi komunis di awal hari kemerdekaan. Kita telah berjaya juga mengatasi masalah communal, ekoran dari peristiwa hitam 13 Mei 1969. Dan kita ini sudah semestinya sanggup memerangi berhabis-habisan gejala corruption pula. Ini semua boleh dilakukan dengan jayanya sekiranya semua pihak tanpa mengira kaum, agama, status dan darjat bersatu padu memerangi gejala rasuah yang amat merbahaya ini.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Undang-undang Pencegahan Rasuah yang sedia ada memang sewajarnya digubal untuk memberikan kuasa yang lebih luas, pragmatik dan berkesan kepada BPR. Pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sewaktu mencadangkan rang undang-undang ini semalam bahawa kerajaan akan menambahkan peruntukan sebanyak RM3.42 juta dan menambahkan kakitangan seramai 237 orang dan 10 orang Timbalan Pendakwaraya amat dialu-alukan. BPR tentu sekali memerlukan pegawai-pegawai dan anggota-anggota penyokong yang efisien dan mencukupi. Untuk melaksanakan tugas ini dengan

lebih berkesan tentu sekali memerlukan alat-alat, kemudahan-kemudahan yang lebih canggih dan sophisticated untuk memerangi bermacam-macam bentuk rasuah yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ingin saya memberi sedikit-sebanyak komen tentang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Pertama, saya juga telah membuat sedikit-sebanyak penelitian dan kajian kepada rang undang-undang ini, dan berikut adalah beberapa perkara yang wajar saya nyatakan di Dewan yang mulia ini. Pertama sekali saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang berkenaan, khususnya kepada Peguam Negara, Ketua Pengarah BPR dan tentu sekali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang begitu peka dan prihatin tentang beberapa pandangan dan input yang dikemukakan oleh wakil-wakil kami daripada kalangan penyokong-penyokong kerajaan. Tentang beberapa peruntukan dalam rang undang-undang ini yang kita fikirkan perlu diulang kaji supaya dibuat pindaan atau membatalkan beberapa peruntukan yang sewajarnya.

Yang kedua, dengan adanya penulisan atau penerimaan notis yang diedarkan kepada kami semua tentang persetujuan, sebagai contohnya, Seksyen 14 dibatalkan, amat melegakan kami semua, kerana peruntukan tersebut amat tidak berpatutan dan sesuai. Definisi ataupun tafsiran pegawai badan awam di Seksyen 2, jika dibaca bersama-sama dengan Seksyen 10, 11, 13, 14, 15 dan 16 sudah mencukupi dan merangkumi segala tujuan Seksyen 14. Oleh hal yang demikian, persetujuan supaya Seksyen 14 dibatalkan melambangkan bahawa semangat bekerjasama dan proses menggubal undang-undang melalui Dewan yang mulia ini adalah berjalan lancar mengikut keadaan yang sepatutnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengulang tentang beberapa seksyen yang telah disentuh ataupun diulas oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Machang. Sepertimana yang disebut oleh beliau iaitu Seksyen 19, 20, 33(3) yang mana saya sendiri bersetuju dan bersependapat dengan pandangan beliau itu. Pandangan dan pendapat kami tentu sekali boleh dipertimbangkan sekiranya hujah-hujah yang telah diutarakan boleh meyakinkan supaya boleh diterima pakai dalam undang-undang yang saya fikir penting ini. Sesuatu pendapat dan tafsiran berasaskan kepada peruntukan dalam undang-undang eloklah biar senang dan jelas. Ungkapan, ayat yang boleh mengelirukan atau memberi bermacam-macam

makna mungkin tidak elok, kerana ini boleh mendatangkan banyak permasalahan di kemudian hari kelak. Sesuatu tujuan ataupun intention, dengan izin, oleh Parlimen akan menjadi bahan panduan tafsiran kepada pihak-pihak penguatkuasa dan pihak hakim sebagai badan pengadilan di kemudian hari di mahkamah-mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Seksyen 40. Seksyen 40 ini memberi kuasa yang begitu sensitif dan amat penting untuk menolong pihak BPR membuat apa-apa pintasan ataupun dengan izin, interception yang diperlukan melalui Jabatan Pos ataupun apa-apa pintasan melalui mana-mana agen telekomunikasi. Dengan adanya peruntukan ini, akan memberi kuasa dan peluang yang begitu besar bagi pihak BPR mendapatkan sesuatu bahan bukti cukup nyata dan berguna dalam sesuatu kes yang diperlukan di mana kesahihannya biasanya dengan sendiri menjelaskan. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kuasa dan kemudahan yang amat sensitif dan penting ini, izinkan saya melalui Dewan yang mulia ini memperingatkan dan menyarankan agar semua pihak pegawai BPR yang bertanggungjawab supaya tidak sekali-kali menyalahgunakan amanah dan kepercayaan yang diberikan kepada mereka bagi tujuan-tujuan lain daripada perkara-perkara yang sepatutnya. Perkara ini perlu ditegaskan, kerana perbuatan memintas melalui pos dan jabatan-jabatan telekomunikasi ini mungkin boleh mencero bohi hak privacy, dengan izin, setiap individu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya suka juga saya menyentuh tentang perkara yang amat penting, iaitu dari segi aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan, dalam aspek memerangi rasuah mengikut akta ini. Setelah kita mempunyai undang-undang yang kuat dan begitu tegas demi untuk melaksanakan, memperkuatkuasakannya, kita perlukan pegawai-pegawai yang berhemah tinggi, berwibawa dan mempunyai kebijaksanaan apabila menjalankan tugas. Saya berkata demikian, kerana kuasa, kalau sekiranya kita tidak tahu menggunakannya boleh menggadaikan atau kuasa yang ada di tangan kita kalau tidak pandai digunakan boleh menjadikan ia sebagai satu yang boleh mendatangkan merbahaya dan boleh disalahgunakan dan juga boleh dijual-beli oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu kisah yang betul-betul berlaku pada masa lebih kurang 30 tahun dahulu semasa saya berkhidmat dalam pasukan Polis Diraja Malaysia, iaitu ketika itu saya mempunyai seorang polis konstabel atau

mata-mata yang hanya mempunyai gaji bulanan lebih kurang RM480. Beliau mempunyai 10 orang anak. Dengan gaji RM480 mempunyai 10 orang anak dan pekerjaannya sebagai summon server, menyampaikan saman. Satu hari, satu perangkap telah dibuat ke atas beliau, maka tertangkaplah si mata-mata ini dengan bukti yang cukup, ekoran daripada satu perangkap dibuat oleh pihak BPR. Kebetulan ketika itu, semua pegawai BPR itu sahabat saya dan saya pernah menyatakan dalam masa perbincangan saya melihat mata-mata ini tidak mempunyai apa-apa pembelaan dan beliau akhirnya didapati bersalah dan dijatuhkan hukum 18 bulan penjara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Penjaraan beliau ini menitiskan air mata kepada beliau dan seluruh keluarganya. Memandang senario keseluruhan, saya ingin membawa kes ini sebagai satu simbolik dan untuk renungan semua, kenapa pegawai polis konstabel ini sanggup melakukan perbuatan atau keadaan seperti itu sungguhpun kita tidak menafikan itu satu perbuatan rasuah kerana beliau terjerat dengan hanya menerima RM4. Dengan RM4 dia dijatuhkan hukuman 18 bulan, maka bayangkanlah justeru itu dengan perasaan yang begitu sedih, saya ingin menyatakan di sini bahawa satu kesedaran yang amat sangat kepada diri saya, membencikan perbuatan rasuah dan di samping itu bagaimana budi bicara hikmah yang patut juga pihak-pihak BPR mengambil kira. Wajarkah sekiranya kalau dengan cara orang begini, 'preventive action, correction action' perlu diambil dan tidak semestinya dan bayangkanlah sengsara yang berlaku kepada keluarga yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa peranan penglibatan yang sebagaimana berlaku dalam kes ini, agent provocateur yang tersebut dalam Seksyen 45 dan 46. Saya ingin menyatakan juga, memperingatkan pegawai-pegawai BPR, apabila menggunakan pihak-pihak sebagai agent provocateur perlu mengambil kira dan ada sikap keadilan keseluruhannya dan juga apabila perkara ini berlaku timbullah prasangka yang menyatakan kenapa kita tangkap ikan bilis yang kecil-kecil tetapi jerung tidak ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di sini sebagai simbolik supaya dengan adanya akta baru ini, kita berharap dengan adanya pemikiran dan satu pendekatan pegawai-pegawai BPR yang

masa kini, yang mempunyai ijazah yang begitu tinggi, berkelulusan dan berketrampilan menjalankan segala-galanya dengan penuh berhemah kerana kita tidak mahu diperkatakan, tidak mahu mendengar bahawa BPR hanya menjadi alat dan digunakan untuk menangkap kumpulan yang kecil-kecil sahaja.

Saya percaya dengan adanya pengakuan, dorongan dan sokongan daripada pucuk pimpinan yang betul-betul berani dan sanggup menerima segala risikonya, BPR akan bertindak begitu berkesan tanpa mengira bulu, pangkat dan darjat menjalankan tanggungjawab sebagaimana yang kita harapkan semua.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa itu telah terlalu sempit dan sesak untuk sahabat-sahabat saya bercakap, saya hendak pendekkan ucapan saya, tetapi saya hendak sampaikan juga dengan cara seberapa ringkasnya.

Saya ingin menyentuh dari segi 'separation of powers'.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita tahu yang bertanggungjawab Attorney General ataupun Peguam Negara dan juga Ketua Pengarah BPR iaitu mereka ini diberi tanggungjawab yang begitu besar dan berat dan melambangkan inilah bentuk 'separation of powers' yang diperuntukkan oleh akta ini.

Di sini banyak telah diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya sebentar tadi, isu 'check and balance'. 'Check and balance' ini kalau kita pintas buat satu ketika dahulu ataupun kita renung di satu ketika di mana Peguam Negara ataupun Attorney General pernah menduduki dalam Kabinet dan juga bertanggungjawab kepada Parlimen.

Saya ingin menyarankan di sini kalau boleh mungkin tidak sekarang, mungkin satu ketika nanti sama ada perlu Peguam Negara diletakkan ke satu tempat yang kedudukannya bertanggungjawab kepada Kabinet dan juga Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa geram juga apabila mendengar banyak ucapan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang menuduh Peguam Negara mengambil tindakan mengikut selective prosecution, dengan izin.

Ini jelas sekalilah bahawa kita tahu Wakil daripada Tanjong ini bercakap begitu emosi dan mengaku telah begitu lama berkhidmat dalam Dewan yang mulia ini dan bercakap dari segi keadilan, tetapi apa yang beliau perikatakan itu tidak melambangkan beliau sebagai seorang yang begitu mahir dan arif yang lama dalam Dewan yang mulia

ini, menampakkan tidak lain dan tidak bukan beliau hanya mementingkan diri dan di sini tidak langsung menunjukkan sikap tulusnya kepada Dewan yang mulia ini iaitu kita tahu Peguam Negara adalah seorang yang telah dilantik mengikut Perlembagaan Negara. Beliau adalah salah seorang yang telah diberi tanggungjawab dan tugas untuk mendakwa atau menggunakan budi bicaranya.

Saya pernah menghadiri satu persidangan antarabangsa, dikemukakan di mana pihak-pihak antarabangsa seolah-olah telah mendapat banyak laporan daripada negara kita di sini melambangkan seolah-olah kerajaan kita tidak begitu jujur dan begitu 'discriminative' dalam tindak-tanduk dalam perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas sekali bahawa kes-kes serupa ini sudah sepatutnya dan apabila disarankan ditujukan soalan kenapa si folan si folan tidak didakwa dan si folan si folan ini pula didakwa, saya pernah menjawab, mengikut peraturan undang-undang negara kita, yang bertanggungjawab untuk mendakwa ataupun tidak adalah Peguam Negara dan persoalan sama ada dia didakwa atau tidak, itu tidak sepatutnya saya menjawab soalan yang demikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes ini saya harap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan parti-parti pembangkang mesti memahami dari segi prinsip-prinsip perundangan yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan di sini sebagai rumusan, kes-kes kompleks rasuah yang kita tahu kalau kes-kes dadah berbahaya, kalau kes-kes preventive action dalam segi jenayah besar yang tidak boleh kita sabitkan mana-mana kes di mahkamah, perlu juga difikirkan sama ada kes-kes yang begitu kompleks tidak dapat didakwa, boleh disabitkan dengan ISA. Saya fikir ini adalah economic sabotage juga. Perbuatan-perbuatan rasuah yang penting kepada bangsa, negara dan agama. Ini patut juga difikirkan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, mungkin tidak sekarang, di masa-masa yang akan datang kerana Internal Security Act 1960, dengan izin, ataupun ISA memang mempunyai peruntukan yang luas dan andainya sesuatu kes itu tidak dapat dijadikan kes untuk didakwa dalam mahkamah, wajar dirangkumi dalam ISA kenapa tidak dilakukan.

Yang kedua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya gulung.

Seterusnya, sebagaimana saya kata tadi, Jabatan BPR perlu jugalah apabila mempunyai kuasa struktur organisasi yang telah lengkap dan baik, pentadbirannya perlu memikirkan selain daripada tugas-tugas mencegah dan menguatkuasakan undang-undang rasuah ini, sikap semangat yang perlu ditekankan bukan penaltive, dengan izin, tetapi perlu difikirkan dari segi preventive dan corrective. Ini perlu ditanamkan di kalangan pegawai-pegawai BPR dan yang bertanggungjawab.

Seterusnya, pendekatan secara mempunyai interaksi dengan masyarakat perlu juga dipertimbangkan melalui sekolah-sekolah, melalui kurikulum-kurikulum di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjung Karang.

7.25 mlm.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah meminda Rang undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang begitu komprehensif dan keras dengan merangkumi dan menyatukan beberapa akta yang sedia ada dan memasukkan fasal-fasal yang baru dengan merujuk undang-undang rasuah daripada luar negeri khususnya berhubung dengan kuasa penyiasatan untuk membolehkan negara ini mengatasi perbuatan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa begitu singkat saya hanya ingin merujuk ataupun respond kepada beberapa isu yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Yang pertama, pihak pembangkang ada menyatakan bahawa dalam akta ini tidak ada definisi rasuah. Kita tidak menafikan definisi rasuah memang tidak diberi di dalam akta ini. Tetapi definisi 'suapan' telah diberi dengan begitu terperinci sekali, definisi 'suapan' sudah cukup menggambarkan rasuah sama seperti pepatah Melayu yang mengatakan 'makan suap' ertinya menerima rasuah.

Sesungguhnya rasuah mempunyai pengertian yang cukup kompleks dan historical. Rasuah bukan sahaja sekadar pemberian wang, hadiah atau sebagainya dengan tujuan untuk mendapatkan

habuan peribadi, tetapi rasuah juga turut merangkumi aspek motif dan hubungan interpersonal, strategi, wawasan, perundangan dan keagamaan. Saya mengambil contoh, sekarang ini kita lihat banyak projek swasta, kadang-kadang ada rakan-rakan kita mengenal pasti sesuatu projek untuk diswastakan, untuk diberi cadangan kepada pihak berkuasa negeri. Kita selalu mendapat rungutan, cadangan-cadangan yang begitu baik yang asalnya dipunyai oleh seseorang, apabila sampai kepada pihak berkuasa negeri, cadangan itu telah pun bertukar tangan. Dia ambil isi yang sama, kulit luar sahaja ditukar dan digunakan oleh syarikat-syarikat lain. Ini juga boleh ditafsirkan sebagai rasuah.

Kita harap untuk mengatasi masalah ini supaya pihak Kementerian Pembangunan Usahawan kena mengambil inisiatif supaya memastikan segala cadangan dan proposal yang asal jangan lagi diveduc ataupun diambil tiru oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Dari segi perundangan di dalam kes PP lwn Datuk Harun 1977, Raja Azlan selaku Hakim menjelaskan dan memberi pengertian definisi rasuah bahawa, "corrupt is a question of intention if the circumstances have show what a person has done or has permitted to do was move by and even intention or a guilty mind than he is a label under this section", iaitu Akta Pencegah Rasuah 1991.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, jelas menunjukkan bahawa walaupun definisi rasuah tidak diberi di bawah akta ini, tetapi dengan definisi 'suapan' dan juga hujah-hujah yang saya nyatakan tadi, kita boleh memahami apa erti rasuah.

Yang kedua, saya ingin respond mengenai mencabar kesungguhan pucuk pimpinan kita untuk melaksanakan dan juga memerangi rasuah. Saya ingin mengingatkan pihak pembangkang bahawa pimpinan kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalannya amat bersungguh-sungguh memerangi rasuah. Kita lihat sahaja sejak mula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dilantik menjadi Perdana Menteri, beliau telah memperkenalkan konsep dan juga cogan kata, bersih, cekap dan amanah. Bersih, cekap dan amanah ini kalau kita amati dan kita hayati, maka sudah tentu hasrat beliau ialah untuk memerangi rasuah demi untuk kepentingan negara.

Begitu juga kita lihat pertama kali dalam negara kita, satu-satu parti politik iaitu UMNO yang berani mengaku kesalahan sendiri, yang berani mengakui bahawa di dalam partinya ada rasuah, ada politik

wang. Maka kita lihat UMNO pada tahun 1993 telah pun memerangi politik wang. Pada tahun 1994 kita telah meminda Perlembagaan UMNO meletakkan kod-kod etika di dalam Perlembagaan UMNO yang mana tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membersihkan parti UMNO sendiri dan akibatnya kita lihat pada tahun 1996, lapan orang ahli-ahli politik kita telah pun didapati tidak layak bertanding untuk Majlis Tertinggi. Jadi, segala hujah-hujah yang diberikan tadi menunjukkan bahawa kesungguhan dan commitment pemimpin negara kita untuk memerangi rasuah.

Dan baru-baru ini kita lihat bagaimana Perdana Menteri kita begitu berani memerangi rasuah apabila beliau dengan begitu lantang dan berani mendedahkan nama George Soros yang boleh dianggap sebagai pemberi rasuah yang besar di dunia ini. Saya menyatakan sedemikian kerana kalau kita baca sejarah George Soros ini bolehlah dinyatakan bahawa beliau telah menggunakan kemewahan beliau dengan membeli dan memberi rasuah kepada tokoh-tokoh pemimpin tertentu yang memegang kuasa di sesebuah negara sebagai pelaburan. Lambat laun pelaburan yang berjuta itu akan menghasilkan pulangan ribuan juta. Soros juga menggelar kegiatannya memberi bantuan kewangan kepada tokoh-tokoh politik tertentu sebagai membeli dan seterusnya memperhambakan sesuatu kerajaan.

Begitulah aktiviti seseorang yang berwang sama perangnya dengan seekor 'beruang' yang sentiasa mencari wang dan habuan untuk dijadikan makanannya. Dengan ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita lihat bahawa hari ini mata wang kita semakin kukuh. Mengikut Tan Sri Rashid Hussain - Pengerusi RHSB Capital Berhad bahawa ringgit kelihatan menuju ke arah lebih stabil pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar dan insaf bahawa di Malaysia juga wujud insan-insan seperti George Soros ini. Kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan begitu licik dan sukar dikesan. Ada juga yang mengikut cara George Soros ini dengan melabelkan diri mereka sebagai dermawan dan pembela nasib rakyat yang daif dan miskin tetapi mempunyai niat seperti 'ada udang di sebalik batu'. Mereka melabur berpuluh juta untuk kebajikan dan amal tetapi mereka mengaut beribu juta keuntungan. Golongan inilah yang banyak beri rasuah tetapi terlepas daripada dakwaan kerana kelicikan mereka, sebaliknya golongan yang menerima rasuah sahaja yang dapat diberkas. Oleh itu, saya berharap akta

yang baru ini bukan sahaja akan dapat bertindak kepada penerima tetapi juga pemberi dan orang perantaraan yang memberi rasuah. Saya yakin dengan definisi baru yang lebih spesifik seperti definisi 'sekutu' dan 'ejen', kes-kes seperti ini akan dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya ingin response mengenai Seksyen 20 yang banyak ditimbulkan oleh pihak pembangkang terutama daripada DAP dan juga PAS. Dalam usaha kita memerangi rasuah, kita juga jangan lupa prinsip-prinsip keadilan dan demokrasi. Undang-undang dibuat untuk menghukum mereka yang bersalah. Jika demokrasi yang menjamin hak rakyat bersuara tentang gejala-gejala buruk seperti rasuah, perlu juga hak orang yang dituduh dilindungi agar ketidakadilan dapat dielakkan, kadang-kadang kita dituduh kerana fitnah. Seksyen 20 menyatakan bahawa orang yang membuat aduan palsu atau kenyataan yang bercanggah kepada BPR boleh didakwa dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda RM100,000 atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya. Seksyen 20 ini amat perlu diadakan supaya tidak timbul fitnah untuk menjatuhkan seseorang lebih-lebih lagi seorang pemimpin di dalam sesuatu masyarakat. Mengikut Islam, seperti yang dinyatakan oleh wakil daripada PAS bahawa fitnah ini lebih besar dosnya daripada membunuh. Semalam PAS ada menyebut perkara ini dan hari ini kita lihat hukuman fitnah ini hanya RM100,000 ataupun 10 tahun penjara kalau kita bandingkan dengan hukuman bunuh yang sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Seksyen 20 ini untuk dikekalkan di atas enam alasan dan hujah yang saya nyatakan di bawah.

Pertama, oleh kerana wujudnya Seksyen 33(3) iaitu satu seksyen baru, yang mana Seksyen 20 pun seksyen baru, maka kita mesti kaitkan Seksyen 20 ini dengan Seksyen 33(3) yang baru iaitu Pendakwa Raya boleh meminta seseorang menjelaskan harta yang dimilikinya dengan membuat kenyataan bersumpah. Pendakwaan akan dibuat jika seseorang gagal memberikan penjelasan yang memuaskan berhubung dengan pemilikan harta melalui pendapatan di dalam kenyataannya. Selain itu, pegawai BPR dengan kebenaran pendakwa raya boleh pergi mendapat maklumat terus di bank dan institusi kewangan. Kita lihat Seksyen 33 ini memberikan satu ruangan yang luas kepada BPR untuk menyiasat. Kalau Seksyen 33 ini kita laksanakan sudah tentu pelbagai tuduhan palsu boleh timbul sebagaimana wakil dari Kubang Kerian menyatakan tadi.

Kalau kita tengok konduktor bas ini lebih sahaja hartanya, kita report kepada BPR. Kita lihat sahaja pegawai kerajaan atau mana-mana pemimpin yang mempunyai harta yang lebih sahaja, kita report BPR - berapa ramai, berapa banyak yang kita hendak report? Report-report yang dibuat ini kadang-kadang tidak ada alasan. Hanya sekadar dengki melihat bahawa pemimpin dan orang-orang tertentu ini mempunyai kemewahan yang lebih sedangkan mereka tidak pergi mendalami sama ada punca yang mereka dapat ini daripada punca yang halal ataupun punca yang rasuah. Jadi, kalau ini tidak dibanteras, maka saya percaya letaklah berapa ramai pun pegawai BPR mereka tidak akan larat dan tidak akan termampu untuk menjalankan penyiasatan.

Saya difahamkan hampir 50% daripada 5,000 kes yang direport kepada BPR tidak ada pihak yang ingin bertanggungjawab. Apabila dipanggil untuk memberi kerjasama dengan BPR mereka yang melapor secara surat layang - secara penakut ini mereka tidak berani tampil ke hadapan. Maka, kita percaya dengan Seksyen 20 ini maka perkara-perkara yang boleh membazirkan tenaga, boleh membazirkan wang dan juga masa BPR, dapat kita atasi.

Begitu juga saya buat analogi di bawah Seksyen 33 ini, katalah sekarang ini sama ada pihak pembangkang ataupun mana-mana pihak termasuk pihak pembangkang DAP tidak semua penyokong DAP suka kepada Setiausaha Agungnya - kepada Yang Berhormat dari Tanjong, sebab itu ramai orang DAP keluar daripada DAP. Sekarang ini, kalau kita hendak aniaya kawan-kawan kita amat mudah, di bawah Seksyen 33 kita boleh masukkan duit di dalam akaun kawan-kawan kita, kita boleh masukkan daripada oversea, kita boleh masukkan dari Penang, dari Johor - tanpa pengetahuan mereka. Tiba-tiba dia report kepada BPR, bila BPR tanya daripada mana Yang Berhormat ataupun tuan mendapat duit RM50,000 dimasukkan daripada luar negeri, dimasukkan dari Johor, dari mana-mana, sekian-sekian haribulan daripada mana?

Kalau mengikut Seksyen 33, kalau kita tidak boleh memberi alasan munasabah, maka kita boleh didakwa dan sekarang ini beban membuktikan ini terletak kepada kita, menunjukkan kita tidak bersalah. Saya tidak percaya kalau hari ini, akta hari ini kita boleh lepas, mungkin kita kata dengan BPR saya tidak tahu daripada mana dapat wang, BPR kena cari siapa yang beri duit kepada saya, tetapi hari ini bila Seksyen 33 ini kita laksanakan, kita kena memuashatkan, memberi alasan daripada mana kita dapat duit.

Jadi, ini menunjukkan bahawa seseorang ini mudah diberi fitnah dengan adanya Seksyen 33(3).

Sebab itu Seksyen 20 ini perlu kita adakan seandainya kita dapati ada kawan-kawan kita yang difitnah, maka mereka yang membuat kerja-kerja keji ini harus didenda di bawah Seksyen 20.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga kita juga ingin mengelakkan aduan daripada khabar-khabar angin. Ini kadang-kadang kita mendengar khabar-khabar angin - ini kerja pembangkang selalu. Bila mendengar khabar-khabar angin seseorang itu telah melakukan rasuah, dia report kepada BPR. Bila BPR tidak mahu buat penyiasatan, dia beritahu dengan press. Press pula dia minta tanya dengan BPR, kes ini sudah siasatkah atau belum. Jadi, kerja orang yang tidak bertanggungjawab ini hanya untuk mencari publisiti yang murah. Kalau BPR tidak siasat, dia suruh Press tanya sama ada betul atau tidak betul laporan telah dibuat, sama ada penyiasatan telah dibuat. Kemudian di dalam Parlimen kita dengar Kota Melaka mendabik dada, menyebut tiga, empat kes yang dilaporkan kepada BPR. Kalau setakat lapor sahaja, semua orang boleh lapor tetapi kalau setakat hendak lapor tanpa memberi kerjasama, memberikan bukti-bukti yang kukuh dan memberikan kerjasama dengan BPR saya rasa sukar BPR menjalankan tugas.

Maka, kita minta supaya mereka yang lebih bertanggungjawab untuk membuat sebarang laporan, maka Seksyen 20 sekali lagi mesti digunakan bagi mereka yang hanya suka melapor berdasarkan kepada khabar-khabar angin. Begitu juga dengan Seksyen 10 - Seksyen 10 ini seksyen lama tetapi dalam Akta Rasuah ini kita baca, baru kita janji dan kita setuju hendak terima sahaja boleh dianggap sebagai kesalahan di bawah Seksyen 10.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya buat satu lagi analogi. Katalah saya sebagai Ahli Parlimen, orang minta saya lobikan, saya pun jumpa seseorang untuk mendapatkan satu-satu projek, tiba-tiba projek tidak dapat, dia marah dengan saya kononnya saya pergi lobi orang lain, maka dengan mudah dia akan buat laporan dengan BPR kononnya semasa saya melobikan projek saya sudah berjanji untuk ambil rasuah dengan dia ataupun menerima wang. Jadi, kalau perangai manusia seperti ini, kita hendak tolong dia, bila dia tidak dapat, dia hendak makan kita balik, maka sekali lagi Seksyen 20 mesti kita gunakan supaya mengelakkan daripada kita difitnah dan juga dianiaya.

Dan yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak mahu ada di antara saksi-saksi akan dibeli. Saksi-saksi ini akan di 'blackmail', sebagai contoh, kalau kes rasuah yang melibatkan berjuta-juta ringgit dan kalau dijatuhkan hukuman, kita lihat hukuman yang boleh dikenakan, lima kali ganda daripada

wang yang disyaki berlaku rasuah. Kalau rasuahnya RM1 juta, dia boleh dikenakan RM5 juta maksimumnya. Kalau Seksyen 20 ini tidak ada, seseorang itu mudah - dia pergi ke mahkamah dia mengaku dia memberi kenyataan palsu dan habis-habis sangat dia kena hukum kalau ikut undang-undang yang ada pada CPC hari ini hukumannya begitu ringan, dia kena enam bulan, dia kena satu tahun tetapi, misal kata orang yang terlibat dengan rasuah, dia boleh kata "Okay, saya beri RM1 juta, tidak apa, kamu masuk dalam, saya akan 'take care your family', keluarga dan bila nanti RM1 juta sudah ready dalam bank". Dia akan boleh buat, kalau setakat hukuman yang ada. Ini melibatkan rasuah yang berjuta-juta ringgit.

Maka, Seksyen 20 ini bagi saya RM100 ribu itu pun tidak cukup, biar dikenakan tindakan yang betul-betul tegas supaya tidak mudah saksi-saksi ini nanti apabila pergi ke mahkamah, mereka ini akan dibeli dan begitu juga kita lihat Seksyen 20 ini bukan seksyen baru, telah pun sedia ada dalam CPC, mengapa selama ini orang tidak heboh pun, yang membuatkan rakyat kelam kabut - yang mengatakan rakyat sudah mula takut hendak buat laporan, DAPlah yang buat kelam kabut, dia menakutkan rakyat.

Selama ini CPC sudah ada. Saya hendak tanya berapa ramai yang telah kena dakwa di bawah Akta False Report ini? Tidak ramai! Kalau yang ada pun kes-kes yang kita dengar yang popular. Satu kes yang saya ingat kes Karthigesu. Karthigesu dituduh membunuh, satu saksi mengaku memberi kenyataan palsu, Karthigesu lepas! Satu lagi kes yang baru-baru ini saya tidak pasti sudah selesai belum - kes Kinaparan yang menuduh polis melakukan kesalahan, tidak banyak tetapi kalau DAP mempunyai motif yang jahat, yang ingin menakutkan rakyat terhadap niat kerajaan yang baik untuk mengatasi rasuah, maka dia kata Seksyen 20 ini adalah seksyen yang menakutkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh Seksyen 22(4). Seksyen 22(4) ini memang harus diadakan untuk menjaga maruah tertuduh dan juga untuk memudahkan penyiasatan kepada pihak BPR di mana segala laporan ini tidak boleh dihebohkan atau diberitahu kepada mana-mana orang sehinggalah seseorang itu didakwa di mahkamah. Hari ini kita lihat apa yang berlaku dalam kes penyiasatan BPR. Kadang-kadang, ada yang belum tahu lagi bersalah, barulah pihak BPR hendak pergi ambil maklumat, barulah BPR hendak bertanya kepada seseorang, sudah masuk surat khabar -

keluar headline. Orang itu belum lagi didakwa, belum lagi ditangkap. Ini pun Press kena jaga, saya ingat Seksyen 22(4) ini Press pun akan berjaga-jaga. Kes yang belum tentu lagi salahnya yang baru BPR hendak siasat, maka dia tidak boleh diheboh-hebohkan. Ini penting untuk menjaga nama baik seseorang yang tertuduh. Masyarakat kita ini kadang-kadang baru dituduh, baru masuk surat khabar, tambah pula Yang Berhormat disiasat, orang bawah sudah mengata, sudah tentu dia ini rasuah.

Jadi, saya amat menyokong Seksyen 22(4) ini supaya nama baik orang yang dituduh ini dapat kita bela dan juga memudahkan penyiasatan BPR. Kalau tidak, BPR baru sahaja hendak siasat, DAP ataupun orang-orang tertentu sudah heboh dalam surat khabar. Sudah tentulah orang yang berkenaan, dia akan menyorok dan menghapuskan segala dokumen sebagai bukti. Jadi, kalau macam ini berlaku bagaimana BPR hendak buat kerja? Dia buat statement, evidence sempat disorok, bila BPR tidak dapat siasat, tidak dapat menyelesaikan kes yang dia hebohkan, dia hendak marah dengan BPR, kononnya BPR tidak boleh selesaikan kes itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, masa telah singkat sangat, Tuan Yang di-Pertua. Yang akhir sekali saya hendak sentuh mengenai 'specific of power', tadi sepertimana ramai yang kita bangkitkan tadi, yang DAP pun tidak puas hati. Saya hendak ringkaskan sahaja bahawa DAP ini nampaknya dia tidak setuju dengan sistem perundangan di negara kita. Saya sudah nyatakan hari itu, ini hak Pendakwa Raya. Hari ini, dia tidak setuju dengan Peguam Negara, kononnya Peguam Negara membuat 'selective prosecution'. Dia hendak beri kuasa kepada BPR. Saya hendak tanya, besok kalau dia tidak puas hati lagi dengan Peguam Negara, besok kita adalah meminda Akta CPC ataupun Akta Polis, dia akan cadang pula supaya kuasa Peguam Negara itu beri pula kepada Ketua Polis, besok kita pinda pula Akta Kastam, dia akan minta kuasa Peguam Negara beri pula kepada Ketua Pengarah Kastam. Mana ada check and balance? Polis, kastam termasuk BPR adalah badan penyiasatan, dia kena siasat.

Bila dia sudah siasat, maka laporan ini akan dihantar kepada Peguam Negara, biarlah dia yang akan menentukan sama ada ada kes atau tidak ada kes, cukup bukti atau tidak ada cukup bukti, tugas

dia menyiasat. Walaupun kita hormat kepada Tan Sri Harun Hashim, saya mengaku apa yang dicakapkan adalah pada zaman dia. Saya yakin kalau Tan Sri Harun Hashim menjadi Ketua Pengarah BPR hari ini, dia pun tidak akan boleh melaksanakan sepertimana 20 tahun, 30 tahun pada waktu dia, sekarang ini zaman sudah berubah.

Begitu juga saya lihat daripada cadangan yang dikemukakan oleh pihak Ketua Pembangkang, dia mencadangkan supaya kuasa, Director-General shall have all the powers of Deputy Public Prosecutor, hendak beri kuasa Ketua Pengarah sebagai DPP. Saya hendak tanya dia, kalau pindaan ini kita terima pun, ini pindaan yang tidak logik kerana di dalam akta kita ini jelas menunjukkan bahawa Ketua Pengarah BPR ini boleh dilantik daripada anggota perkhidmatan awam. Maksudnya, kalau hendak tiru macam Harun Hashim bolehlah, Harun Hashim ini dahulu dia bekas hakim, dia ada pengalaman dari segi undang-undang, mungkin dia ada kapasiti untuk mendakwa. Tetapi kalau mengikut undang-undang ini, sesiapa pun boleh dilantik. Ketua daripada tentera boleh, daripada polis boleh, daripada orang awam pun boleh.

Jadi saya hendak nyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak pembangkang ini langsung tidak ada rasionalnya. Jangan hendak bawa kita balik kepada zaman 30 tahun yang lepas. Jadi saya harap pembangkang hendaklah lebih positif untuk memikirkan dan bersama-sama kita secara ikhlas memerangi rasuah, bukan hanya pandai bercakap sahaja.

Jadi dengan kata-kata tersebut, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

7.47 mlm.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit. Saya telah mengikuti perbincangan rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan pembangkang. Sebelum saya menyentuh soal undang-undang ini, biarlah saya memberi ingatan, jangan berlaku apa yang telah berlaku oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi menuduh melulu, kerana tuduhan yang tidak berasas, nasib baik Yang Berhormat Kubang Kerian masih berada di sini dan berterima kasih kepada saya, kalau tidak, Kubang Kerian boleh dibawa

kepada Committee of Privilege, dengan izin, kerana menuduh ahli Parlimen yang lain dengan melulu dan tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, biarlah sebagai yang pertama saya sentuh mengenai soal tugas dan tanggungjawab Pengarah BPR dan Peguam Negara. Banyak disentuhkan dan rakan-rakan saya dari Barisan Nasional juga menyentuh soal ini dan saya sentuh secara ringkas. Saya bercakap dari segi pengalaman sebagai seorang pegawai polis dan juga sebagai seorang peguam. Sebagai seorang pegawai polis, iaitu kalau kita pandang daripada rasional ataupun daripada analogi iaitu sebagai pegawai BPR. Tiap-tiap kali kita membuat penyiasatan, cadangan atau dorongan kepada kita ialah mencari kesalahan itu berlaku supaya orang ini boleh dibawa ke mahkamah, dengan sendirinya kita mempunyai satu pandangan iaitu orang yang disiasat itu akan didapati salah di mahkamah.

Jadi, sebagai check and balance kepada pandangan yang kita ada ialah menerusi Pejabat Peguam Negara. Dengan adanya kertas siasatan yang kita ada dan dengan cadangan yang ada pada kita, kita majukan kepada pihak Peguam Negara untuk mendapatkan pandangan yang kedua. Dengan pandangan yang kedua sedemikian, dapatlah kita satu check and balance agar pendapat kita itu tidak didorong sangat oleh perasaan frustration, marah dan sebagainya bagi penyiasatan di peringkat bawah. Dalam keadaan yang sedemikian, saya tidak melihat mengapa pula kita mengubah undang-undang ini berlandaskan apa yang telah dicadangkan oleh pihak Ketua Pembangkang dan pihak DAP.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini sebagaimana rakan-rakan saya telah sebut rata-rata adalah satu-satunya undang-undang semenjak saya menjadi Ahli Parlimen semenjak tahun 1990 mendapati adalah satu undang-undang yang tegas, undang-undang yang mungkin dianggap tidak tradisional bahkan boleh dikatakan draconian daripada segi tradisi undang-undang yang kita warisi daripada pihak British. Tetapi dalam keadaan yang sedemikian, undang-undang yang keras, tegas dan mempunyai hukuman-hukuman yang kuat dan kuasa-kuasa yang menyeluruh dan luas bidangnya diberi dalam undang-undang ini. Tetapi dalam keadaan negara kita yang membangun desakan ataupun gejala rasuah mungkin berlaku berleluasa. Walaupun kita dapati dalam perbandingan kita dengan negara-negara lain, kita belum lagi

menjadikan rasuah itu satu amalan biasa ataupun satu kebudayaan negara kita. Tetapi untuk memerangi rasuah yang mana kita dapati sebagai subversif, sebagai clandestine, tidak ubah masalah komunis semasa Emergency pada tahun 50-an, 60-an, 70-an dahulu. Jadi, kalau perbandingan itu betul, dahulu kita perangi masalah komunis, masalah subversif dengan undang-undang yang tegas, undang-undang Emergency, termasuk undang-undang ISA. Dengan undang-undang yang wujud pada masa itu, kita boleh memerangi masalah-masalah yang mendatangi negara dengan baik dan alhamdulillah, negara kita terselamat daripada gejala yang tersebut.

Pada masa sekarang pandangan jauh pihak kerajaan, pandangan jauh pemimpin atasan melihat masalah gejala rasuah mungkin mengatasi negara kita ataupun memerangi negara kita sama ada secara langsung ataupun tidak langsung oleh kerana pembangunan yang pesat, kedudukan yang semakin telah baik, keadaan hidup kita telah berubah dan undang-undang tegas ini mestilah diadakan untuk memerangi perkara yang mungkin menjadikan satu gejala kepada negara kita.

Dengan rasional yang sedemikian, saya amat menyokong undang-undang ini. Walaupun kita dapati undang-undang ini, umpamanya di bidang hukumannya memanglah jauh lebih tinggi daripada undang-undang dahulu. Dan prosedur keterangannya daripada seksyen 43 sampai seksyen 50 memang berlainan, memberi satu presumption yang berlainan dan maknanya tugas dan tanggungjawab pihak BPR ataupun polis mengendalikan kes-kes ini adalah diringankan daripada segi pengendalian, penyiasatan dan sebagainya, begitu juga apabila kes ini sampai ke mahkamah oleh kerana prosedur keterangan telah berlainan. Jadi, tidaklah pihak-pihak penguatkuasa seperti Polis dan BPR menemui jalan buntu setelah membuat penyiasatan beberapa ketika untuk satu-satu kes yang tertentu.

Sebagai pegawai dahulu, saya pernah mempunyai pengalaman terlibat dalam penguatkuasaan daripada segi ini, kita selalu menemui jalan yang bermasalah dan buntu serta memberi frustration kepada kita daripada penyiasatan. Tetapi dengan adanya prosedur undang-undang yang diberi sedemikian ini, insya-Allah, tindakan pihak-pihak penguatkuasa akan lebih lancar dan baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang jenayah, begitu juga undang-undang rasuah tidak akan dapat diselenggara ataupun dilaksanakan

dengan baik melainkan kita ada penglibatan dan kerjasama daripada pihak-pihak yang tertentu, terutama sekali pihak-pihak kerajaan dari jabatan lain, begitu juga masyarakat keseluruhannya. Dari itu, dalam undang-undang ini juga diberi satu peruntukan di bawah seksyen 8 iaitu 'meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah akta ini dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pengarah mungkin membawa kepada rasuah'. Jadi, ini ada rata-rata disebut oleh kawan-kawan tadi iaitu prosedur-prosedur kerajaan yang tertentu. Umpamanya, kalau permohonan daripada sesiapa sahaja kepada pihak kerajaan, janganlah dibanyakkan sangat red-tape dan sebagainya, janganlah banyak sangat rintangan. Rata-rata kawan-kawan kita tadi menyebutkan kadang-kadang menunggu sampai berbulan-bulan, bahkan sampai bertahun baru mendapat kelulusan daripada pihak-pihak yang tertentu untuk membuat satu-satu pembangunan. Dalam keadaan sedemikian, memang sudah tentu siapa sahaja hendak mempercepatkan agenda dan projek mereka mestilah mengambil jalan cepat.....

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Yang Berhormat dari Batang Lupar. Tadi dikatakan mengenai prosedur-prosedur kerajaan untuk mencegah rasuah ini. Rang undang-undang yang kita buat ini sebagai satu amaran awal, tetapi apakah cara-cara di peringkat jabatan untuk mengawal ataupun supaya tidak berlaku rasuah. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau, yang pertama, BPR mengenal pasti dahulu apakah jenis jawatan yang mempunyai kecenderungan untuk rasuah, misalnya jawatankuasa tender dan sebagainya, iaitu mereka yang memegang kuasa-kuasa melulus ataupun projek-projek besar ataupun kuasa-kuasa yang terdedah kepada rasuah. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau mereka ini sebelum dilantik, mengangkat sumpah dahulu dan diberi amaran bahawa misalnya, 'saya tidak akan terlibat dengan sebarang rasuah kerana jawatan saya ini terdedah dengan rasuah', apakah Yang Berhormat bersetuju? Bagi BPR pula, bagi jawatan ini, apakah BPR akan mewujudkan jawatankuasa ataupun ejen-ejen pengintip yang menyamar sebagai orang yang memberi rasuah ataupun mencuba-cuba kepada mereka yang terlibat? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang apa sahaja tindakan apabila tindakan itu boleh mengatasi masalah rasuah, saya bersetuju. Yang pentingnya ialah Pengarah BPR diberi kuasa di bawah undang-undang ini untuk memberi nasihat kepada jabatan awam agar tindakan-tindakan yang akan menyisihkan, mengurangkan rasuah di jabatan-jabatan yang tertentu dengan mengaturkan prosedurnya, mengaturkan birokrasinya, ini termasuk tender board dan sebagainya. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, di dalam kita menguatkuasakan undang-undang ini, saya berharaplah pihak Pengarah BPR bukan sahaja melihat dari segi menyiasat tetapi prevention adalah satu perkara yang lebih penting lagi untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang madani, masyarakat Malaysia yang tidak berasuah, masyarakat Malaysia yang akur perkara rasuah ini adalah perkara yang keji dan tidak diterima bukan sahaja undang-undang, tetapi juga agama kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini juga telah disarankan oleh pihak Muafakat Memerangi Rasuah. Dalam Muafakat Memerangi Rasuah ini dengan jelas disebutkan dan saya bersetuju iaitu prosedur-prosedur kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan mestilah bertindak dengan efisien, dengan yakin, dengan tidak ada pandangan lain melainkan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pegawai kerajaan menduduki tempat-tempat yang tertentu. Dengan keadaan yang sedemikian, kalau pihak Pengarah Jabatan Pencegah Rasuah melihat pegawai-pegawai kerajaan tidak menjalankan tugas-tugas mereka yang strategik di tempat-tempat yang sensitif, Pengarah BPR mestilah mengambil tindakan di bawah seksyen 8 ini agar jabatan itu bertindak kepada pegawai-pegawainya.

Jadi, saya berharap pihak jabatan kerajaan yang terlibat dengan kuasa-kuasa penentu untuk kelulusan apa-apa sahaja yang ada perhubungan dengan pihak-pihak yang tertentu, orang dalam business, pihak awam dan sebagainya mestilah menjalankan tugas mereka dengan sebaik-baiknya dan tidak membangkitkan satu situasi yang mana rasuah ini adalah satu solution kepada masalah yang dihadapi oleh pihak yang tertentu itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk hari ini sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya sambung besok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Boleh sambung besok, 6 minit sahaja.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Budaya Sebagai Benteng Menghindar Masalah Sosial

8.00 mlm.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Hari ini merupakan hari kedua kita membahaskan Akta Pencegahan Rasuah. Saya berpendapat bahawa kita boleh melakukan perundangan undang-undang untuk kita membanteraskan gejala ini. Tetapi kita harus akui bahawa gejala rasuah ini adalah satu symptom, satu terbitan, satu hasil daripada negara kita sendiri. Kita tidak boleh salahkan orang lain kenapa wujud fenomena ini. Kita jangan tidak mengaku wujud fenomena rasuah di dalam negara kita ini, dan kita kena terima sebagai satu hakikat bahawa ianya adalah satu petunjuk, satu ukuran bahawa terdapat masalah dalam negara kita ini, terdapat masalah di dalam institusi-institusi di dalam negara kita ini, terdapat masalah dari segi nilai dan juga norma dalam masalah ini.

Kekuatan satu-satu negara, satu-satu masyarakat adalah diukur dari segi kekuatan institusi yang ada di dalam negara itu. Kekuatan itu berlandaskan kepada nilai dan juga kepada norma yang dipegang oleh individu-individu di dalam negara yang tersebut. Kekuatan kolektif institusi inilah sama ada institusi sosial, institusi politik atau ekonomi yang memungkinkan kita mengalami pertumbuhan ekonomi misalnya. Kelemahan institusi-institusi ini jugalah yang melahirkan rasuah dan segala jenis permasalahan yang lain. Kekuatan institusi ini jugalah yang melahirkan terbitan-terbitan sosial yang memberi takrif kepada kita sebagai satu bangsa, sebagai satu tamadun sastera, budaya dan berbagai-bagai jenis seni dan sebagainya.

Pembentukan budaya melalui penghayatan sejarah melalui pengenalan kepada karya. Ini semua akan memanusikan seseorang individu. Ia boleh membantu individu itu mengenal dirinya sendiri dan ia boleh mengenal kepelbagaian individu-individu lain di dalam masyarakat sekelilingnya. Pembentukan budaya sebegini akan membekalkan kekuatan untuk masyarakat terus membangun melalui pembangunan setiap individu. Pembentukan budaya

sebeginilah menjadi benteng yang baik untuk menghindar segala jenis penyakit decodin dalam apa sekali bentuk pun termasuk jugalah gejala yang kita perkatakan dua hari ini, iaitu gejala rasuah.

Tetapi malangnya, saya rasa bahawa sekarang ini dalam pada kita mengejar pembangunan ekonomi yang kita takrifkan hampir keseluruhannya berdasarkan kepada pencapaian material, kita bincang misalnya hanya kadar pertumbuhan ekonomi. Pada ketika mungkin dalam 10 tahun ini, hampir satu generasi telah berlalu, kita dapati sekarang muda-mudi generasi belia tidak kenal diri mereka sendiri, tidak kenal siapa mereka, tidak kenal sejarah negara ini, tidak kenal budaya negara ini. Kita sendiri sebagai satu negara tidak lagi menghasilkan terbitan-terbitan yang boleh membudaya dan memanusiaikan kita sebagai satu bangsa, selain daripada Lat sebagai seorang kartunis, tidak ada kartunis lain yang boleh kita hasilkan. Berapakah orang seni, penulis, penyajak yang dapat kita lahirkan di dalam pada kita berbangga dengan pencapaian ekonomi kita yang bukanlah seberapa mana sangat.

Jadi saya berpendapat bahawa peranan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan adalah amat penting, mungkin orang melihat kementerian ini sebagai terlibat hanya dalam aspek pelancongannya. Jarang kementerian ini dikaitkan dalam perbincangan mengenai gejala sosial atau rasuah, tetapi saya berpendapat kementerian inilah di antara kementerian yang mempunyai peranan yang cukup kuat yang boleh membekalkan kepada asas-asas untuk membantu kita apabila berdepan dengan masalah sosial yang begitu banyak diperkatakan. Saya tidak hendak misalnya kebudayaan dalam konteks nama kementerian itu hanyalah sebagai complimentary kepada namanya yang satu lagi iaitu pelancongan.

Saya tidak mahu kebudayaan hanya dilihat sebagai satu tourist product yang hendak kita kaitkan dengan nama Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan. Jadi hendaklah kita ada satu usaha yang lebih kuat dan gigih untuk kita memberi pengenalan yang lebih kepada sejarah, seni, kesedaran tentang siapa kita, dari mana kita datang, kepada nilai-nilai yang kita pegang, kepada falsafah yang kita dukung, jadi barulah ada kekuatan. Tidak ada makna pada saya kekuatan satu-satu bangsa negara ini tidak bergantung kepada benda-benda yang fizikal, twin tower atau apa bendakah, tidak, itu bukan merupakan ukuran kekuatan. Ukuran kekuatan kita sebagai satu bangsa terletak di dalam

jiwa kita. Pernah saya katakan negara Jepun dibom, habis hancur. Apabila Vietnam dibom sampai hancur. Germany dibom sehingga hancur. Bangsa itu dapat bangun balik kerana bangsa itu mempunyai kekuatan tentang siapa dia, apakah sejarah bangsa itu dan mempunyai kekuatan dalaman.

Jadi, hendaklah kita selalu takrifkan pembangunan kita sebagai satu bangsa berdasarkan pada budaya kita, pada sejarah kita, pada bahasa kita dan sebagainya. Jadi, saya mohon kesempatan yang ada hari ini untuk mengetahui apakah langkah yang diambil oleh kementerian ini yang saya rasa satu kementerian yang cukup penting, bukan dari sudut pelancongannya, tetapi dari sudut kebudayaannya untuk kita memastikan bahawa sudut-sudut yang saya katakan tadi ini dapat diberi liputan dalam pada usaha kita untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang mempunyai kekuatan dan sebagai satu alatan yang lebih penting, lebih berkesan daripada perundangan untuk menangani masalah yang kita hadapi. Undang-undang hanyalah sekeping kertas untuk kita kuatkuasakan. Kalau orang tidak ikut, orang dok macam itu, bubuh undang-undang baru pun orang dok macam itu juga lagi. Jadi, peranan kementerian ini adalah amat penting. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian jawab.

8.12 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan banyak terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah mengambil bahagian dalam Ucapan Penangguhan ini. Keduanya, beliau amat berminat dengan kebudayaan. Dalam banyak hal, saya ingin memberikan persetujuan tentang apa yang telah beliau katakan pembangunan seorang manusia, kekuatan sebuah negara, kekuatan sebuah masyarakat dan sebagainya.

Tetapi ada juga beberapa perkara yang saya hendak bezakan dengan beliau, terutama sekali tentang pandangan beliau bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengambil budaya ini sebagai alat untuk mempromosikan pelancongan. Sebenarnya saya rasa ataupun saya faham tentang mengapa beliau berkata demikian, kerana kuatnya promosi pelancongan kita sehingga itu yang dapat menarik beliau. Tetapi saya ingin memberitahu pengakuan kepada Yang Berhormat

bahawa kementerian kita dengan kuatnya juga menjalankan kegiatan-kegiatan, mengadakan program-program dan mengadakan jawatankuasa-jawatankuasa menyungkil semua segi kebudayaan negara kita untuk mewujudkan sebuah negara yang maju, tetapi juga mempunyai budaya yang tinggi, moral yang tinggi sesuai dengan wawasan kita untuk mencapai Wawasan 2020.

Dalam hal ini, izinkan saya untuk memberi sedikit penerangan tentang kegiatan-kegiatan kita, kerja-kerja kita di kementerian untuk meninggikan mertabat kebudayaan kita dalam masyarakat kita yang pesat membangun ini. Tetapi saya juga ingin membuat pengakuan bahawa promosi yang kita buat dalam perkara-perkara yang melibatkan kebudayaan tidaklah sebegitu hebat kalau dibandingkan dengan promosi-promosi yang kita buat yang melibatkan pelancongan. Kalau Yang Berhormat tengok sendiri daripada Belanjawan kita, dan di dalam Dewan ini juga saya buat pengakuan bahawa kita membelanjakan wang begitu banyak untuk mempromosikan Malaysia untuk menarik pelancong datang ke sini. Jumlahnya saya sebutkan lebih kurang 60 juta. Kalau dimasukkan Formula One juga, jadi 80 juta. Tetapi baru tahun ini sahaja kita mempunyai belanjawan di bawah kebudayaan. Kerana dalam membawa ataupun memajukan negara kita, kita ada kerajaan yang mempunyai priority dan pada masa-masa tertentu kita menekankan priority kita itu pada hal-hal tertentu. Mungkin kalau Yang Berhormat bercakap di Dewan ini pada 1986 misalnya, pada 1987 atau 1988 Yang Berhormat tidak memikirkan tentang kebudayaan kerana pada masa-masa itu kita pernah mencatat kadar pertumbuhan ekonomi -2, masa itu kita tidak capak pasal kebudayaan, kita mempunyai priority yang lain tetapi hari ini apabila kita mencatat kadar pertumbuhan ekonomi lebih 7% tiap-tiap tahun, maka Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat dari Balik Pulau yang tahu tentang kebudayaan, yang cintakan kebudayaan mempunyai masa untuk memikirkan tentang kebudayaan ini. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha Yang Berhormat itu untuk nak memangkinakan lagi minat masyarakat terhadap kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada masalah ataupun pertanyaan pokok Yang Berhormat iaitu apakah langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan proses pembentukan jati diri melalui program-program yang dilakukan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan sentiasa terlibat secara aktif dalam

program-program kebudayaan dan kesenian yang dikendalikan sama ada di peringkat pusat, peringkat negeri ataupun di peringkat daerah. Kementerian telah merangka satu objektif program pembangunan kebudayaan untuk mewujudkan satu rumpun bangsa yang berakhlak dan berbudaya serta mempunyai jati diri yang tinggi sesuai dengan keperluan peribadi ke arah pencapaian Wawasan 2020 dan perpaduan negara melalui penghayatan dan rasa cinta masyarakat kepada kebudayaan dan kesenian warisan bangsa.

Program pembangunan kebudayaan pada dasarnya digerakkan oleh kementerian yang berperanan merancang, menyelia dan menjalankan program ini melalui empat jenis kegiatan, iaitu kegiatan pemuliharaan dan pengembangan kebudayaan dan kesenian, kegiatan kecemerlangan seni, kegiatan pendidikan seni dan kegiatan pengembangan seni tampak.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti pemuliharaan dan pengembangan kebudayaan pula dipanjangkan dan dilaksanakan melalui program-program yang dinamakan pemuliharaan sendiri, penyelidikan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, boleh gulung tak, masa tidak cukup?.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Sebentar, sikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Pengembangan kesenian dan bimbingan seni. Kita juga mengadakan banyak projek di bawah apa yang dilaksanakan iaitu projek-projek tertentu untuk mencapai matlamat-matlamat yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dipendekkan jawapan bahawa kita mencungkil, mendidik menyebarkan dan memberi ruang untuk budaya kita berkembang ataupun melalui pelbagai kegiatan.

Saya mohon kalau Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ingin mengetahui kegiatan-kegiatan ini lebih lanjut, kita bersedia untuk menerima kunjungan beliau ke kementerian supaya kita dapat berbincang dan kita ada satu jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar kebudayaan yang berjumpa dan memberi pandangan, teguran dan bimbangan kepada kita supaya apa yang telah diprogramkan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Jadi, apa yang kita harapkan ialah dengan usaha-usaha yang kita buat ini, kita dapat kerjasama daripada semua pihak juga pihak media cetak, media elektronik untuk sama-sama menyebarkan kegiatan ini supaya kebudayaan kita dapat berkembang maju dalam masyarakat kita sendiri. Sekian.

Permohonan Hakmilik Strata

8.16 mlm.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, ucapan penangguhan saya bernama 'Permohonan Hakmilik Strata'. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik telah merayu kepada pembeli-pembeli rumah pangsa membuat pengaduan kepada kementerian beliau jikalau mendapati pemaju yang tidak membuat permohonan Strata Title.

Saya mengalu-alukan kenyataan beliau dan saya membuat pengaduan terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Penang Development Corporation (PDC) sebagai pemaju. Selama ini tiada Strata Title dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC sebagai pemaju kepada pembeli-pembeli rumah pangsa khususnya di kawasan Mak Mandin Fasa I dan Seberang Jaya Fasa I.

Walaupun rumah-rumah pangsa masing-masing telah siap dibina sepuluh hingga dua puluh tahun lamanya oleh kedua-dua badan ini. Saya merayu kepada pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi menyasiat dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC sebagai pemaju. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila jawab.

8.18 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini akan saya lakukan secara tepat, padat dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sangat mengambil berat kerana aduan-aduan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga oleh pembeli-pembeli petak mengenai kegagalan pemaju membuat permohonan Hakmilik Strata.

Semenjak gesaan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri melalui akhbar-

akhbar tempatan pada awal 1997 hingga 22 Julai 1997, sebanyak 186 aduan telah diterima daripada pembeli-pembeli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri-negeri lain. Semua aduan ini sedang disiasat oleh kementerian dan tindakan sewajarnya akan diambil untuk membantu pemaju-pemaju membuat permohonan Hakmilik Strata.

Mengenai aduan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC tidak mendapatkan hakmilik strata kepada pembeli-pembeli rumah yang telah siap dibina sepuluh hingga dua puluh tahun, sukacita saya menyatakan bahawasanya perkara ini telah disiasat oleh kementerian saya. Dalam siasatan tersebut, kementerian mendapati bahawa aduan tersebut adalah tidak benar. Mengikut maklum balas yang diperolehi, PDC telah mendapatkan sebanyak 6,193 hakmilik strata bagi projek-projek yang didirikan yang melibatkan 11,140 unit.

Bagi baki 4,947 unit, permohonan-permohonan adalah dalam peringkat pemprosesan. Ini bermakna pihak PDC telah pun membuat permohonan untuk hakmilik strata bagi semua bangunan yang telah siap dibina. Skim-skim hakmilik strata tersebut adalah terletak di bandar Bayan Baru, bandar Seberang Jaya dan bandar George Town.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Ya, sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 17(4) Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.20 malam.